

Perakaunan dan Pelaporan Kewangan
Islam Bagi Institusi Wakaf, Zakat dan
Baitulmal Di Malaysia Fasa 2, 2017
(Zon 3)

Disediakan Untuk

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

19 Januari 2018

Volum 1, 2018

ISBN 978-967-0601-07-6

Perakaunan dan Pelaporan Kewangan
Islam Bagi Institusi Wakaf, Zakat dan
Baitulmal Di Malaysia Fasa 2, 2017
(Zon 3)

PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan izinNya maka projek dan laporan penyelidikan ini telah dapat disiapkan. Ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Y.Brs. Tuan Saat bin Esa, Akauntan Negara Malaysia, Y Brs. Dr Yacob bin Mustafa, Timbalan Akauntan Negara (Operasi) dan pengurusan atasan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) serta tidak ketinggalan Y.Bhg. Dato' Hj. Che Pee bin Samsudin, Mantan Akauntan Negara Malaysia yang telah memberi kepercayaan penuh kepada pihak kami untuk menjalankan projek penyelidikan ini dengan pembiayaan sepenuhnya oleh pihak jabatan. Ucapan terima kasih juga kepada Pengarah Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan JANM, Encik Jafril bin Junit; Pengarah Bahagian Wang Tak Dituntut, Y Brs Datuk Zamimi bin Awang; Pengarah Institut Perakaunan Negara JANM, Encik Abd Hassan Mohamad dan seluruh sekretariat penyelidikan JANM yang telah memimpin dan mengurus projek penyelidikan ini dengan cemerlang, bermula daripada pembangunan rekabentuk kertas cadangan penyelidikan sehinggalah kepada penyediaan laporan penyelidikan ini.

Tidak ketinggalan juga, ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua responden daripada 6 entiti yang terdiri daripada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM), Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), Pusat Pungutan Zakat WP (PPZ WP) dan Pusat Kutipan Zakat Pahang (PKZ Pahang), Bendahari-Bendahari Negeri, Pejabat JANM di Negeri- Negeri berkaitan serta pakar-pakar syariah dan perakaunan yang telah memberikan kerjasama penuh ketika kerja lapangan projek penyelidikan ini dilakukan.

Adalah menjadi harapan kami, maklumat yang terkandung dalam laporan ini dapat membantu JANM membuat keputusan berkaitan dengan pembangunan polisi dan piawaian perakaunan patuh syariah untuk memartabatkan institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal di Malaysia.

Pengarah Projek Penyelidikan

Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan, JANM

Pengurus Projek Penyelidikan

Institut Perakaunan Negara, JANM



KUMPULAN PENYELIDIKAN



Dr Siti Alawiah binti Siraj (Ketua Penyelidik)
Dr Hafiz Majdi bin Abd Rashid
Dr Marhanum binti Che Mohd Salleh

Prof Dr Maliah binti Sulaiman
Dr Muslim Har Sani bin Mohamad
Dr Ahmad Zamri bin Osman @ Husin

HAK CIPTA TERPELIHARA

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Institut Perakaunan Negara, Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan universiti-universiti yang terlibat dengan projek penyelidikan ini terlebih dahulu.

PENAFIAN

Penyelidik bertanggungjawab terhadap ketepatan semua pandangan, komen, laporan fakta, data, angka, ilustrasi dan lakaran grafik di dalam laporan ini, dan untuk memeriksa sama ada bahan yang dihantar adalah tertakluk kepada hak cipta atau hak milik. Institut Perakaunan Negara, Jabatan Akauntan Negara Malaysia tidak menerima apa-apa liabiliti bagi ketepatan apa-apa komen, laporan, maklumat teknikal dan fakta serta tuntutan terhadap hak cipta atau hak milik.

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	i
HAK CIPTA TERPELIHARA	ii
PENAFIAN	iii
ISI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RINGKASAN	viii
RINGKASAN EKSEKUTIF	x
BAB 1	1
Pengenalan.....	1
1.0 PENGENALAN.....	1
1.1 OBJEKTIF KAJIAN.....	1
1.2 METODOLOGI KAJIAN.....	2
1.3 HASIL KAJIAN	3
BAB 2	5
Latarbelakang Institusi.....	5
2.0 PENGENALAN.....	5
2.1 TADBIR URUS INSTITUSI WAKAF, ZAKAT DAN BAITULMAL.....	5
2.2 RINGKASAN OPERASI PERAKAUNAN INSTITUSI WAKAF, ZAKAT DAN BAITULMAL.....	7
2.3 RUMUSAN.....	8
BAB 3	9
Sorotan Literatur.....	9
3.0 PENGENALAN.....	9
3.1 MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI (MAIN)	9
3.2 AKAUNTABILITI	11
3.2.1 Islam Dan Akauntabiliti	14
3.3 PERAKAUNAN WZB	16
3.3.1 Perakaunan untuk Wakaf	17
3.3.2 Isu spesifik berkenaan pengiktirafan dan pengukuran	20
3.4.3 Perakaunan untuk zakat	22
3.5 ISU-ISU PENTING UNTUK DIBERI PERHATIAN	24
3.6 RUMUSAN.....	25
BAB 4	26
Kaedah Penyelidikan	26
4.0 PENGENALAN	26
4.1 OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN	26
4.2 METODOLOGI KAJIAN	28
4.2.1 Objektif Kajian Pertama.....	28
4.2.2 Objektif Kajian Kedua	31
4.2.3 Objektif Kajian Ketiga.....	32
4.2.4 Objektif Kajian Keempat	33
4.3 RUMUSAN.....	33

BAB 5	35
AMALAN SEMASA PERAKAUNAN BERKAITAN ASET	35
5.0 PENGENALAN	35
5.1 MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU (MAIDAM)	36
5.1.1 Pengiktirafan	36
5.1.2 Pengukuran	37
5.1.3 Pendedahan Maklumat	37
5.1.4 Isu yang berkaitan dengan pengiktirafan, pengukuran, persembahan dan pendedahan	38
5.2 MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN (MAIK)	39
5.2.1 Pengiktirafan	39
5.2.2 Pengukuran	40
5.2.3 Pendedahan Maklumat	40
5.2.4 Isu yang berkaitan dengan pengiktirafan, pengukuran, persembahan dan pendedahan	42
5.3 MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG (MUIP)	43
5.3.1 Pengiktirafan	43
5.3.2 Pengukuran	44
5.3.3 Pendedahan Maklumat	45
5.3.4 Isu yang berkaitan dengan pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan	45
5.4 MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (MAIWP)	47
5.4.1 Pengiktirafan	47
5.4.2 Pengukuran	48
5.4.3 Pendedahan Maklumat	48
5.5 RUMUSAN	49
BAB 6	51
KEPERLUAN SHARIAH DAN PENGUKUHAN KERANGKA KERJA KONSEPTUAL BAGI PELAPORAN KEWANGAN	51
6.0 PENGENALAN	51
6.1 KONSEP ASET DALAM ISLAM	51
6.2 HARTA DARI PANDANGAN AL-QURAN	53
6.2.1 Pemilik mutlak dan hakiki adalah Allah s.w.t.	53
6.2.2 Perlantikan sebagai khalifah untuk menunaikan tanggungjawab	53
6.2.3 Sebagai wasilah melaksanakan kewajipan dan kebajikan	54
6.3 PERANAN MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI DALAM MENGENDALIKAN ASET-ASET WAKAF, ZAKAT DAN BAITULMAL	55
6.3.1 Sebagai Pemegang Amanah Tunggal	55
6.4 PENGIKTIRAFAN, PENGUKURAN DAN PENDEDAHAN ASET-ASET WAKAF, ZAKAT DAN BAITULMAL OLEH MAIN Dalam PENYATA KEWANGAN	56
6.4.1 Pengiktirafan	56
6.4.2 Asas pengukuran	58
6.4.3 Prinsip dalam pelaporan	59
6.5 RUMUSAN	61
BAB 7	62
BATASAN PERUNDANGAN UNTUK PERAKAUNAN DAN PELAPORAN ISLAM WAKAF, ZAKAT DAN BAITULMAL DI MALAYSIA	62
7.0 PENGENALAN	62
7.1 AKTA-AKTA/ENAKMEN BERKAITAN DENGAN PENTADBIRAN HARTANAH WAKAF, ZAKAT DAN BAITULMAL	62
7.1.1 Perlembagaan Persekutuan	63
7.1.2 Kanun Tanah Negara 1965	64
7.1.3 Akta Pengambilan Tanah 1960	65
7.1.4 Enakmen Pentadbiran Islam Negeri	65
7.2 AKTA/ENAKMEN BERKAITAN PERAKAUNAN DI INSTITUSI WAKAF, ZAKAT DAN BAITULMAL	67

7.3 IMPLIKASI KAEDAH PENDAFTARAN TANAH KE ATAS AMALAN SEMASA PERAKAUNAN DAN PELAPORAN WAKAF, ZAKAT DAN BAITULMAL	69
7.4 RUMUSAN	72
BAB 8	73
CADANGAN PIAWAIAN PERAKAUNAN ASET WAKAF ZAKAT DAN BAITULMAL (WZB)	73
8.1 PENGENALAN	73
8.2 CADANGAN PIAWAIAN PERAKAUNAN: HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (MPSAS 17)	74
8.2.1 Pengiktirafan	74
8.2.2 Pengukuran	82
8.2.3 Pendedahan Maklumat	85
8.3 CADANGAN PIAWAIAN PERAKAUNAN: HARTANAH PELABURAN (MPSAS 16)	85
8.3.1 Pengiktirafan Hartanah Pelaburan	85
8.3.2 Pengukuran	87
8.3.3 Pendedahan Maklumat	89
8.4 CADANGAN PIAWAIAN PERAKAUNAN: INVENTORI (MPSAS 12)	90
8.4.1 Klasifikasi Inventori	90
8.4.2 Pengukuran	90
8.4.2 Pendedahan Maklumat	91
8.5 CADANGAN PIAWAIAN PERAKAUNAN: PERTANIAN (MPSAS 27)	91
8.5.1 Pengiktirafan	92
8.6 CADANGAN PIAWAIAN PERAKAUNAN: ROSOT NILAI (MPSAS 21 DAN MPSAS 26)	94
8.6.1 Piawaian Perakaunan Islam bagi Rosot Nilai	94
8.6.2 Rosot Nilai Bagi Aset Penjanaan Bukan Tunai (MPSAS 21)	96
8.6.3 Rosot Nilai Bagi Asset Penjanaan Tunai (MPSAS 26)	103
8.7 CADANGAN PIAWAIAN PERAKAUNAN: ASET TIDAK KETARA (MPSAS 31)	109
8.7.1 Pengiktirafan	109
8.7.2 Pengukuran	110
8.8 CADANGAN PIAWAIAN PERAKAUNAN: PAJAKAN (MPSAS 13)	112
8.8.2 Pengukuran	115
8.8.3 Pendedahan Maklumat	117
BAB 9	118
RUMUSAN, LIMITASI DAN HALATUJU PENYELIDIKAN	118
9.0 Pengenalan	118
9.1 Rumusan	118
9.2 Limitasi	119
9.3 Halatuju Penyelidikan	120
 RUJUKAN	 122
LAMPIRAN 4A	129
LAMPIRAN 4B	133
LAMPIRAN 4C	139
LAMPIRAN 4D	142
LAMPIRAN 4E	145
LAMPIRAN 4F	147
LAMPIRAN 4G	149
LAMPIRAN 4H	152
LAMPIRAN 4I	161
LAMPIRAN 5A	166

SENARAI JADUAL

Bab 2

Jadual 2. 1 Ringkasan Tadbir Urus Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal	6
Jadual 2. 2: Ringkasan Pentadbiran dan Perakaunan Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal.....	8

Bab 4

Jadual 4. 1: Objektif Kajian dan Persoalan Kajian	27
Jadual 4. 2: Tarikh dan Pegawai yang ditemubual.....	30

Bab 7

Jadual 7. 1: Ringkasan Akta/Enakmen Berkaitan Pentadbiran Hartanah Wakaf, Zakat dan Baitulmal	63
Jadual 7. 2: Senarai Seksyen berkaitan dengan Perletakhakan bagi Setiap MAIN.....	66
Jadual 7. 3: Ringkasan Akta/Enakmen Berkaitan Perakaunan di Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal	69
Jadual 7. 4: Ringkasan Kaedah Pendaftaran Perletakhakan dan Amalan Perakaunan di Setiap MAIN	71

SENARAI RINGKASAN

RINGKASAN	KETERANGAN
AAOIFI	Accounting and Auditing Organisation for Islamic Financial Institutions
AGD	Jabatan Akauntan Negara
ANM	Jabatan Akauntan Negara Malaysia
APT	Akta Pengambilan Tanah
FV	Nilai Saksama
IA	Aset Tidak Ketara
IAS	International Accounting Standards/ Piawaian Perakaunan Antarabangsa
IASB	International Accounting Standards Board/ Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa
IDB	Organisation of Islamic Cooperation
IFA	Islamic Fiqh Academy
IFRS	International Financial Reporting Standards
IP	Hartanah Pelaburan
IPSAS	International Public Sector Accounting Standards Board
JAIN	Jabatan Agama Islam Negeri
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JAWHAR	Jabatan Zakat, Wakaf dan Haji
JPM	Jabatan Perdana Menteri
KTN	Kanun Tanah Negara
KW	Kumpulan Wang
MAIN	Majlis Agama Islam Negeri
MAIDAM	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu
MAIK	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan
MAIWP	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
MASB	Malaysian Accounting Standards Board / Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia
MFRS	Malaysian Financial Reporting Standards
MUIP	Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang
MPERS	Malaysian Private Entities Reporting Standard
MPSAS	Malaysia Public Sector Accounting Standard/ Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia
OIC	Organisation of Islamic Cooperation

PBN	Pihak Berkuasa Negeri
PKZ	Pusat Kutipan Zakat
PPE	Hartanah, Loji dan Peralatan
PPZ	Pusat Pungutan Zakat
PTN	Pegawai Tadbir Negeri
TYPT	Tabung Yayasan Pendidikan Tok Guru
UIA / IIUM	Universiti Islam Antarabangsa
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UUM	Universiti Utara Malaysia
WZB	Wakaf, Zakat dan Baitulmal

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengantar

Mutakhir ini didapati terdapat perkembangan yang mendadak berkaitan dengan institusi wakaf, zakat dan baitulmal sebagai institusi alternatif dalam penjanaaan harta umat Islam. Di Malaysia institusi-institusi wakaf, zakat dan baitulmal (selepas ini dinyatakan sebagai Institusi WZB) adalah dibawah pentadbiran badan berkanun negeri iaitu Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) selaras dengan peruntukan undang-undang Malaysia. Walaupun institusi WZB adalah sebahagian dari sektor awam, mereka mempunyai kelainan atau keunikan ciri-ciri institusi sektor awam yang berlandaskan Islam. Selari dengan perkembangan institusi ini dan bagi membantu perkembangan yang mapan, suatu perakaunan dan pelaporan yang berasaskan Islam adalah sangat diperlukan. Ini adalah bagi memastikan bukan hanya aktiviti-aktiviti institusi WZB adalah patuh Shariah tetapi juga amalan perakaunannya berlandaskan Shariah dan seragam bagi membolehkan semua pemegang taruh mendapat maklumat-maklumat yang diperlukan.

Ketidakwujudan piawaian perakaunan yang seragam dan memenuhi tuntutan Shariah untuk digunapakai oleh semua institusi WZB dianggap sebagai punca utama kepada permasalahan ketelusan pelaporan dana-dana yang ditadbir oleh institusi ini. Keadaan ini telah mengundang kritikan daripada pelbagai pihak khususnya dari pihak yang berkepentingan. Kesedaran ini telah membawa kepada keperluan satu kajian penting ke arah pembangunan Piawaian Perakaunan Islam bagi Institusi WZB. Kajian ini dilaksanakan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) melalui Institut Perakaunan Negara (IPN) bersama tiga buah universiti awam iaitu Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Kajian dalam Fasa 1 yang memberi tumpuan kepada isu telah siap dijalankan dalam tahun 2016 dan Fasa 2 ini pula menfokuskan kepada perakaunan dan pelaporan aset atau hartanah WZB. Ini meliputi aset inventori, pajakan, pelaburan, hartanah, loji dan peralatan, aset tidak ketara, pertanian, serta rosot Nilai Aset yang tidak menjana tunai dan menjana tunai.

Objektif Kajian

Objektif Kajian Fasa 2 ini adalah ditetapkan sebagai kesinambungan kepada Fasa 1 dan, empat objektif kajian telah dibentuk berdasarkan kepada perbincangan dengan pihak yang berkaitan. Objektif pertama adalah untuk memahami amalan semasa perakaunan dan pelaporan kewangan berkaitan Wakaf, Zakat dan Baitulmal oleh Majlis Agama Islam Negeri (atau entiti yang diberi kuasa oleh Majlis Agama Islam Negeri. Bagi mencapai kajian ini rujukan umum ke atas Piawaian Perakaunan Sektor Awam (*Malaysian Public Sector Accounting Standards [MPERS]*) telah dibuat dan seterusnya digunakan untuk menganalisa penyata tahunan MAIN yang terlibat. Maklumat ini juga akan digunakan sebagai input dalam membuat cadangan kepada Jabatan Akauntan Negara untuk tujuan pembangunan Piawaian

Perakaunan Islam untuk institusi WZB. Objektif kedua adalah untuk mengukuhkan kerangka kerja konseptual pelaporan kewangan Islam bagi Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal. Kajian awal pembangunan Kerangka Kerja Konseptual telah dijalankan dalam Fasa 1 dan dicadangkan agar dijadikan sebagai panduan atau kerangka dalam pembangunan Piawaian Perakaunan Islam yang dimaksudkan. Fasa 2 ini meneruskan pencarian maklumat atau penjelasan yang lebih terperinci mengenai elemen-elemen penting kerangka berkenaan.

Objektif ketiga pula adalah bertujuan untuk mengenalpasti keperluan Shariah (berdasarkan Al-Quran, Sunnah, Ijma' Ulama dan Qiyas) dan batas-batas perundangan sivil dalam melaksanakan piawaian perakaunan Islam yang seragam bagi Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal. Fasa 2 ini lebih menjurus kepada sebarang mengenalpasti keperluan Shariah berkaitan dengan aset serta menganalisa batasan-batasan undang-undang sivil yang berkemungkinan akan memberi kekangan keatas perakaunan Islam. Manakala objektif kajian keempat adalah bertujuan untuk mencadangkan maklumat yang relevan sebagai asas pembangunan piawaian perakaunan bagi Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal yang memenuhi keperluan Shariah dan perundangan sivil.

Memandangkan pada masa ini terdapat limitasi dari segi Piawaian Perakaunan Islam yang boleh digunapakai di dunia amnya dan di Malaysia khususnya, maka amatlah penting keempat-empat objektif kajian ini dicapai. Sebagai kajian perintis, hasil kajian ini dapat mengorak langkah kepada pembangunan Piawaian Perakaunan Islam bagi Institusi WZB.

Metodologi Kajian

Sepertimana Fasa1, Fasa 2 juga menggunakan kaedah triangulasi di mana penyelidik mengumpul data menggunakan kombinasi data primer dan data sekunder. Bagi data primer, kajian telah dilaksanakan melalui pengumpulan data secara temubual dan perbincangan kumpulan fokus, manakala bagi data sekunder, dokumen asas iaitu penyata kewangan MAIN atau entiti yang diberikan kuasa oleh MAIN, Al- Quran, Hadis, Ijmak, Qias, perundangan Shariah Negeri serta perundangan sivil yang berkaitan, buku serta artikel ilmiah telah dijadikan sumber data.

Sampel kajian untuk Zon 3 terdiri daripada 4 MAIN; iaitu Wilayah Persekutuan, Kelantan, Terengganu dan Pahang serta entiti-entiti yang diberi kuasa oleh MAIN berkenaan dalam mentadbirkan wakaf, zakat dan baitulmal. Untuk mendapatkan hasil yang konstruktif khususnya dalam pembangunan Kerangka Kerja Konseptual Perakaunan Islam, kajian telah mengunapakai dua kaedah pengumpulan data; iaitu metodologi yang bersandarkan kepada pandangan Imam As- Syatibi (Maqasid al-Shariah), sementara dari segi teknikal berdasarkan pandangan Imam As- Sayuti (Ashbahwa an-Nazair) dan kaedah pengumpulan data berpandukan kepada '*generic inquiry method*'. Berdasarkan kedua-dua kaedah ini, pengumpulan data secara temuduga menjadi keutamaan bagi mendapatkan kesahihan lakaran Kerangkakerja Konseptual yang dicadangkan, yang melibatkan pakar-pakar muamalat, Shariah dan ekonomi/kewangan Islam. Kajian juga melibatkan wakil-wakil Institusi WZB serta pakar-pakar

kewangan dan perakaunan Islam bagi mendapatkan pandangan mereka dalam mengenalpasti dan mengesahkan perakaunan dan pelaporan aset yang patuh Shariah.

Hasil Kajian

Perbincangan mengenai hasil kajian ini bolehlah dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu aset wakaf, zakat dan baitulmal. Walaubagaimanapun adalah penting untuk diambil perhatian bahawa MAIN telah menggunakan perakaunan dana atau Kumpulan Wang (fund accounting) yang membolehkan perakaunan berasingan bagi setiap KW, iaitu KW WZB. Bagi aset wakaf, perakaunan adalah berdasarkan kepada kedudukan MAIN sebagai pemegang amanah tunggal disemua negeri yang terlibat. Justeru aset-aset wakaf bukanlah menjadi hakmilik MAIN tetapi merupakan aset amanah iaitu liabiliti atau tanggungan MAIN. Dengan itu perletakhakan berkanun bagi tanah adalah lebih tepat. Di dalam mengakaunkan aset amanah ini, pengiktirafan adalah wajar dan menggunakan nilai kos sejarah dan dinilai mengikut harga pasaran sekiranya aset berkenaan perlu dibangunkan atau terpaksa melalui proses *istibdal*. Pengakaunan KW wakaf telah dilaksanakan namun hanya MAIK sahaja yang membuat pelaporan KW disamping KW disatukan. Tiada maklumat terperinci mengenai maklumat aset wakaf di dalam penyata kewangan.

Bagi zakat, setiap MAIN hanya berfungsi sebagai amil yang menguruskan kutipan (juga oleh anak syarikat bagi Wilayah Persekutuan dan Pahang) dan pembayaran zakat. Di kesemua MAIN, zakat adalah diakaunkan di dalam KW Zakat dan disatukan didalam KW Disatukan. MAIK juga menyediakan laporan berasingan untuk KW Zakat. Terdapat MAIN yang menggunakan KW Zakat untuk membuat perolehan aset dan membuat bayaran pemindahan antara KW (*inter-fund transfer*). Perolehan aset ini akan digunakan oleh asnaf untuk tempoh jangkawaktu yang panjang dan kategori asnaf ini kadangkala adalah agak umum. Contoh: MAIWP telah menggunakan KW Zakat untuk membina sekolah tahfiz dan sekolah berkenaan adalah digunakan untuk semua lapisan masyarakat. Dalam konteks ini, ianya boleh dikategorikan sebagai *deferred benefits* yang memerlukan perincian perakaunan yang tersendiri. Menurut sebahagian pendapat, *inter-fund transfer* ini adalah dibenarkan sekiranya untuk kepentingan umum dan hendaklah diiktiraf sebagai aset KW zakat. *Inter-fund transfer* juga dibenarkan dan sebarang perolehan set menggunakan dana Zakat hendaklah diakaunkan didalam KW Zakat.

Aset baitulmal merupakan aset yang diterima oleh MAIN disebabkan oleh faraid, pemberian dari Pihak Berkuasa Negeri atau perolehan oleh MAIN sendiri. Tiada dapatan yang spesifik mengenai aset baitulmal.

Dalam mencadangkan piawaian perakaunan Islam bagi Institusi WZB, penyelidik membuat ketetapan seperti berikut (berdasarkan kepada MPSAS berkaitan aset):

1. Item di dalam MPSAS berkaitan yang tidak bercanggah dengan keperluan Shariah akan **dikekalkan** dan dibuat pindaan di mana perlu mengikut ciri-ciri dan aktiviti Institusi WZB.
2. Keperluan Shariah yang tidak terdapat dalam MPSAS berkaitan akan **ditambah**.

3. Item didalam MPSAS berkaitan yang bercanggah/tidak selari dengan keperluan Shariah akan **dipinda** atau **dikeluarkan**.
4. Item didalam MPSAS berkaitan yang tidak relevan dengan aktiviti Institusi WZB akan **dikeluarkan**.

BAB 1

Pengenalan

1.0 Pengenalan

Kajian terdahulu yang mengkaji amalan perakaunan wakaf, zakat dan baitulmal (WZB) menunjukkan bahawa tahap maklumat yang dikemukakan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) di Malaysia adalah kurang memuaskan. Ini menunjukkan tahap akauntabiliti yang diberikan oleh MAIN berada di tahap "kurang daripada mencukupi". Kajian tersebut telah menunjukkan bahawa MAIN perlu untuk mempunyai sistem perakaunan yang sewajarnya, pendedahan maklumat yang lebih baik dan lebih efisien serta pengurusan organisasi yang lebih berkesan dan efisien. Apa yang lebih penting ialah preskripsi spesifik mengenai perakaunan WZB dan jenis maklumat yang harus didedahkan. Untuk tujuan ini, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah bekerjasama dengan Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Utara Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa dalam menjalankan kajian untuk membangunkan kerangka kerja perakaunan kewangan dan pelaporan serta piawaian perakaunan untuk WZB dan boleh digunakan oleh semua MAIN sebagai rujukan utama perakaunan dan pelaporan.

Kajian ini bermula sejak tahun 2016, merangkumi 4 fasa untuk tempoh 4 tahun. Fasa 1 memfokuskan kepada aspek pendedahan perakaunan dengan 4 objektif utama. Objektif pertama ialah untuk memeriksa samada terdapat jurang di antara amalan perakaunan MAIN (dalam konteks amalan pendedahan) dan peruntukan di dalam MPSAS 1 (Pembentangan Penyata Kewangan), MPSAS 2 (Penyata Aliran Tunai), MPSAS 3 (Dasar Perakaunan, Perubahan Dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan) dan MPSAS 6 (Penyatuan dan Penyata Kewangan Berasingan). Objektif kedua ialah untuk membangunkan kerangka kerja konseptual yang diperlukan untuk memaklumkan piawaian perakaunan untuk WZB bagi hal-hal yang berkaitan dengan 4 piawaian ini. Dari rangka kerja konseptual yang baru dibangunkan, objektif ketiga difokuskan untuk memperoleh senarai item yang dianggap penting, relevan dan mematuhi Shariah untuk WZB. Dalam membangunkan senarai tersebut, batasan peruntukan dalam undang-undang sivil, jika ada, telah diambil kira dengan sewajarnya. Akhirnya, piawaian khusus yang berkaitan dengan MPSAS 1, 2, 3 dan 6 yang akan digunakan untuk MAIN dalam perakaunan untuk WZB telah dibangunkan. Pada masa penulisan ini, piawaian tersebut masih di dalam peringkat penggubalan.

1.1 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif Kajian Fasa 2 ini adalah ditetapkan sebagai kesinambungan kepada Fasa 1 dan, empat objektif kajian telah dibentuk berdasarkan kepada perbincangan dengan pihak yang berkaitan. Objektif pertama adalah untuk memahami amalan semasa perakaunan dan pelaporan kewangan

berkaitan Wakaf, Zakat dan Baitulmal oleh Majlis Agama Islam Negeri (atau entiti yang diberi kuasa oleh Majlis Agama Islam Negeri. Bagi mencapai kajian ini rujukan umum ke atas Piawaian Perakaunan Sector Awam (*Malaysian Public Sector Accounting Standards [MPERS]*) telah dibuat dan seterusnya digunakan untuk menganalisa penyata tahunan MAIN yang terlibat. Maklumat ini juga akan digunakan sebagai input dalam membuat cadangan kepada Jabatan Akauntan Negara untuk tujuan pembangunan Piawaian Perakaunan Islam untuk institusi WZB. Objektif kedua adalah untuk mengukuhkan kerangka kerja konseptual pelaporan kewangan Islam bagi Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal. Kajian awal pembangunan Kerangka Kerja Konseptual telah dijalankan dalam Fasa 1 dan dicadangkan agar dijadikan sebagai panduan atau kerangka dalam pembangunan Piawaian Perakaunan Islam yang dimaksudkan. Fasa 2 ini mengukuhkan kerangka berkenaan dengan mengetengahkan definisi dan kriteria pengiktirafan aset. Kedua-dua elemen ini adalah diperlukan dalam operasi perakaunan Islam WZB.

Objektif ketiga pula adalah bertujuan untuk mengenalpasti keperluan Shariah (berdasarkan Al-Quran, Sunnah, Ijma' Ulama dan Qiyas) dan batas-batas perundangan sivil dalam melaksanakan piawaian perakaunan Islam yang seragam bagi Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal. Fasa 2 ini lebih menjurus kepada mengenalpasti keperluan shariah berkaitan dengan aset serta menganalisa batasan-batasan undang-undang sivil yang berkemungkinan akan memberi kekangan keatas perakaunan Islam. Manakala objektif kajian keempat adalah bertujuan untuk mencadangkan maklumat yang relevan sebagai asas pembangunan piawaian perakaunan bagi Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal yang memenuhi keperluan Shariah dan perundangan sivil.

Memandangkan pada masa ini terdapat limitasi dari segi Piawaian Perakaunan Islam yang boleh digunapakai di dunia amnya dan di Malaysia khususnya, maka amatlah penting keempat-empat objektif kajian ini dicapai. Sebagai kajian perintis, hasil kajian ini dapat mengorak langkah kepada pembangunan Piawaian Perakaunan Islam bagi Institusi WZB.

1.2 METODOLOGI KAJIAN

Sepertimana Fasa 1, Fasa 2 juga menggunakan kaedah triangulasi di mana penyelidik mengumpul data menggunakan kombinasi data primer dan data sekunder. Bagi data primer, kajian telah dilaksanakan melalui pengumpulan data secara temubual dan perbincangan kumpulan fokus, manakala bagi data sekunder, dokumen asas iaitu penyata kewangan MAIN atau entiti yang diberikan kuasa oleh MAIN, Al- Quran, Hadis, Ijmak, Qias, perundangan

Shariah Negeri serta perundangan sivil yang berkaitan, buku serta artikel ilmiah telah dijadikan sumber data.

Sampel kajian untuk Zon 3 terdiri daripada 4 MAIN; iaitu Wilayah Persekutuan, Kelantan, Terengganu dan Pahang serta entiti-entiti yang diberi kuasa oleh MAIN berkenaan dalam mentadbirkan wakaf, zakat dan baitulmal iaitu Pusat Pungutan Zakat (Wilayah Persekutuan) dan Pusat Kutipan Zakat (Pahang). Untuk mendapatkan hasil yang konstruktif khususnya dalam pembangunan Kerangka Kerja Konseptual Perakaunan Islam, kajian telah menggunakan dua kaedah pengumpulan data; iaitu metodologi yang bersandarkan kepada pandangan Imam As-Syatibi (Maqasid al-Shariah), sementara dari segi teknikal berdasarkan pandangan Imam As-Sayuti (Ashbahwa an-Nazair) dan kaedah pengumpulan data berpandukan kepada '*generic inquiry method*'. Berdasarkan kedua-dua kaedah ini, pengumpulan data secara temuduga menjadi keutamaan bagi mendapatkan kesahihan lakaran Kerangkakerja Konseptual yang dicadangkan, yang melibatkan pakar-pakar muamalat, Syariah dan ekonomi/kewangan Islam. Kajian juga melibatkan wakil-wakil Institusi WZB serta pakar-pakar kewangan dan perakaunan Islam bagi mendapatkan pandangan mereka dalam mengenalpasti dan mengesahkan perakaunan dan pelaporan aset yang patuh Syariah.

1.3 HASIL KAJIAN

Perbincangan mengenai hasil kajian ini bolehlah dibahagikan kepada tiga bahagian ialah aset wakaf, zakat dan baitulmal. Walaubagaimanapun adalah penting untuk diambil perhatian bahawa MAIN telah menggunakan perakaunan dana atau kumpulan Wang (fund accounting) yang membolehkan perakaunan berasingan bagi setiap KW, iaitu KW WZB. Bagi aset wakaf, perakaunan adalah berdasarkan kepada kedudukan MAIN sebagai pemegang amanah tunggal disemua negeri yang terlibat. Justeru aset-aset wakaf bukanlah menjadi hakmilik MAIN tetapi merupakan aset amanah iaitu liabiliti atau tanggungan MAIN. Dengan itu perletakhakan berkanun bagi tanah adalah lebih tepat. Di dalam mengakaunkan aset amanah ini, pengiktirafan adalah wajar dan menggunakan nilai kos sejarah dan dinilai mengikut harga pasaran sekiranya aset berkenaan perlu dibangunkan atau terpaksa melalui proses *istibdal*. Pengakaunan dana/KW telah dilaksanakan namun hanya MAIK sahaja yang membuat pelaporan KW disamping KW disatukan. Tiada maklumat terperinci mengenai maklumat aset wakaf di dalam penyata kewangan.

Bagi zakat, setiap MAIN serta entiti yang di lantik seperti Pusat Pungutan Zakat (Wilayah Persekutuan) dan Pusat Kutipan Zakat (Pahang) hanya berfungsi sebagai *amil* yang menguruskan kutipan dan pengagihan zakat. Di kesemua MAIN, zakat adalah diakaunkan di dalam KW Zakat dan dilaporkan sebagai sebahagian dari KW Disatukan MAIN. MAIK menyediakan laporan berasingan untuk KW Zakat. Terdapat MAIN yang menggunakan KW Zakat untuk membuat perolehan aset dan membuat pemindahan antara KW (*inter-fund transfer*). Perolehan aset ini telah difatwakan dan aset ini digunakan khusus oleh asnaf yang ditetapkan oleh *amil* untuk tempoh tertentu dan kategori asnaf ini kadangkala adalah agak umum. Contoh: MAIWP telah menggunakan KW Zakat untuk membina sekolah tahfiz dan sekolah berkenaan adalah digunakan untuk semua lapisan masyarakat. Menurut sebahagian pendapat, *inter-fund transfers* ini adalah dibenarkan sekiranya untuk *masalah ammah* dan hendaklah diiktiraf sebagai aset KW zakat. *Inter-fund transfer* juga dibenarkan dan sebarang perolehan set menggunakan dana Zakat hendaklah diakaunkan didalam KW Zakat.

Aset baitulmal merupakan aset yang diterima oleh MAIN melalui faraid, pemberian dari Pihak Berkuasa Negeri atau perolehan oleh MAIN sendiri. Tiada dapatan yang spesifik mengenai aset baitulmal.

Dalam mencadangkan piawaian perakaunan Islam bagi Institusi WZB, penyelidik membuat ketetapan seperti berikut (berdasarkan kepada MPSAS berkaitan aset):

1. Item di dalam MPSAS berkaitan yang tidak bercanggah dengan keperluan Shariah akan **dikekalkan** dan dibuat pindaan di mana perlu mengikut ciri-ciri dan aktiviti Institusi WZB.
2. Keperluan Shariah yang tidak terdapat dalam MPSAS berkaitan akan **ditambah**.
3. Item didalam MPSAS berkaitan yang bercanggah/tidak selari dengan keperluan Shariah akan **dipinda** atau **dikeluarkan**.
4. Item didalam MPSAS berkaitan yang tidak relevan dengan aktiviti Institusi WZB akan **dikeluarkan**.

BAB 2

LATARBELAKANG INSTITUSI

2.0 PENGENALAN

Bab ini memberi penerangan mengenai latarbelakang institusi-institusi didalam skop kajian Zon 3 yang terdiri dari negeri Wilayah Persekutuan, Kelantan, Terengganu dan Pahang. MAIN yang termasuk didalam Zon ini ialah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) dan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP). Penerangan ini meliputi tadbir urus institusi WZB dibawah pentadbiran setiap MAIN di negeri masing-masing didalam Zon 3.

2.1 TADBIR URUS INSTITUSI WAKAF, ZAKAT DAN BAITULMAL

Kesemua MAIN di dalam Zon 3 ini iaitu MAIK, MAIDAM dan MUIP kecuali MAIWP adalah entiti yang ditubuhkan oleh enakmen kerajaan negeri masing-masing iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang selari dengan Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan yang memberi kuasa sepenuhnya kepada negeri dalam hal ehwal berkaitan dengan Islam. MAIWP, walaibagaimanapun, telah ditubuhkan dibawah Akta 505 Perlembagaan Persekutuan.

Perbezaan undang-undang tubuh tersebut telah memberi kesan ke atas elemen-elemen tadbir urus MAIN berkaitan. MAIWP yang ditubuhkan dibawah Akta 505 Perlembagaan Persekutuan meletakkannya secara langsung di bawah Kerajaan Persekutuan dan lebih spesifik dibawah pentadbiran Jabatan Perdana Menteri (JPM). Seorang menteri khusus telah di portfoliokan untuk memantau pentadbiran Islam di Wilayah Persekutuan dan khususnya MAIWP. Manakala MAIK, MAIDAM dan MUIP adalah dibawah pentadbiran negeri masing-masing iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang (rujuk Jadual 3.1 untuk Enakmen MAIK, MAIDAM dan MUIP).

Selaras dengan Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 3.4.1, Artikel 3(1) iaitu Islam sebagai agama rasmi negara, secara automatik meletakkan Sultan di setiap negeri bersekutu dan bukan bersekutu sebagai ketua agama termasuklah negeri-negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang. Kedudukan Sultan sebagai ketua agama secara langsung telah meletakkannya sebagai kuasa tertinggi agama bagi setiap MAIN. Ini adalah kerana MAIN

merupakan badan tertinggi agama yang bertanggungjawab menasihati Sultan dalam semua urusan pentadbiran dan pembangunan hal ehwal agama Islam di negeri-negeri berkenaan. Contoh; Seksyen 5 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Pahang) 1991 telah menyatakan secara jelas fungsi MUIP untuk menasihati Sultan berkenaan dengan semua perkara yang berhubungan dengan agama Islam dan adat resam Melayu kecuali yang berkaitan dengan pentadbiran keadilan.

Jadual 2. 1 Ringkasan Tadbir Urus Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal

ZON 3	KATEGORI INSTITUSI	ENTITI	KUASA TERTINGGI AGAMA	KUASA TERTINGGI PENGURUSAN	UNDANG-UNDANG TUBUH
WILAYAH PERSEKUTUAN	WAKAF	MAIWP	Yang DiPertuan Agong	Ketua Pegawai Eksekutif	Akta 505 – Akta Pentadbiran
	ZAKAT	PPZ & MAIWP	Yang DiPertuan Agong	Ketua Pegawai Eksekutif	Undang-Undang Islam
	BAITULMAL	MAIWP	Yang DiPertuan Agong	Ketua Pegawai Eksekutif	(Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993
KELANTAN	WAKAF	MAIK	Sultan	Yang DiPertua*	Enakmen Majlis Agama Islam Kelantan dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994
	ZAKAT	MAIK	Sultan	Yang DiPertua*	
	BAITULMAL	MAIK	Sultan	Yang DiPertua*	
TERENGGANU	WAKAF	MAIDAM	Sultan	Yang DiPertua	Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001
	ZAKAT	MAIDAM	Sultan	Yang DiPertua	
	BAITULMAL	MAIDAM	Sultan	Yang DiPertua	
PAHANG	WAKAF	MUIP	Sultan	Yang DiPertua*	Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Pahang) 1991
	ZAKAT	PKZ	Sultan	Yang DiPertua*	
	BAITULMAL	MUIP	Sultan	Yang DiPertua*	

*Nota:

Yang DiPertua adalah merupakan Tengku Mahkota dan keputusan operasi harian organisasi diturunkan kuasa ke atas Timbalan Yang DiPertua

Manakala bagi Wilayah Persekutuan (WP), kuasa tertinggi agama adalah Yang DiPertuan Agong kerana undang-undang tubuh WP adalah di bawah Perlembagaan Persekutuan dan kuasa tertinggi agama Islam bagi Kerajaan Persekutuan adalah Yang DiPertuan Agong (Seksyen 8 Akta 505). Kuasa tertinggi bagi setiap entiti di bawah pentadbiran MAIN adalah sama sepertimana kuasa tertinggi yang dirujuk oleh MAIN masing-masing.

Bagi tujuan pentadbiran operasi MAIN pula, kuasa tertinggi adalah tidak seragam kerana ia merujuk kepada akta atau enakmen pentadbiran (Undang-undang tubuh) negeri masing-masing. Bagi MAIWP, Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP adalah kuasa tertinggi pentadbiran dan telah diberi kuasa untuk membuat keputusan operasi harian MAIWP. Manakala Kelantan dan Pahang, Yang DiPertua Sultan yang mempunyai kuasa tertinggi pentadbiran. Sultan boleh melantik pemangku Sultan untuk mengambil tugas sebagai Yang DiPertua. Di MAIK dan MUIP, Tengku Mahkota (TM) telah dilantik sebagai YDP atas kedudukan sebagai pemangku Sultan. Walaubagaimanapun, kuasa mentadbir operasi harian organisasi telah diturunkan kepada Timbalan Yang DiPertua; iaitu lantikan Pegawai Tadbir Negeri (PTN). Di Terengganu pula, kuasa mentadbir operasi harian organisasi telah diturunkan kepada Yang DiPertua yang juga Pegawai Tadbir Negeri (PTN).

Secara umumnya, entiti yang mentadbir wakaf, zakat dan baitulmal seperti Pusat Pungutan Zakat (PPZ) dan Pusat Kutipan Zakat (PKZ) adalah tertakluk kepada struktur tadbir urus MAIN sepertimana yang di senaraikan di Jadual 3.1 diatas.

2.2 RINGKASAN OPERASI PERAKAUNAN INSTITUSI WAKAF, ZAKAT DAN BAITULMAL

Berdasarkan kepada Jadual 3.2 di bawah, kesemua MAIN telah menyediakan Penyata Kewangan yang disatukan iaitu penyatuan kumpulan wang (KW) yang dikendalikan seperti KW Wakaf, KW Zakat, KW Baitulmal dan KW lain-lain yang ditubuhkan berdasarkan akta/enakmen masing-masing. Kewujudan KW ini memberi maklumat bahawa MAIN telah mengamalkan Perakaunan KW (Fund Accounting) dalam mengendalikan operasi perakaunan masing-masing. Jadual tersebut juga telah menyenaraikan piawaian yang dirujuk oleh setiap MAIN dalam penyediaan Penyata Kewangan mereka. Kesemua MAIN kecuali MUIP telah membuat rujukan keatas Malaysian Private Entities Reporting Standards (MPERS) dalam penyediaan Penyata Tahunan 2016 sepertimana yang diarahkan oleh Jabatan Akauntan Negara

kecuali MUIP. MUIP telah mendapat pengecualian penggunaan MPERS atas sebab kekangan infrastruktur perakaunan yang belum bersedia untuk pemakaian MPERS.

Jadual 2. 2: Ringkasan Pentdbiran dan Perakaunan Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal

ZON 3	KATEGORI INSTITUSI	ENTITI	PENYATA KEWANGAN	PEGAWAI PERAKAUNAN	PIAWAIAN PERAKAUNAN*
WILAYAH PERSEKUTUAN	WAKAF	MAIWP	Disatukan	Akauntan	MPERS
	ZAKAT	PPZ & MAIWP	Disatukan	Akauntan	MPERS
	BAITULMAL	MAIWP	Disatukan	Akauntan	MPERS
KELANTAN	WAKAF	MAIK	Disatukan	Akauntan	MPERS
	ZAKAT	MAIK	Disatukan	Akauntan	MPERS
	BAITULMAL	MAIK	Disatukan	Akauntan	MPERS
TERENGGANU	WAKAF	MAIDAM	Disatukan	Akauntan	MPERS
	ZAKAT	MAIDAM	Disatukan	Akauntan	MPERS
	BAITULMAL	MAIDAM	Disatukan	Akauntan	MPERS
PAHANG	WAKAF	MUIP	Disatukan	Akauntan	PERS
	ZAKAT	PKZ	Disatukan	Akauntan	PERS
	BAITULMAL	MUIP	Disatukan	Akauntan	PERS

*Nota: Penyata Tahunan 2016 digunakan sebagai rujukan dalam Kajian Fasa 2

Disamping itu, pegawai perakaunan yang bertanggungjawab dalam penyediaan Penyata Kewangan di kesemua MAIN adalah Akauntan bergred diantara W44 ke W48. Penyata Kewangan MAIN berkaitan telah disediakan oleh pegawai perakaunan yang bertauliah dan sehubungan dengan itu Penyata Kewangan berkenaan adalah boleh dijangka mencapai tahap pemahaman (understandability) dan pematuhan yang wajar keatas piawaian yang dinyatakan.

2.3 RUMUSAN

Secara kesimpulannya struktur tadbir urus institusi WZB adalah merujuk kepada undang-undang tubuh masing-masing. Manakala Penyata Kewangan di setiap MAIN adalah berdasarkan kepada piawaian terkini yang disarankan iaitu MPERS dan disediakan oleh pegawai perakaunan bertauliah i.e. Akauntan.

BAB 3

SOROTAN LITERATUR

3.0 PENGENALAN

Memandangkan wakaf, zakat dan baitulmal (WZB) berada di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), adalah penting untuk memahami struktur jentera pentadbiran Islam di Malaysia sebelum perbincangan penuh mengenai perakaunan WZB dilaksanakan. Ini dibincangkan dalam bahagian yang berikut. Seksyen 3 memberi tumpuan kepada konsep akauntabiliti kerana ia berkaitan dengan perakaunan secara umum dan WZB khususnya. Bahagian ini juga membincangkan akauntabiliti dari dua perspektif yang berbeza, perspektif konvensional dan Islam. Seksyen 4 mengkaji kajian terdahulu mengenai perakaunan untuk WZB manakala seksyen 5 membincangkan isu-isu penting dari kajian literatur. Seksyen 6 pula menyediakan ringkasan untuk bab 3.

3.1 MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI (MAIN)

Perbincangan mengenai pentadbiran Islam dan hal-hal yang berkaitan dengannya dalam kerajaan Malaysia akan membantu memperjelas kedudukan Islam sebagai dasar utama kerajaan dan memberikan pemahaman yang lebih baik tentang MAIN dan perakaunan WZB di Malaysia.

Struktur pentadbiran kerajaan Malaysia terdiri daripada tiga peringkat: kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri (terdiri daripada 14 negeri) dan kerajaan tempatan. Kerajaan Persekutuan terdiri daripada kementerian, badan berkanun, perusahaan awam dan jabatan dan bertanggungjawab untuk hal pertahanan, hal ehwal luaran, keselamatan dalaman, kewarganegaraan, undang-undang sivil dan jenayah, kewangan, perdagangan, penghantaran, komunikasi, kesihatan, tenaga kerja dan pendidikan untuk seluruh negara. Kerajaan negeri pula bertanggungjawab untuk kebanyakan pentadbiran negeri mereka sendiri. Untuk memastikan pentadbiran yang lancar, hampir semua kerajaan negeri mewujudkan jabatan dan membentuk pelbagai badan berkanun negeri untuk melaksanakan fungsi-fungsi tertentu untuk mencapai matlamat mereka. Kerajaan tempatan membentuk tahap paling rendah di dalam sistem pentadbiran kerajaan Malaysia. Akta Kerajaan Tempatan 171 (1975) mengkategorikan kerajaan tempatan di Malaysia kepada dua jenis, iaitu majlis perbandaran dan daerah. Untuk tujuan kajian ini, peringkat kedua adalah yang lebih penting - kerajaan negeri. Perbincangan berikutnya akan bertumpu pada peringkat ini secara umum dan pada majlis-majlis agama Islam (MAIN) negeri tertentu.

Setiap kerajaan negeri telah mewujudkan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) yang berkuasa autonomi, khusus untuk pentadbiran Islam dan urusannya, untuk menjaga kesucian Islam dan mempromosikan kemajuan masyarakat Islam. Di Malaysia, pentadbiran urusan Islam di setiap negeri dimaktubkan di dalam Perkara 3 Perlembagaan Malaysia. Perlembagaan Malaysia menyatakan bahawa kuasa mengenai

perkara-perkara yang berkaitan dengan urusan agama dan adat istiadat Melayu terletak pada pemerintah-pemerintah Melayu dan kerajaan negeri masing-masing. Oleh itu, setiap kerajaan negeri menggubal undang-undang masing-masing untuk urusan pentadbiran Islam dan hal ehwal Islam. Ini telah menimbulkan pelbagai tafsiran agama Islam dan selanjutnya, pelaksanaan amalan agama Islam antara negeri-negeri. Titik yang menarik dan penting untuk diperhatikan di sini ialah terdapat penandaan yang unik dalam kuasa dan autoriti berhubung dasar-dasar yang berkaitan dengan Islam dan adat istiadat Melayu antara kerajaan Persekutuan dan negeri. Lebih penting lagi, jentera kerajaan Persekutuan dan mekanismenya tidak mempunyai kuasa perundangan mengenai hal-hal yang berkaitan dengan urusan agama dan adat istiadat Melayu. Sehubungan ini, institusi Islam yang ditubuhkan oleh kerajaan Persekutuan seperti Jabatan Zakat, Wakaf dan Haji (JAWHAR) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) tidak mempunyai kuasa untuk mengenakan dasar mereka kepada kerajaan negeri sehingga mewujudkan ketegangan tersirat antara agensi-agensi Persekutuan dan agensi negeri.

Sebahagian besar struktur pentadbiran Islam dan hal ehwalnya kini di peringkat negeri, adalah terdiri daripada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN). Sejarah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) bermula dari tahun 1915 apabila Majlis Agama ditubuhkan di Kelantan untuk menyediakan pengawasan ke atas masjid-masjid. Ini kemudiannya digantikan oleh Majlis untuk Islam. Sejak itu, setiap kerajaan negeri telah menubuhkan MAIN mengikut enakmen negeri mengenai pentadbiran Islam dan hal ehwalnya. Sebagai struktur pentadbiran statutori, MAIN adalah memiliki autonomi sendiri yang berasingan dengan kerajaan negeri dan menjalankan kuasa, autoriti dan bidang kuasa sendiri. Oleh itu, MAIN bukan sebahagian daripada pentadbiran kerajaan negeri (Mahamood, 2006). Pada masa ini, MAIN memegang dua fungsi penting dalam rangka kerja pentadbiran negeri. Yang pertama adalah untuk membantu dan menasihati pemerintah (atau Sultan) mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan Islam dan adat istiadat Melayu. Yang kedua adalah untuk membangunkan dasar-dasar mengenai perkara-perkara berkaitan dengan Islam. Ini menjadikannya kuasa tertinggi dalam pentadbiran Islam di dalam kerajaan negeri-negeri. Penetapan perkara seperti ini, termasuk WZB, disediakan di bawah Jadual Kesembilan Perlembagaan Malaysia (Roff, 1998; Mahamood, 2006).

MAIN telah menjadi pemegang amanah tunggal aset wakaf sejak 1916 apabila Majlis Agama ditubuhkan di Kelantan untuk menguruskan masjid, yang kebanyakannya didirikan sebagai wakaf (Cizacka, 2000b). Suatu siri undang-undang kemudiannya digubal di kebanyakan negeri, dengan Selangor sebagai negeri pertama untuk memberi kuasa kepada MAIN sebagai pemegang amanah tunggal aset dan dana wakaf di negeri tersebut. Hal ini ditetapkan melalui Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam 1952. Enakmen terkini adalah melalui negeri Johor melalui Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam 1978. Antara fasal berkaitan enakmen ini adalah seperti berikut:

- i. Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) atau Majlis Ugama dan 'Adat Melayu adalah pemegang amanah tunggal semua harta wakaf;
- ii. Semua dokumen yang berkaitan dengan wakaf mesti disimpan oleh MAIN;
- iii. MAIN perlu mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memindahkan pemilikan semua harta wakaf kepada MAIN;
- iv. Semua wang yang diterima daripada harta wakaf tertentu mestilah digunakan mengikut tujuan yang dimaksudkan oleh harta tersebut; dan
- v. Semua wang yang diterima daripada harta wakaf am mesti disimpan dalam dana umum MAIN atau baitulmal.

(Cizacka, 2000b)

Pada peringkat ini, adalah lebih baik untuk memperjelaskan apakah konsep baitulmal seperti yang difahami secara tradisional dan apakah istilah baitulmal merujuk kepada konteks WZB di Malaysia. Baitulmal, seperti yang dinyatakan secara umum, merujuk kepada perbendaharaan awam negara Islam. Walaubagaimanapun, di Malaysia, istilah baitulmal mengambil perspektif yang sedikit berbeza. Dana MAIN yang lain daripada wakaf dan zakat dianggap sebagai dana baitulmal. Ini disokong oleh perbincangan terdahulu mengenai wakaf dan enaknya di pelbagai negeri apabila ia jelas merujuk kepada dana umum MAIN sebagai baitulmal.

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, pentadbiran Islam dan hal ehwalnya di peringkat negeri adalah tanggungjawab MAIN dan JAIN. Walau bagaimanapun, fungsi kedua-dua badan ini adalah berbeza. Fungsi MAIN ialah untuk merumuskan dasar untuk pentadbiran Islam dan urusannya, sementara JAIN bertanggungjawab melaksanakan dasar-dasar yang dikembangkan oleh MAIN (Mahamood, 2006). Sejak penubuhan awalnya pada tahun 1940-an, tanggungjawab utama Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) adalah untuk mentadbir hal ehwal harian Islam dan untuk mengawasi pelaksanaan Mahkamah Syariah di setiap negeri masing-masing. Pada masa ini, JAIN merupakan sebahagian daripada struktur pentadbiran kerajaan negeri. Peranannya termasuk melaksanakan dasar-dasar pembangunan dan kemajuan Islam yang telah ditetapkan oleh MAIN. Antara ciri umum JAIN adalah peruntukan pendidikan agama (Islam) di sekolah, kursus dan seminar, serta pemantauan aktiviti keagamaan di masjid dan agensi berkaitan. Bahagian berikut membincangkan konsep kebertanggungjawaban seperti yang difahami di Barat dan ini kemudiannya dibandingkan dengan akauntabiliti di dalam Islam.

3.2 AKAUNTABILITI

Pada kebiasaannya, perbincangan mengenai konsep akauntabiliti mendahului sebarang penerangan mengenai amalan perakaunan organisasi. Ini disebabkan perkaitan di antara perakaunan dan akauntabiliti. Malah akauntabiliti menjadi asas kepada perkara berkaitan perakaunan dan pelaporan. Lebih penting lagi, ada cadangan bahawa terdapat perubahan dalam tumpuan pelaporan kewangan

daripada kebolegunaan keputusan untuk akauntabiliti (Gray *et al*, 1987). Dalam rangka kerja akauntabiliti, objektif perakaunan adalah untuk memberikan aliran maklumat yang adil antara pihak yang bertanggungjawab dan pihak yang menerima tanggungjawab. Menggunakan rangka kerja sedemikian, penerima maklumat dianggap sebagai masyarakat yang besar dan kumpulan dalam masyarakat, dan pelaporan kewangan didorong oleh kebertanggungjawaban (Gray *et al*, 1991).

Akauntabiliti merujuk kepada 'memberi dan menuntut sebab-sebab kelakuan' (Roberts and Scapens 1985). Pemberian atau pemindahan sumber dan / atau tanggungjawab mengakibatkan jangkaan maklumat atau tuntutan penjelasan mengenai tindakan dan kegiatan hubungan akauntabiliti (Stewart 1984; Grey *et al* 1988; Hyndman 1990; Laughlin 1990; Grey dan Jenkins 1993; Sinclair 1995; Gray *et al* 1996). Konsep akauntabiliti ini dapat digambarkan melalui hubungan prinsipal-ejen yang diambil dari teori agensi. Hubungan ini terdiri daripada ejen (individu, organisasi atau kerajaan) yang bertanggungjawab secara langsung atau tidak langsung kepada pihak lain (prinsipal) untuk tindakan, proses, output atau hasil. Ini mungkin menimbulkan asimetri maklumat kerana maklumat tidak selalu diberikan secara keseluruhan kepada seorang prinsipal (penerima akaun) walaupun prinsipal mempunyai hak untuk menuntut penjelasan (akaun) untuk prestasi yang baik (atau sebaliknya) berkenaan sumber yang dipindahkan atau tanggungjawab yang diberikan kepada ejen (pemberi akaun) (Patton, 1992; Grey dan Jenkins, 1993; Kearns, 1994; Broadbent *et al*, 1996; Walker, 2002).

Stewart (1984) menyatakan bahawa akauntabiliti mempunyai pelbagai tahap yang berbeza yang disebut sebagai 'tangga akauntabiliti'. Setiap tahap akauntabiliti mempunyai pelbagai keperluan dari segi maklumat. Semakin tinggi "tangga"nya, lebih tepat akaun ke atas tindakan-tindakan yang diharapkan (Stewart 1984; Broadbent *et al*, 1996). Oleh kerana maklumat perakaunan memberikan keterlihatan, makna dan signifikansi aktiviti (Ezzamel, 1997), maklumat perakaunan dapat memainkan peranan di semua peringkat 'tahap akauntabiliti'. Secara khususnya, terdapat 4 tangga akauntabiliti. Tahap pertama adalah akauntabiliti untuk kebenaran dan kesahihan; yang kedua ialah kebertanggungjawaban proses, yang ketiga ialah kebertanggungjawaban prestasi dan program dan yang keempat adalah kebertanggungjawaban dasar.

Tahap akauntabiliti yang pertama adalah berkaitan dengan dana awam dan sumber yang digunakan dalam cara yang sesuai dan sah mengikut undang-undang. Oleh itu, maklumat 'kebenaran dan kesahihan' hanya berkaitan dengan kesahihan corak perbelanjaan dan memberi kebebasan kepada ejen untuk meneruskan tindakan yang difikirkan sesuai (Broadbent *et al* 1996). Ini secara umumnya merujuk kepada akauntabiliti kewangan. Sehubungan itu, pelaporan kewangan sepatutnya mencukupi untuk menunaikan tanggungjawab untuk kebenaran dan kesahihan. Akauntabiliti Proses menerangkan tentang butiran proses yang diikuti oleh ejen. Oleh itu, 'proses' hanya menumpukan tentang cara yang diguna dan diterima pakai berbanding hasil tindakan dan aktiviti. Ini memberikan ruang kebebasan kepada ejen

untuk meneruskan apa-apa cara yang difikirkan sesuai selagi proses yang digunakan dapat dilihat oleh prinsipal dan terbuka kepada sebarang reaksi disiplin. Akauntabiliti prestasi dan program, yang juga dikenali sebagai akauntabiliti pengurusan, bertujuan untuk memberikan akaun berkenaan prestasi keseluruhan kerja ejen yang ditetapkan oleh prinsipal. Dari segi maklumat, mereka cenderung memberi output, hasil dan keputusan yang dicapai oleh ejen. Pada tahap akauntabiliti ini, prinsipal beranggapan bahawa perilaku ejen adalah selari dengan matlamat dan harapan prinsipal. Di tahap akauntabiliti ini, teknologi perakaunan adalah jelas kerana ia bukan hanya melibatkan tafsiran matlamat kepada hasil yang boleh diukur (Broadbent *et al*, 1996) tetapi penggunaan sumber juga perlu kos efektif dan cekap (Sinclair, 1995). Akhirnya, akauntabiliti dasar, iaitu tahap akauntabiliti tertinggi adalah berkaitan dengan isu-isu strategik berkaitan usaha kearah dasar yang telah diluluskan atau sebaliknya. Pada tahap ini prinsipal menetapkan kelakuan agen yang sepatutnya.

Elemen selanjutnya di dalam hubungan akauntabiliti melibatkan konteks yang lebih implisit yang mengelilingi hubungan antara prinsipal dan agen. Laughlin (1990) menyifatkannya sebagai 'komunal' dan 'kontraktual'. Konteks komunal merangkumi satu set hubungan akauntabiliti yang kurang formal di mana jangkaan dan permintaan dan penawaran maklumat kurang tersusun dan kurang ditakrifkan. Konteks ini bersifat hierarki yang memberi keistimewaan kepada prinsipal. Ini dikatakan mempunyai persamaan dengan bentuk akauntabiliti 'bersosial' oleh Roberts (1988). Sebaliknya, konteks 'kontraktual' merangkumi satu set perhubungan akauntabiliti yang lebih formal di mana jangkaan tindakan dan permintaan dan penawaran maklumat ditentukan dengan tepat dan jelas. Oleh itu, jangkaan prinsipal lebih formal dan ditakrifkan. Ini melibatkan penggunaan arahan bertulis yang lebih besar serta maklumat yang terdiri daripada laporan perakaunan daripada ejen-ejen tersebut. Walaupun arahan dan laporan tertulis adalah instrumen kawalan penting dalam konteks 'kontraktual', undang-undang tingkah laku yang tidak tertulis boleh menjadi sama dengan konteks 'komunal' dari segi instrumen kawalan (Broadbent *et al*, 1996).

Leruth dan Paul (2007) menunjukkan bahawa beberapa operasi kerajaan dapat diasimilasikan kepada hubungan prinsipal-ejen. Dalam sektor awam, rasuah dan salah urus wujud akibat daripada maklumat yang bersifat asimetri dan perbezaan matlamat antara agen (pegawai kerajaan) dan prinsipal (parlimen). Umum boleh mempertimbangkan parlimen sebagai prinsipal, yang tujuannya adalah memastikan pegawai kerajaan (ejen) melaksanakan dasar kerajaan. Tahap output yang rendah di agensi kerajaan boleh disebabkan oleh keadaan alam semula jadi atau salah laku pegawai kerajaan (ejen). Kontrak yang menentukan tahap output yang berkaitan dengan tahap input boleh bertindak sebagai mekanisme kawalan dalam mengurangkan impak maklumat yang bersifat asimetri, seperti salah tadbir dan salah urus oleh pemberi maklumat (Leruth dan Paul, 2007).

Sinclair (1995) yang menulis dari pandangan konvensional serta pengurusan, menilai akauntabiliti di dalam 3 bentuk: akauntabiliti fiskal, akauntabiliti proses dan akauntabiliti program. Yang pertama mengukur penggunaan sumber sebenar berbanding standard yang telah ditetapkan manakala yang kedua berkaitan dengan penggunaan proses tertentu. Yang ketiga, akauntabiliti program memfokuskan pada pencapaian hasil sasaran yang telah dipersetujui terlebih dahulu atau yang telah ditentukan sebelumnya.

Dari perbincangan yang telah dikemukakan, akauntabiliti tetap menjadi tanggapan yang sukar difahami walaupun banyak usaha untuk menafsir dan memahami istilah tersebut (Stewart, 1984; Gray *et al.*, 1988; Laughlin, 1990, Roberts, 1991, Patton, 1992, Gray dan Jenkins, 1993, Goddard dan Powell, 1994; Sinclair, 1995; Ahrens, 1996; Parker dan Gould, 1999). Sifat 'bunglon'nya mengakibatkan akauntabiliti ditakrifkan berdasarkan asas ideologi, motif dan bahasa pada masa itu (Sinclair, 1995; Glynn dan Murphy, 1996; Mulgan, 2000; Walker, 2002; Dubnick dan Justice, 2004). Di samping itu, akauntabiliti juga sering digunakan secara bergantian dengan tanggungjawab, kerana ia telah berlandaskan kepada pada konsep tanggungjawab (Erkkila, 2007). Jelas sekali, tanggungjawab mesti ditakrif dengan jelas untuk pelaksanaan akauntabiliti yang timbul daripada tanggungjawab tersebut.

3.2.1 Islam Dan Akauntabiliti

Dalam Islam, akauntabiliti datang dari konsep amanah (Faruqi, 1992). Amanah berkaitan dengan satu lagi konsep penting dalam Islam, iaitu khilafah (vicegerency). Tambahan pula, pengertian akauntabiliti Islam adalah berbeza daripada yang difahami umum di Barat. Dalam Islam, akauntabiliti dilihat dari dua perspektif yang berbeza: akauntabiliti manusia kepada Tuhan, dan akauntabiliti manusia kepada orang lain (iaitu masyarakat). Oleh itu, individu menyembah Tuhan dan melaksanakan semua tugasnya sebagai khalifah (vicegerent). Ini merupakan akauntabiliti utamanya. Akauntabiliti sekunder ditubuhkan melalui kontrak antara individu. Lebih penting lagi, hubungan individu dengan individu lain mencerminkan hubungannya dengan Tuhan. Akauntabiliti kepada Tuhan merupakan akauntabiliti 'menegak' dan akauntabiliti kepada individu lain sebagai akauntabiliti 'mendatar'. Secara asasnya, dalam kontrak agensi antara pemilik dan pengurus, kontrak antara majikan dan pekerja atau kontrak antara atasan dan orang bawahan akan menjadi akauntabiliti 'mendatar' (Ibrahim, 2000). Lebih penting lagi, konsep khilafah menganggap pemilikan sumber sebagai amanah yang diberikan kepada setiap manusia. Dalam konteks WZB, apa yang dimaksudkan adalah apa-apa sumber kewangan yang disediakan untuk WZB dibuat dalam bentuk amanah. Oleh itu, setiap MAIN diiktiraf sebagai pemegang amanah untuk dana wakaf, zakat dan baitulmal yang diterima. Maka, konsep akauntabiliti yang dianjurkan oleh Islam adalah terpakai oleh MAIN dan boleh dijadikan asas dalam merangka amalan perakaunan untuk harta WZB.

Gray, *et al.* (1987), melihat akauntabiliti dari perspektif perakaunan, berhujah bahawa akauntabiliti merujuk kepada

“keperluan atau tanggungjawab untuk menyediakan akaun (tidak semestinya akaun kewangan) atau pengiraan tindakan yang bertanggungjawab” (Gray *et al.*, 1987, m2).

Dalam Islam, manusia mempunyai perjanjian dengan Tuhan (Ishaque, 1978). Perjanjian ini menghendaki individu itu melaksanakan akauntabiliti sesuai dengan tanggungjawab yang ditetapkan dalam Shariah. Ini adalah selari dengan kontrak yang ada di antara prinsipal dan ejen yang disokong oleh Gray *et al.* (1987) dalam kerangka akauntabiliti prinsipal-ejen. Dalam rangka kerja itu, prinsipal memberikan arahan kepada ejen tentang tindakan yang diharapkan darinya. Biasanya, prinsipal meletakkan dua tanggungjawab utama kepada ejen; tanggungjawab untuk bertindak dan tanggungjawab untuk menjelaskan tindakan tersebut. Dalam Islam, Muslim mempunyai kewajiban kepada Allah. Hak berasal dari tugas utama individu kepada Tuhan. Hak dan kebebasannya terangkum di dalam tugas ini. Oleh itu, manusia mengakui hak sesama manusia kerana ini adalah tugas yang diletakkan kepadanya oleh Tuhan (Ishaque, 1978).

Kerangka perakaunan kewangan yang diperoleh dari Shariah harus dipertimbangkan sebagai sebahagian dari sistem sosial dan ekonomi Islam yang akhirnya membawa kepada tujuan menyembah Tuhan dengan cara yang telah ditetapkanNya (Gambling dan Karim, 1991). Oleh itu, akauntabiliti dalam Islam bermaksud akauntabiliti peribadi kepada Tuhan, manakala tradisi perakaunan Barat dianggap mempunyai akauntabiliti kepada pihak berkepentingan (Baydoun dan Willett, 1994). Untuk perakaunan tanggungjawab sosial, Gambling dan Karim (1991) berpendapat bahawa tidak ada keperluan untuk pelaporan sosial tertentu jika manusia berpegang teguh kepada Shariah, kerana Shariah menentukan hak dan kewajiban pedagang dan pelanggan, majikan dan pekerja, dan tuan tanah dan penyewa.

Menurut Zakari (2013), dari perspektif badan amal dan pertubuhan bukan keuntungan, tiga jenis akauntabiliti yang utama adalah: akauntabiliti ke atas, ke bawah dan holistik. Akauntabiliti ke atas pada dasarnya adalah akauntabiliti kepada penderma, pembiaya dan badan pengawasan (Christensen dan Ebrahim, 2006). Akauntabiliti ke bawah membabitkan akauntabiliti kepada penerima (Kilby, 2006). Akauntabiliti sedemikian kurang dilembagakan dan lebih bergantung pada akauntabiliti yang dirasakan (Christensen dan Ebrahim, 2006). Christensen dan Ebrahim (2006) menegaskan bahawa akauntabiliti ke bawah sering diabaikan atau, paling tidak, kurang ditekankan. Ini mungkin disebabkan oleh kelonggaran undang-undang kepada organisasi berkenaan untuk memberikan akauntabiliti kepada penerima manfaat (Kilby, 2006). Tumpuan untuk menanggung akauntabiliti ke bawah tidak harus mengorbankan akauntabiliti ke atas. Oleh itu, terdapat keperluan untuk integrasi di antara kedua-dua bentuk akauntabiliti yang kemudiannya dipanggil akauntabiliti holistik. Akauntabiliti holistik

merangkumi bentuk akauntabiliti yang lebih luas (O'Dwyer dan Unerman, 2008) kerana ia tertanam secara tersirat dengan penglibatan dan penyertaan pihak berkepentingan yang bertujuan untuk mengimbangi akauntabiliti ke atas dan ke bawah (Osman, 2010).

Ringkasnya, konsep akauntabiliti Islam, *taklif*, menawarkan pendekatan holistik untuk memahami hubungan akauntabiliti dalam pengurusan dan perakaunan WZB di Malaysia. Di samping itu, kerangka akauntabiliti yang dipertanggungjawabkan pada hubungan prinsipal-ejen juga dapat menjelaskan konsep pemegang amanah dalam MAIN terhadap dana WZB yang diterima. Melengkapkan akauntabiliti utamanya kepada Tuhan dan akauntabiliti menengah kepada pihak-pihak berkontrak dan agensi-agensi penyeliaan mungkin mendorong piawaian pelaporan yang tinggi sekaligus meminimumkan kos maklumat yang bersifat asimetri yang terhasil daripada hubungan prinsipal-ejen. Sehubungan ini, setiap MAIN bertanggungjawab untuk pengurusan sumber yang cekap dan berkesan. Di sini terdapat keperluan untuk melaksanakan sistem perakaunan yang tepat. Gray dan Jenkins (1993) menyokong percanggahan ini apabila mereka berpendapat bahawa perakaunan adalah sistem maklumat yang harus dinilai atas sumbangannya kepada keberkesanan pengurusan. Oleh itu, kajian terdahulu yang menilai prestasi WZB sangat bergantung kepada perakaunan dan pelaporan organisasi sedemikian. Justeru itu, seperti yang telah disebutkan sebelum ini, sorotan literatur mengenai amalan perakaunan WZB tidak boleh menolak kajian-kajian yang mengkaji prestasi institusi-institusi tersebut.

3.3 PERAKAUNAN WZB

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, baitulmal, dalam pemahaman tradisional, merujuk kepada perbendaharaan awam negara Islam. Akan tetapi, di Malaysia, istilah itu merujuk kepada dana umum MAIN, iaitu dana selain wakaf dan zakat. Memandangkan setiap MAIN mempunyai mandat penting untuk mengawasi dan menguruskan dana yang berkaitan dengan dana WZB di Malaysia, kajian yang mengkaji amalan perakaunan WZB akan merujuk kepada amalan perakaunan MAIN.

Penyebaran maklumat perakaunan dapat dianggap sebagai mekanisme penting di mana unsur-unsur utama akuntabiliti dapat dilaksanakan (Ebrahim, 2003). Carnegie dan West (2005) menyokong perdebatan ini apabila mereka berhujah bahawa komunikasi maklumat perakaunan mempunyai tujuan utama untuk membolehkan penilaian akauntabiliti yang sesuai. Oleh itu, melalui perakaunan dan pelaporan yang sepatutnya, pihak berkepentingan boleh memantau bagaimana sebuah institusi seperti MAIN mengurus dana wakaf, zakat dan baitul yang diamanahkan kepada mereka dengan cara yang memuaskan. Ini mencerminkan akauntabiliti organisasi-organisasi ini (Masruki dan Shafii, 2013).

Menurut Palmer dan Vinten (1998), isu utama dalam pelaporan yang berkaitan dengan amal adalah kebolehbacaan dan kesesuaian maklumat yang dilaporkan. Secara umumnya, pembaca laporan organisasi berkenaan mencari maklumat mengenai penggunaan sumber dan pergerakan dana amal

sepanjang tahun. Begitu juga pemegang taruh WZB juga akan memerlukan maklumat tentang berapa banyak sumber yang diterima, jenis sumber serta cara penggunaannya. Walau bagaimanapun, Patton (1992) berhujah bahawa sejauh mana maklumat yang dilaporkan dalam penyata kewangan bergantung kepada jenis hubungan antara pemberi akaun dan penerima akaun.

Kajian terdahulu yang memberi tumpuan kepada amalan perakaunan dan pelaporan MAIN atau baitulmal adalah agak terhad. Sekiranya kajian tersebut dijalankan, ia bertujuan untuk mengkaji, lebih khusus, amalan perakaunan dan pelaporan wakaf dan / atau zakat. Memandangkan ini, sorotan literatur biasanya akan memberi tumpuan lebih kepada perakaunan kedua-dua jenis dana ini. Di samping itu, kajian yang mengkaji tentang prestasi wakaf dan zakat juga diteliti sebagai ukuran prestasi yang umumnya bergantung kepada amalan perakaunan dan laporan dan yang paling penting, kebolehpercayaan kajian sedemikian bergantung kepada kualiti dan kuantiti maklumat yang dinyatakan.

3.3.1 Perakaunan untuk Wakaf

Budiman (2010) dan Haneef (2010) mengklasifikasikan kajian terdahulu di dalam bidang wakaf dari aspek sejarah, cabaran pengurusan dan pentadbiran, perkembangan wakaf, isu fiqh, undang-undang wakaf, akta wakaf, jenis wakaf, wanita dan wakaf, peranan sosio-ekonomi dan politik wakaf, perakaunan dan pembiayaan wakaf, kajian komparatif dan kes-kes antara negara (contohnya Cajee 2007, 2008; Pirasteh dan Abdolmaleki, 2007; Rashid, 2007; Hasan, 2007; Cizakca, 1998; Hoexter, 1998; Shatzmiller, 2001; Rashid, 2002; Mustaq, 2005; Toraman *et al*, 2007; Qasmi, 2002; Mahamood, 2006 dan Mahmud & Haneef, 2010). Merujuk kepada perakaunan untuk wakaf, fokus kajian terdahulu merangkumi penyimpanan rekod dan dokumentasi, keperluan untuk membangunkan piawaian perakaunan untuk wakaf, akauntabiliti dan ketelusan serta prestasi institusi wakaf.

Abdul-Rahman *et al.* (1999) meneroka amalan perakaunan dan pentadbiran yang berkaitan wakaf berkenaan semua MAIN di Malaysia. Kajian mereka mendapati, antara lain, bukti dokumentasi dan penyimpanan rekod yang lemah, ketiadaan sistem perakaunan yang mantap dan kesanggupan akauntabiliti yang ketara. Kajian Marsoof (2004) mengenai pentadbiran wakaf di Sri Lanka mendapati bukti pengurusan harta wakaf yang lemah. Memperluaskan kajian awal Abdul-Rahman *et al.* (1999), Mohd-Zain (2005) menyiasat amalan pendedahan mengenai wakaf untuk kesemua 14 MAIN di Malaysia. Beliau kemudian membandingkan hasil dengan Abdul-Rahman *et al.* (1999). Terdapat peningkatan yang sangat minimum pada tahap dan jenis maklumat yang didedahkan dari 1999 hingga 2005. Tahap pendedahan masih rendah. Di samping itu, MAIN tidak mengekalkan akaun aset wakaf yang sepatutnya dan bahawa laporan tahunan tidak disediakan secara tepat pada masanya. Majoriti MAIN mempunyai laporan yang sudah lapuk. Pada amnya, tidak ada peruntukan untuk susut nilai aset wakaf dan tiada bukti akaun berasingan untuk wakaf khusus dan umum.

Kajian Yaacob (2006), sekali lagi mengkaji amalan perakaunan wakaf, memberi tumpuan kepada hanya satu MAIN, iaitu Wilayah Persekutuan. Hasil kajian deskriptifnya menunjukkan beberapa tahap peningkatan dalam penyimpanan rekod walaupun tidak ada penyata kewangan khusus untuk wakaf. Juga tidak ada laporan pelbagai jenis wakaf, secara berasingan. Melihatkan kepada masalah perakaunan dan pengurusan wakaf yang sama, kajian ulangan ini dilakukan setahun kemudian oleh Ihsan (2007). Beliau menyelitikan amalan perakaunan dua lembaga wakaf Indonesia, Dompot Dhuafa dan Badan Wakaf Universitas Islam Indonesia (Yayasan UII Wakaf). Nampaknya terdapat kekurangan amalan perakaunan yang seragam di antara kedua-dua organisasi. Di samping itu, setiap organisasi melaksanakan tanggungjawab dan ketelusan awam berdasarkan bagaimana mereka menafsirkan tanggungjawab dan akauntabiliti mereka terhadap konstituen mereka.

Yaacob dan Nahar (2011) menjalankan kajian terhadap amalan perakaunan, pelaporan dan pengurusan institusi kewangan yang menguruskan wakaf tunai di Malaysia selama tempoh enam tahun, dari tahun 2000 hingga 2005. Walaupun mereka mendapati pengurusan institusi telah melaksanakan akauntabiliti di tahap yang memuaskan, mereka merasakan masih ada ruang untuk penambahbaikan. Sulaiman, *et al.* (2009) menggunakan Dana Wakaf Universiti Islam Antarabangsa (IIUMWF) sebagai kajian kes, mencadangkan tiga kayu ukur prestasi utama wakaf; kecekapan, ekonomi dan keberkesannya. Walaupun ketiga-tiga langkah ini dicadangkan, mereka hanya boleh menentukan kriteria kecekapan kerana maklumat yang dinyatakan tidak mencukupi untuk menentukan ekonomi dan keberkesanan IIUMWF. Kajian yang lebih terkini dilakukan oleh Chowdhury *et al.* (2012) lebih memfokuskan kepada penilaian prestasi. Dari sintesis kajian lepas, mereka menemui pelbagai masalah dalam pentadbiran wakaf di Malaysia dan kemudiannya memberikan cadangan untuk penambahbaikan.

3.4.1.1 Penyata Kewangan Berasingan Berbanding Penyata Kewangan yang Disatukan

Kajian yang paling komprehensif mengenai perakaunan wakaf kemungkinan ialah kajian yang telah dilaksanakan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) pada tahun 2014. Laporan 123 halaman antara lain berpendapat bahawa wakaf, walaupun diletakkan di bawah pengurusan MAIN, adalah dianggap sebagai entiti sendiri. Hal ini disebabkan terutamanya oleh fakta bahawa waqif, penerima dan pihak berkepentingan lain memerlukan maklumat kewangan wakaf. Memandangkan ini, setiap wakaf sepatutnya mempunyai set penyata kewangan tersendiri. Cadangan yang sama dibuat oleh JAWHAR, seperti yang dibuktikan dalam manual mengenai pengurusan perakaunan. Manual ini memerlukan setiap MAIN untuk menyediakan satu set laporan kewangan berasingan untuk dilampirkan di dalam laporan tahunan MAIN. Sokongan lanjut mengenai isu ini boleh diperoleh daripada Enakmen Wakaf Negeri Sembilan 2005, di mana ia menyatakan secara khusus bahawa perlu ada penyata kewangan yang diaudit berasingan untuk dana wakaf negara. MASB akhirnya mencadangkan yang berikut:

Ia juga mungkin bersesuaian untuk menyediakan penyata kewangan bagi setiap wakaf - bukan hanya untuk dana wakaf secara keseluruhannya. Ini akan membolehkan analisis lebih terperinci dilaksanakan mengenai kedudukan kewangan dan prestasi setiap wakaf. Maklumat terperinci itu mungkin hilang apabila semua wakaf diagregatkan (Laporan MASB, 2014: p22)

Pada masa ini, kebanyakan MAIN memasukkan item terpilih berkenaan wakaf dalam penyata kewangan mereka. Sebagai contoh, satu MAIN memasukkan pendapatan sewa dari aset wakaf tetapi tidak memasukkan aset wakaf tersebut di dalam akaun mereka. Sikap memilih urus niaga tertentu mungkin dapat ditangani jika ada piawaian khusus untuk perakaunan dana WZB. Satu lagi isu menarik yang dibangkitkan dalam laporan itu adalah fakta penting bahawa kebanyakan enakmen negeri (kecuali beberapa MAIN seperti Wakaf Negeri Sembilan yang dibincangkan sebelum ini) mengenai penubuhan MAIN setiap negeri menunjukkan bahawa MAIN tidak perlu menyediakan penyata kewangan berasingan untuk wakaf. Sebaliknya, dana wakaf (kumpulan wang wakaf) akan dimasukkan ke dalam penyata kewangan MAIN. Sehubungan itu, (jika peruntukan di dalam piawaian adalah untuk penyata kewangan berasingan untuk wakaf) enakmen tersebut perlu dikaji semula supaya MAIN dapat mengguna pakai piawaian perakaunan bagi WZB yang diisytiharkan oleh Jabatan Akauntan Negara. Walau bagaimanapun, MASB juga menegaskan bahawa, oleh kerana aset wakaf di negeri itu mesti didaftarkan secara sah atas nama MAIN, ini akan menunjukkan bahawa "hak dan kewajiban pemilikan undang-undang, digabungkan dengan peruntukan dalam enakmen negeri, boleh memberikan MAIN hak untuk mengawal wakaf". Dengan demikian, satu set laporan penyatuan mungkin sesuai. Ini disokong oleh hakikat bahawa setiap enakmen negeri memberikan MAIN kuasa mutlak ke atas wakaf. Ini mungkin memenuhi peruntukan dalam perenggan 39 MPSAS 6 (Penyataan Kewangan Disatukan dan Berasingan). Selanjutnya, hakikat bahawa setiap MAIN berhak mendapat yuran pengurusan dari wakaf dan juga bertanggungjawab terhadap liabiliti wakaf itu akan menunjukkan bahawa syarat "manfaat" dalam MPSAS 6 dipenuhi.

Dengan hujah-hujah yang selari dan bercanggah dengan penyatuan, adalah penting bagi ANM untuk menjalankan pemeriksaan komprehensif mengenai isu-isu tersebut dalam proses membangunkan piawaian perakaunan.

3.4.1.2 Kerangka Kerja Pelaporan Kewangan

Mengenai kerangka kerja pelaporan kewangan yang akan diterima pakai untuk perakaunan wakaf pada masa kini, (sebelum piawaian ANM dikembangkan), kebanyakan MAIN (semasa persidangan meja bulat yang dianjurkan oleh pejabat Ketua Audit Negara) lebih suka menggunakan MPERS apabila ia berkuat kuasa di dalam 2016. Sebab utama mereka ialah MPERS lebih komprehensif memandangkan MPSAS tidak memasukkan semua IPSAS. Walau bagaimanapun, MPERS mungkin hanya sesuai untuk

wakaf yang melibatkan aktiviti ekonomi seperti hotel dan sewa premis wakaf. Pihak lain pula merasakan bahawa badan berkanun negeri seperti MAIN lebih sesuai.

3.3.2 Isu spesifik berkenaan pengiktirafan dan pengukuran

Lembaga Piawai Perakaunan Antarabangsa (IASB) mentakrifkan aset sebagai sumber yang dikendalikan oleh entiti sebagai hasil daripada peristiwa lepas dan dari mana manfaat ekonomi masa depan dijangka akan mengalir ke entiti. Rangka kerja ini jelas menekankan pada perkataan 'kawalan'. Oleh itu, aset boleh dikawal oleh entiti tetapi entiti tidak mempunyai hak milik undang-undang. Sebagai contoh, dalam pajakan kewangan, walaupun penyewa mempunyai kawalan ke atas faedah ekonomi yang akan diperolehi daripada penggunaan aset tersebut, pemberi sewa adalah pemilik yang sah. Oleh itu, aset boleh diiktiraf dalam penyata kewangan penyewa walaupun pemilikan aset dimiliki oleh orang lain. Ini menggambarkan penekanan kepada konsep mementingkan intipati daripada rupabentuk (*substance over form*). Konsep ini secara khususnya meletakkan kepentingan kepada intipati transaksi ekonomi berbanding aspek undang-undang dalam usaha untuk memberikan pandangan yang benar dan saksama tentang keadaan urusan syarikat. Di samping itu, rangka kerja IASB menyediakan dua kriteria tambahan sebelum sesuatu item diiktiraf sebagai aset. Yang pertama ialah faedah ekonomi kepada entiti yang mungkin dapat dibawa masuk dan yang kedua ialah kos / nilai item itu boleh diukur dengan pasti. Bagi perakaunan sektor awam pula, tambahan kriteria pengiktirafan aset adalah kemungkinan aset memberi perkhidmatan keatas entiti berkaitan. Dalam konteks dana MAIN dan WZB, apa yang digambarkan dalam penyata kedudukan kewangan, aset-aset yang diiktiraf walaubagaimanapun tidak terhad kepada faedah ekonomi dan potensi perkhidmatan tetapi juga faedah sosial kepada masyarakat umum.

3.3.2.1 Hartanah

Mengenai harta wakaf, MAIN adalah pemilik berdaftar wakaf berdasarkan kuasa enakmen negeri. Oleh itu, MAIN bertindak sebagai mutawalli. Dilaporkan bahawa pada wakaf hartanah, MAIN sama ada tidak mengiktirafnya sebagai aset mereka atau jika ia mengiktiraf sebagai asetnya, sama ada nilai nominal (pada RM 1), jumlah yang dibelanjakan untuk mendapatkan harta yang didaftarkan (di RM 10 setiap judul) atau pada kos. Untuk wakaf yang tidak termasuk di dalam penyata kewangan MAIN, ia dinilai dalam rekod pengurusan pada nilai "sifar". Ini dilakukan di atas dua sebab; sama ada waqif tidak memberi penilaian apabila ia dipindahkan atau harta benda itu mewakili masjid, tanah perkuburan atau sekolah agama. Penilaian di atas nilai 'sifar' di atas mungkin tidak sesuai dengan peruntukan dalam MFRS 116 dan MPSAS 17. Lebih terperinci, perenggan 23 MFRS 116 dengan jelas menyatakan bahawa kos sesuatu item Hartanah, Loji dan Peralatan adalah bersamaan harga tunai pada tarikh pengiktirafan. Selanjutnya, Perenggan 26 MPSAS 17 menunjukkan bahawa jika aset diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran, kosnya hendaklah diukur pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan.

Yang menariknya, salah satu MAIN menyatakan bahawa mereka membuat penilaian semula harta wakaf setiap lima tahun dan memasukkan nilai aset-aset ini ke dalam nota-nota kepada penyata kewangan. Pada tarikh laporan, satu MAIN masih menyusun senarai harta wakaf di bawah bidangnya.

Pada masa yang sama, satu persoalan yang telah dibangkitkan adalah sama ada aset wakaf boleh dianggap sebagai aset warisan sepertimana dalam peruntukan yang terdapat di dalam MPSAS 17. Suatu aset yang memenuhi definisi dan kriteria pengiktirafan untuk PPE tidak diperlukan untuk merekodkan aset itu sebagai aset warisan. Oleh itu, MAIN mesti melaksanakan keperluan pendedahan MPSAS 17. Walau bagaimanapun, entiti tidak perlu mematuhi keperluan pengukuran standard.

3.3.2.2 Pelaburan hartanah

MAIN boleh membangun, menjual atau menggantikan harta wakaf untuk keuntungan. Oleh itu, berdasarkan MPSAS 16 (Harta Pelaburan), harta wakaf harus diiktiraf sebagai harta pelaburan jika harta itu dipegang untuk memperoleh sewa atau untuk kenaikan nilai. Selanjutnya, MPSAS 16 dengan jelas menunjukkan bahawa harta pelaburan akan diukur pada harga kos pada mulanya. Walau bagaimanapun, jika harta pelaburan diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran, harta tersebut harus diukur pada nilai saksama pada tarikh perolehan (MPSAS 16, perenggan 27). Untuk pengukuran seterusnya, entiti boleh memilih model nilai saksama atau nilai kos (MPSAS 16, perenggan 39). Walau bagaimanapun, jika MAIN menggunakan MPERS, pengukuran selanjutnya bagi hartanah pelaburan mestilah pada nilai saksama kecuali pengukuran nilai saksama akan mengakibatkan kos atau usaha yang tidak wajar.

Apa yang menarik untuk diberi perhatian ialah harta wakaf untuk masjid semakin berkembang menjadi harta komersil, dan di atas tanahnya dijalankan pelbagai aktiviti komersil yang boleh meningkatkan nilai hartanah berkenaan. Walau bagaimanapun, nilai harta ini tidak dinyatakan di dalam penyata kewangan berasingan untuk wakaf dan ia juga tidak didedahkan dalam penyata kewangan MAIN. Perkara ini perlu dipertimbangkan dengan serius apabila menetapkan piawaian.

3.3.2.3 Pajakan

Isu pajakan dalam konteks wakaf secara amnya berkait sama ada wakaf harta tanah di bawah pegangan pajakan dibenarkan di dalam Shariah, dan jika demikian, pewakafan akan menukar harta tersebut menjadi harta pegangan bebas. Untuk ini, Majlis Fatwa Kebangsaan (Majlis Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam) pada tahun 2004 telah memutuskan bahawa wakaf harta tanah pajakan adalah sah dan boleh diterima di bawah Shariah. Lebih penting lagi, "apa-apa wakaf tanah pajakan yang selaras dengan prosedur yang ditetapkan dan diterima oleh baitulmal, akan mengubah statusnya di tangan baitulmal sebagai pegangan bebas" (MASB Report 2014: p51). Oleh itu, perlu diingatkan bahawa jika wakaf harta tanah pajakan dipindahkan sebagai harta pegangan bebas kepada MAIN, ia

boleh dianggap bahawa harta tanah pegangan pajakan telah mengambil masa hayat berguna yang tidak terbatas untuk MAIN dan pengukuran dan pendedahan perakaunan untuk hartanah tersebut akan mengambil kira faktor ini.

3.3.2.4 Aset kewangan

Aset kewangan wakaf yang ditadbir oleh MAIN secara amnya terdiri daripada tunai dan pelaburan dalam instrumen ekuiti (yang diukur pada nilai kos). Sekiranya MPERS digunakan, prinsip pengiktirafan dan pengukuran untuk instrumen kewangan dalam Seksyen 11 (Instrumen Kewangan Asas) dan Seksyen 12 (Isu Instrumen Kewangan Lain) akan diguna pakai. Seksyen 11 menghendaki entiti untuk mengukur aset kewangan pada harga transaksi pada mulanya dan kemudiannya pada kos terlunas. Seksyen 12 MPERS memperuntukkan bahawa aset kewangan yang terkandung dalam skopnya, seterusnya diukur pada nilai saksama dengan perubahan nilai saksama yang diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Memandangkan MPSAS tidak termasuk piawaian mengenai instrumen kewangan kerana kerajaan tidak mengguna pakai semua IPSAS, adalah wajar untuk mengetahui bagaimana MAIN boleh menetapkan instrumen kewangan wakaf, di masa hadapan dengan merujuk kepada IPSAS semasa. IPSAS yang berkaitan dengan instrumen kewangan adalah IPSAS 28 (Instrumen Kewangan: Pembentangan); IPSAS 29 (Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran) dan IPSAS 30 (Instrumen Kewangan: Pendedahan). Piawaian IPSAS ini agak serupa dengan IAS 32, IAS 39 dan IFRS 7. MASB berpendapat bahawa MAIN serius mempertimbangkan untuk mengguna pakai MPERS atau IPSAS mengenai perakaunan untuk aset kewangan memandangkan piawaian khusus mengenai WZB belum dibangunkan.

3.4.3 Perakaunan untuk zakat

Zakat, sebagai salah satu rukun Islam, adalah sebahagian daripada sistem sosio-ekonomi Islam. Dikatakan bahawa zakat dapat membantu mencapai keharmonian sosial di antara berbagai kategori ummah (pengikut agama Islam). Lebih penting lagi, walaupun Islam membenarkan individu membayar zakat sendiri, adalah sangat digalakkan bagi negara-negara untuk menubuhkan zakat dan agensi pembayaran supaya pengumpulan dan pembayaran dana zakat menjadi lebih efisien dan efektif. Dengan ini diingatkan bahawa pengumpulan zakat Malaysia diinstitusikan dan diletakkan bawah bidang kuasa MAIN. Tugas-tugas MAIN yang berkaitan dengan zakat adalah untuk mempromosikan, mengumpul, dan mengeluarkan zakat mengikut peraturan Shariah, serta memberikan bantuan kepada golongan miskin dan yang memerlukan. Di samping itu, zakat dikumpulkan oleh MAIN, sama ada secara langsung atau melalui anak-anak syarikat yang ditubuhkan khusus ditugaskan untuk pengumpulan zakat. Dengan sistem ini, Malaysia mengamalkan konsep "wakalah" dalam pentadbiran zakat. Wakalah

adalah delegasi tugas-tugas tertentu kepada pihak ketiga. Selain itu, dalam bentuk literal, wakalah merujuk kepada perlindungan, delegasi, pengesahan dan pemeliharaan sesuatu aktiviti atau item tertentu (Al-Zuhayli, 2002; Saleem, 2007). Makna undang-undangnya merujuk kepada kontrak yang dibuat apabila seseorang yang kompeten memberi kuasa kepada orang lain untuk menjalankan aktiviti atau tindakan tertentu bagi pihaknya (Saleem, 2007; Al-Zuhayli, 2002). Sehubungan itu, MAIN, sebagai agensi zakat, boleh dianggap sebagai entiti undang-undang yang telah dilantik untuk melaksanakan pembayaran zakat bagi pihak pembayar zakat. Lebih penting lagi, MAIN perlu berwibawa dalam mengendalikan aktiviti ini (pengumpulan dan pembayaran zakat) (Al-Zuhayli, 2002; Saleem, 2007).

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, institusi zakat boleh memainkan peranan penting dalam melengkapkan usaha pembasmian kemiskinan kerajaan. Walau bagaimanapun, keberkesanan institusi zakat untuk melaksanakan tugasnya dengan memuaskan bergantung kepada beberapa faktor termasuk pengembangan sumber-sumber baru untuk pendapatan zakat, pengumpulan zakat dari harta yang nyata dan tidak ketara, pengurusan zakat yang cekap serta kecekapan dan keberkesanan pengagihan zakat (Ab Rahman, *et al.*, 2012)

Bersambung dari perbincangan sebelumnya, pelbagai kajian telah dilaksanakan untuk mengkaji keberkesanan dan kecekapan institusi zakat dalam menguruskan dana zakat (contohnya Ali, 1990; Ismail, 2000; Noor *et al.*, 2004; Dollah *et al.*, 2004; Halidan, 2006; Kamil, 2005; Abu Bakar *et al.*, 2006; Zainal Abidin, 2006). Kebanyakan hasil kajian telah mendapati bahawa pendedahan maklumat mengenai jumlah yang dikeluarkan dan yang dibelanjakan adalah kurang jelas (Wahid dan Kader, 2010). Di samping itu, sejumlah besar dana zakat yang tidak dikeluarkan pada akhir tempoh perakaunan merupakan satu lagi isu yang diperdebatkan. Seperti yang dirujuk di tempat lain di dalam makalah ini, jenis maklumat yang dilaporkan adalah isu penting untuk WZB. Memandangkan ini, adalah penting, pada mulanya, untuk mengenal pasti jenis pengguna maklumat yang dianggap relevan. Menurut Connolly dan Hyndman (2013) menentukan siapa pihak yang berkepentingan akan mempunyai kesan terhadap jenis maklumat yang akan didedahkan. Zainon, Atan, dan Wah (2014) menyokong perselisihan ini apabila mereka berpendapat bahawa adalah perlu untuk mengenal pasti keperluan maklumat pihak pemegang taruh badan amal. Ini kerana pendedahan maklumat yang memenuhi keperluan pemegang taruh boleh mengukuhkan dan mengekalkan hubungan positif amal dengan penderma. Mereka terus mencadangkan senarai semak item yang boleh membantu penyedia untuk menjalankan pelaporan untuk amal untuk memenuhi keperluan pemegang taruh untuk maklumat berguna dan relevan. Begitu juga, Sapongi, *et al.* (2014) membangunkan indeks pendedahan untuk membolehkan seseorang menentukan kualiti maklumat yang didedahkan oleh institusi zakat.

Mungkin satu lagi isu penting yang perlu diperhatikan ialah peruntukan tertentu dalam bahagian 3 Perlembagaan Persekutuan (Kerajaan Malaysia, 1957) yang menyatakan dengan jelas bahawa pendapatan daripada koleksi zakat dianggap sebagai Hasil Negeri dan di bawah kawalan MAIN. Yang lebih penting ialah Bahagian 7 Perlembagaan Persekutuan mengenai peruntukan kewangan. Mengikut bahagian ini, dana zakat perlu dikelaskan di bawah dana berasingan dan ia tidak boleh dimasukkan ke dalam dana yang disatukan, dengan itu menunjukkan bahawa dana tersebut tidak dianggap sebagai hasil kerajaan. Oleh itu, zakat, fitrah, baitulmal atau hasil serupa bagi MAIN tidak dianggap sebagai wang awam seperti yang termaktub dalam Akta Prosedur Kewangan 1957 (Kerajaan Malaysia, 2006) (Abdul Aziz, *et al*, 2013). Bahagian berikut menghuraikan cabaran dan isu-isu penting yang diambil dari sorotan literatur.

3.5 ISU-ISU PENTING UNTUK DIBERI PERHATIAN

Kekurangan sistem perakaunan yang sistematik, ketiadaan maklumat awam terperinci dan kekurangan penyelarasan institusi-institusi ini oleh pihak berkuasa persekutuan di Malaysia adalah beberapa sebab yang mempengaruhi kualiti dan kuantiti pendedahan maklumat WZB (contohnya Abdul-Rahman *et al.*, 1999; Nahar dan Yaacob, 2011; Yaacob dan Ibrahim, 2006; Siraj, 2012; Mohd-Zain, 2005). Tambahan lagi, kekurangan penguatkuasaan dan akauntan berpengalaman juga menyumbang kepada amalan perakaunan dan pelaporan yang kurang memuaskan daripada MAIN. Khusus untuk wakaf, Adnan *et al.* (2007) berhujah bahawa masalah asas yang menyebabkan perekodan dan pelaporan wakaf yang tidak konsisten di Malaysia adalah ketiadaan rangka kerja konseptual bagi laporan kewangan wakaf. Menambah kepada wacana yang khusus untuk zakat, Nahar dan Yaacob (2011) berhujah bahawa penggunaan preskripsi perakaunan perusahaan komersial tidak konsisten dengan objektif dasar MAIN, yang bukan bersifat keuntungan. Maklumat yang dilaporkan dalam penyata kewangan yang menggunakan preskripsi perakaunan tersebut tidak benar-benar mencerminkan realiti transaksi zakat.

Memandangkan maklumat yang didedahkan dalam laporan kewangan MAIN adalah sangat penting kerana ia membolehkan pembayar wakaf dan zakat untuk menilai prestasi entiti, maka terdapat keperluan yang mendesak untuk mengatasi anomali ini. Khususnya, pemegang taruh berminat untuk menentukan sama ada dana yang diamanahkan kepada MAIN telah diuruskan dengan baik. Melaksanakan akauntabiliti secara memuaskan melalui ketelusan dalam laporan akan membolehkan MAIN mendapat kepercayaan dan keyakinan orang ramai. Abdul-Rahman *et al* (1999) mencadangkan agar prosedur perakaunan yang betul ditubuhkan di setiap MAIN. Perdebatan yang sama disuarakan oleh Mohd-Zain (2005) apabila beliau mencadangkan garis panduan yang betul dan manual prosedur dibangunkan untuk mengambil kira aset wakaf. Di samping itu, beliau mencadangkan bahawa MAIN menggunakan akauntan berpengalaman kerana pada pendapat beliau, dapat membantu MAIN dalam mengekalkan akaun wakaf. Walau bagaimanapun, mempunyai kakitangan akaun yang berpengalaman tidak semestinya menjadikan pelaporan lebih baik kerana akauntan ini hanya dapat mengekalkan apa

yang sedang diamalkan dan apa yang sedang dilakukan mungkin tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan pemegang taruh yang berkaitan. Ini telah mendorong Adnan dan Abu Bakar (2009) untuk mencadangkan bahawa rangka kerja konseptual bagi laporan kewangan wakaf dikembangkan kerana ketiadaan kerangka merupakan alasan utama bagi laporan wakaf yang tidak konsisten dan bervariasi di Malaysia. Begitu juga, rangka kerja konsep untuk perakaunan zakat dan baitulmal juga perlu dibangunkan.

Yaacob (2006) dan Nahar dan Yaacob (2011) pula mengambil pendirian yang berbeza. Mereka mencadangkan agar MAIN mengamalkan Pernyataan Amalan yang Disarankan UK untuk badan amal (SORP 2005) untuk tujuan pelaporan. Cadangan mereka berpunca daripada hakikat bahawa, memandangkan wakaf dan MAIN pada dasarnya bukan berorientasikan keuntungan, amalan perakaunan dan pelaporan perusahaan komersil tidak akan sesuai untuk diamalkan (Nahar dan Yaacob al. 2011). Adnan (2005), pula sebaliknya berpendapat bahawa wakaf boleh beroperasi sebagai organisasi sosial (bukan keuntungan) serta perusahaan komersial. Memandangkan ini, beliau menegaskan bahawa bagi organisasi sosial, organisasi tersebut boleh menggunakan perakaunan untuk pertubuhan bukan keuntungan, manakala bagi perusahaan komersial, perakaunan untuk organisasi komersial boleh digunakan. Ini seolah-olah mencadangkan bahawa dalam menjana pendapatan bagi aset wakaf, organisasi harus mengamalkan amalan perakaunan mana-mana organisasi perniagaan, seterusnya menyarankan bahawa satu set akaun yang khusus bagi perakaunan wakaf perlu disediakan di setiap MAIN. Begitu juga dengan zakat dan baitulmal. Selepas itu, akaun WZB ini akan disatukan. Perakaunan untuk WZB secara berasingan sebelum disatukan di peringkat MAIN akan membolehkan setiap MAIN menangani kelalaian akauntabiliti dan ketelusan dalam pengurusan dan perakaunan WZB. Walau bagaimanapun, sesuatu pihak itu harus maklum akan hakikat bahawa Bahagian 7 Perlembagaan Persekutuan secara khusus memperuntukkan bahawa dana zakat dikelaskan di bawah dana berasingan dan tidak dimasukkan ke dalam dana yang disatukan. Lebih penting lagi, zakat, fitrah, baitulmal atau hasil serupa yang lain daripada MAIN tidak dianggap sebagai hasil kepunyaan kerajaan seperti yang dinyatakan di dalam Akta Prosedur Kewangan 1957 (Kerajaan Malaysia, 2006)

3.6 RUMUSAN

Sorotan literatur di dalam bab ini memberi tumpuan kepada struktur jentera pentadbiran Islam di Malaysia, konsep akauntabiliti dari perspektif konvensional serta Islam dan semakan kajian terdahulu mengenai perakaunan WZB. Bab berikutnya membincangkan kerangka kerja konseptual.

BAB 4

KAEDAH PENYELIDIKAN

4.0 PENGENALAN

Bab ini bertujuan untuk menghuraikan kaedah kajian, kaedah pengumpulan data serta analisis data untuk tujuan menjawab objektif kajian pertama hingga keempat. Berikut adalah penerangan struktur bab ini; bahagian pertama menyatakan objektif dan persoalan kajian, diikuti dengan penerangan kaedah penyelidikan yang digunakan di bahagian kedua, seterusnya kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis bagi tujuan menjawab persoalan kajian di bahagian terakhir.

4.1 OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

Penyelidikan ini merupakan inisiatif Jabatan Akauntan Negara dan dilaksanakan keatas Majlis Agama Islam (MAIN). Laporan Zon 3 akan hanya membuat penerangan untuk empat MAIN iaitu MAIWP, MAIK, MAIDAM dan MUIP serta entiti berkaitan seperti Pusat Pungutan Zakat (Wilayah Persekutuan) dan Pusat Kutipan Zakat (Pahang). Fasa 2 penyelidikan perakaunan dan pelaporan Islam bagi institusi WZB ini adalah kesinambungan dari Fasa 1 yang memfokuskan kepada pembangunan piawai bagi pendedahan dan pelaporan. Fasa 2 ini memberikan fokus kepada perakaunan aset dan yang berkaitan dengannya.

Sepertimana Fasa 1, kajian Fasa 2 ini juga mempunyai empat objektif serta beberapa persoalan kajian berkaitan seperti yang disenaraikan di dalam Jadual 4.1 berikut.

Jadual 4. 1: Objektif Kajian dan Persoalan Kajian

OBJEKTIF KAJIAN	PERSOALAN KAJIAN
<p><u>Objektif Kajian 1</u> Memahami amalan semasa perakaunan dan pelaporan kewangan berkaitan Wakaf, Zakat dan Baitulmal oleh Majlis Agama Islam Negeri (atau entiti yang diberi kuasa oleh Majlis Agama Islam Negeri)</p>	<p><u>Persoalan Kajian 1</u> Apakah amalan perakaunan semasa berdasarkan piawaian perakaunan konvensional bagi pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan aset berkaitan Wakaf, Zakat dan Baitulmal oleh Majlis Agama Islam Negeri (atau entiti yang diberikan kuasa oleh Majlis Agama Islam Negeri)</p>
<p><u>Objektif Kajian 2</u> Mengukuhkan kerangka kerja konseptual pelaporan kewangan Islam bagi Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal</p>	<p><u>Persoalan Kajian 1</u> Apakah kriteria pengiktirafan, asas pengukuran dan prinsip pendedahan yang perlu dalam kerangka kerja konseptual pelaporan kewangan Islam bagi aset berkaitan Wakaf, Zakat dan Baitulmal? <u>Persoalan Kajian 2</u> Apakah jenis dan kualiti maklumat yang perlu didedahkan di dalam pelaporan kewangan Islam bagi Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal?</p>
<p><u>Objektif Kajian 3</u> Mengenalpasti keperluan shariah (berdasarkan Al-Quran, Sunnah, Ijma' Ulama dan Qiyas) dan batas-batas perundangan sivil dalam melaksanakan piawaian perakaunan Islam yang seragam bagi Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal</p>	<p><u>Persoalan Kajian 1</u> Apakah keperluan shariah (berdasarkan Al-Quran, Sunnah, Ijma' Ulama dan Qiyas) bagi pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan aset berkaitan Wakaf, Zakat dan Baitulmal oleh Majlis Agama Islam negeri (atau entiti yang diberi kuasa oleh Majlis Agama Islam Negeri)? <u>Persoalan Kajian 2</u> Apakah batas-batas perundangan sivil berbanding keperluan shariah (berdasarkan Al-Quran, Sunnah, Ijma' Ulama dan Qiyas) bagi pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan aset berkaitan Wakaf, Zakat dan Baitulmal oleh Majlis Agama Islam Negeri (atau entiti yang diberikan kuasa oleh Majlis Agama Islam Negeri)</p>
<p><u>Objektif Kajian 4</u> Mencadangkan maklumat sebagai asas pembangunan piawaian perakaunan bagi Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal yang memenuhi keperluan shariah dan perundangan sivil</p>	<p><u>Persoalan Kajian 1</u> Apakah keperluan piawaian perakaunan bagi pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan aset berkaitan Wakaf, Zakat dan Baitulmal</p>

Fasa 2 ini memberi penumpuan keatas perakaunan aset-aset berikut:

- i. Inventori
- ii. Pajakan
- iii. Harta Pelaburan
- iv. Hartanah, Loji dan Peralatan
- v. Rosot Nilai Aset yang tidak menjana tunai
- vi. Rosot Nilai Aset yang menjana tunai
- vii. Pertanian
- viii. Aset Tak Ketara

4.2 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah lebih berbentuk deskriptif. Bagi mencapai objektif serta menjawab persoalan-persoalan kajian, penyelidik telah menggunakan kaedah *mixed method* dalam pengumpulan data iaitu merangkumi *content analysis* dan temubual kumpulan fokus (*focus group discussion*). Kaedah persampelan utama yang digunakan di dalam kajian ini adalah kaedah persampelan tertumpu (*purposive sampling*). Memandangkan kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan data dan analisis yang berbeza untuk setiap objektif kajian, maka penerangan mengenai kaedah penyelidikan dibuat berdasarkan kepada objektif penyelidikan.

4.2.1 Objektif Kajian Pertama

Objektif kajian pertama bagi penyelidikan ini adalah untuk “Memahami amalan semasa perakaunan dan pelaporan kewangan berkaitan Wakaf, Zakat dan Baitulmal oleh Majlis Agama Islam Negeri (atau entiti yang diberi kuasa oleh MAIN).”

4.2.1.1 Pengumpulan Data

Bagi mencapai objektif kajian ini, iaitu memahami amalan semasa perakaunan dan pelaporan di MAIN, kumpulan penyelidik telah membangunkan instrumen penyelidikan untuk setiap kategori aset serta yang berkaitan sepertimana di Lampiran 4A-4H. Bagi tujuan pembangunan instrumen penyelidikan, kumpulan penyelidik telah membuat rujukan keatas piawaian yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara yang digunapakai oleh sektor awam iaitu Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (*Malaysian Public Sector Accounting Standard [MPSAS]*). MPSAS yang terlibat adalah MPSAS 12 – Inventori, MPSAS 13 – Pajakan, MPSAS 16 – Harta Pelaburan, MPSAS 17 – Hartanah, Loji dan Peralatan, MPSAS 21– Rosot Nilai Aset yang

tidak menjana tunai, MPSAS 26 – Rosot Nilai Aset yang menjana tunai, MPSAS 27 – Pertanian dan MPSAS 31 – Aset Tak Ketara.

Dua peringkat pengumpulan data telah dijalankan bagi mendapatkan maklumat amalan semasa perakaunan WZB seperti berikut:

Peringkat Pertama:

Pengumpulan data pada peringkat ini menggunakan Penyata Kewangan DiAudit Tahun 2016. Ia merupakan penyata kewangan terkini untuk tujuan *content analysis* amalan perakaunan semasa dengan menggunakan instrumen kajian. Peringkat ini dilaksanakan pada bulan April dan Mei 2017.

Peringkat Kedua

Pada peringkat ini penyelidik menjalankan temubual kumpulan fokus dengan pengurusan tertinggi MAIN serta akauntan, pegawai wakaf, pegawai zakat, pegawai baitulmal dan pegawai undang-undang. Temubual ini adalah bagi mendapatkan penjelasan lanjut mengenai dapatan peringkat pertama. Peringkat ini dijalankan pada bulan Julai dan Ogos 2017. Berikut adalah temubual kumpulan fokus yang telah dijalankan:

Jadual 4. 2: Tarikh dan Pegawai yang ditemubual

MAIN	TARIKH	PEGAWAI YANG DITEMUBUAL
MAIWP	<ul style="list-style-type: none"> • 9 Mei 2017 	Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Akauntan (3) Pegawai Wakaf Pegawai Zakat Pegawai Baitulmal Pegawai Undang-Undang
	<ul style="list-style-type: none"> • 31 Julai 2017 	Akauntan (3)
MAIK	<ul style="list-style-type: none"> • 17-19 Julai 2017 	Timbalan Yang Di Pertua Akauntan Pegawai Wakaf Pegawai Zakat Pegawai Baitulmal Pegawai Undang-Undang
MAIDAM	<ul style="list-style-type: none"> • 23-24 Julai 2017 	Yang DiPertuan Akauntan (2) Pegawai Wakaf Pegawai Zakat Pegawai Baitulmal Pegawai Undang-Undang Pegawai Ar Rahnū
MUIP	<ul style="list-style-type: none"> • 3-4 Ogos 2017 	Yang DiPertuan Akauntan Pegawai Wakaf Pegawai Zakat Pegawai Undang-Undang

4.2.1.2 Analisis Data

Analisa data dibuat berdasarkan kepada peringkat pengumpulan data seperti berikut:

Peringkat Pertama:

Peringkat ini menggunakan kaedah ringkas deskriptif samada amalan yang di nyatakan di dalam instrumen dilaksanakan atau sebaliknya dengan merujuk kepada Penyata Kewangan. Semakan keatas penyata kewangan tidak terhad kepada maklumat kewangan yang dilaporkan didalam penyata-penyata kewangan tetapi juga didalam laporan naratif.

Peringkat Kedua:

Temubual kumpulan fokus ditranskrip untuk mendapat maklumat lanjut mengenai amalan perakaunan semasa di MAIN berkaitan.

Pengumpulan data di kedua-dua peringkat untuk setiap MAIN adalah menggunakan instrumen sepertimana Lampiran 4A - 4H. Analisa dapatan dilaksanakan pada bulan Julai hingga September 2017. Ringkasan dapat seperti di Lampiran 4I ini seterusnya dihantar semula kepada pegawai di MAIN untuk semakan dan pengesahan dapatan dari setiap MAIN masing-masing. Maklumbalas dari MAIN telah diterima semula pada bulan Oktober- November 2017.

4.2.2 Objektif Kajian Kedua

Objektif kajian kedua bagi penyelidikan ini adalah untuk ‘Mengukuhkan kerangka kerja konseptual pelaporan kewangan Islam bagi Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal.’

4.2.2.1 Pengumpulan Data

Objektif Kajian Kedua Fasa 2 ini adalah kesinambungan dari Objektif Kedua Fasa 1. Fasa 1 telah membuat pengumpulan data melalui bahan-bahan dokumentasi dan temubual kumpulan fokus (ahli Syariah – Syariah *experts/scholars*) yang mengesahkan bahan-bahan dokumentasi untuk Kerangka Kerja Konseptual perakaunan Islam. Kaedah tersebut adalah bersandarkan kepada pandangan Imam As- Syatibi (al- muwafaqat), sementara dari segi teknikal berdasarkan pandangan imam AS- Sayuti (Ashbah wa an-Nazair).

Kaedah pengumpulan data dengan merujuk kepada dokumen literatur dan temubual dengan ahli Syariah (*experts/scholars*) diteruskan untuk Fasa 2. Penyelidik telah mengadakan 2 temubual bagi tujuan ini seperti berikut;

- i. 3 Mei 2017 – Dr Zaharuddin Abdul Rahman (IIUM-Shariah dan Ekonomi Islam); Assoc Prof Dr Mustafa Omar (IIUM-Shariah dan Ekonomi Islam) dan Asst Prof Dr Ibrahim Nuhu (IIUM-Fiqh dan Syariah).
- ii. 24 Ogos 2017 – Dr Shahul Hameed Ibrahim ialah merupakan pakar didalam perakaunan Islam dan telah menjalankan banyak kajian mengenai zakat dan wakaf.

4.2.2.2 Analisis Data

Temubual ditranskrip dan digunakan bagi mengemaskini dan mengukuhkan kerangka konseptual perakaunan Islam dan mengenalpasti keperluan syariah.

4.2.3 Objektif Kajian Ketiga

Objektif kajian kedua bagi penyelidikan ini adalah untuk ‘Mengenalpasti keperluan shariah (berdasarkan Al-Quran, Sunnah, Ijma’ Ulama dan Qiyas) dan batas-batas perundangan sivil dalam melaksanakan piawai perakaunan Islam yang seragam bagi Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal.’

4.2.3.1 Pengumpulan Data

Bagi mencapai objektif ketiga, pengumpulan data terbahagi kepada dua iaitu mengenalpasti keperluan Shariah (berdasarkan Al-Quran, Sunnah, Ijma’ Ulama dan Qias) dan batas-batas perundangan Sivil dalam melaksanakan Piawai Perakaunan Islam bagi wakaf zakat dan baitulmal. Dalam mengenalpasti item-item pendedahan yang memenuhi keperluan shariah, bermula dengan mengenalpastian item-item pendedahan berdasarkan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan perakaunan Islam serta kajian yang mengkhusus kepada pelaporan bagi Institusi wakaf dan zakat; berdasarkan kepada Al-Quran, Hadith, Ijma’ Ulama dan Qias yang berkaitan dengan objektif kajian dan berdasarkan juga kepada *Accounting and Auditing Organisation for Islamic Financial Institutions (AAOIFI)*, *AAFI Shariah Standards*. Pada Fasa 2 ini, penyelidik juga telah menjalankan temubual dengan pakar Fiqh, Shariah, Ekonomi Islam dan Perakaunan Islam seperti berikut:

- i. 3 Mei 2017 – Dr Zaharuddin Abdul Rahman (IIUM-Shariah dan Ekonomi Islam); Assoc Prof Dr Mustafa Omar (IIUM-Shariah dan Ekonomi Islam) dan Asst Prof Dr Ibrahim Nuhu (IIUM-Fiqh dan Shariah).
- ii. 24 Ogos 2017 – Dr Shahul Hameed Ibrahim ialah merupakan pakar didalam perakaunan Islam dan telah menjalan banyak kajian mengenai zakat dan wakaf.

Penyelidik juga membuat analisa keatas akta/enakmen yang berkaitan bagi mengenal pasti batasan perundangan sivil. Berikut adalah senarai akta/enakmen yang disemak dan dianalisa untuk tujuan objektif ketiga:

- i. Perlembagaan Persekutuan
- ii. Kanun Tanah Negara 1965
- iii. Akta Pengambilan Tanah 1960
- iv. Akta Pemilikan Strata 2013
- v. Akta Acara Kewangan 1957
- vi. Akta Badan Berkanun 1980

- vii. Akta Syarikat 1957
- viii. Akta 505 – Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993
- ix. Enakmen Majlis Agama Islam Kelantan dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994
- x. Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001
- xi. Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Pahang 1991

4.2.3.2 Analisis Data

Temubual telah ditranskrip dan digunakan untuk mengemaskini keperluan Shariah. Perbincangan terperinci mengenai dapatan ini dilaporkan di dalam Bab 6.

Perbincangan dapatan yang lebih terperinci tentang semakan dan batas perundangan sivil dilaporkan di dalam Bab 7.

4.2.4 Objektif Kajian Keempat

Objektif kajian keempat bagi penyelidikan ini adalah untuk “Mencadangkan maklumat sebagai asas pembangunan piawaian perakaunan bagi Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal yang memenuhi keperluan shariah dan perundangan sivil.”

Bagi mencapai objektif kajian keempat, penyelidik merangkumkan kesemua dapatan untuk objektif kajian pertama sehingga ketiga iaitu meliputi dapatan amalan perakaunan semasa, temubual kumpulan fokus yang dijalankan ke atas pegawai-pegawai MAIN, temubual kumpulan fokus ke atas pakar shariah, fiqh, ekonomi Islam dan perakaunan Islam, serta analisa ke atas akta/enakmen yang berkaitan. Disamping itu, penyelidik memberi cadangan maklumat berdasarkan kepada bahan-bahan rujukan muftakar dan literatur perakaunan aset yang relevan.

4.3 RUMUSAN

Bab ini telah membincangkan metodologi kajian yang digunakan bagi mencapai Objektif Kajian Pertama hingga Keempat. Kaedah pengumpulan data bagi mencapai setiap objektif kajian telah dibincangkan. Kaedah pengumpulan data tersebut meliputi kaedah temubual sama ada secara individu atau secara kumpulan fokus dengan pihak Institusi WZB serta temubual dengan pakar-pakar termasuk pakar fiqh muamalat, ekonomi Islam dan perakaunan Islam. Selain itu, kaedah analisis kandungan ke atas penyata kewangan Institusi WZB, akta/enakmen yang berkaitan keperluan shariah dengan MPSAS juga telah diaplikasikan dalam pengumpulan

data. Kaedah persampelan utama yang digunakan adalah kaedah persampelan tertumpu (*purposive sampling*). Seterusnya, data dianalisis menggunakan kaedah deskriptif dan kaedah pemetaan kognitif. Empat bab seterusnya akan melapor dan membincangkan dapatan kajian berdasarkan keempat-empat objektif kajian

BAB 5

AMALAN SEMASA PERAKAUNAN BERKAITAN ASET

5.0 PENGENALAN

Kajian ini mengkaji amalan perakaunan semasa MAIN yang berkaitan dengan aset. Terdapat enam kategori aset yang diperiksa iaitu Hartanah, Loji dan Peralatan (PPE), Hartanah Pelaburan (IP), Inventori, Aset Pajakan, Aset Tidak Ketara (IA) dan Aset Pertanian. Di samping enam kategori aset, penyelidikan juga meneliti isu-isu yang berkaitan dengan kemerosotan aset yang boleh diklasifikasikan kepada dua isu iaitu rosotnilai aset penjaanaan tunai dan rosotnilai aset penjaanaan bukan tunai.

Kumpulan penyelidikan kami mengkaji amalan terkini empat (4) MAIN iaitu Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM), Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Di samping itu, kami juga mengkaji kedua-dua institusi kutipan zakat MUIP dan MAIWP masing-masing iaitu Pusat Kutipan Zakat (PKZ) dan Pusat Pungutan Zakat (PPZ).

Kajian amalan perakaunan semasa akan membincangkan isu berkaitan pengiktirafan, pengukuran, dan pembentangan dan pendedahan. Sehubungan dengan isu-isu pengiktirafan, kajian ini akan mengkaji isu klasifikasi aset, kriteria pengiktirafan dan titik pengiktirafan. Berkenaan dengan isu pengukuran, kajian ini akan memberi tumpuan khusus kepada pengukuran pada tarikh titik permulaan pengiktirafan dan pengukuran berikutnya. Akhirnya, penyelidikan akan membincangkan isu berkaitan pembentangan dan pendedahan. Isu-isu ini akan dibincangkan secara terperinci dalam bahagian berikut.

Secara umum, semua akaun WZB telah disatukan dalam akaun akhir MAIN. Berdasarkan penyata kewangan bagi tahun 2016, semua MAIN telah berpindah ke MPERS sebagai asas penyediaan penyata kewangan, kecuali MUIP. Ringkasan dapatan bagi kajian ini untuk kesemua entiti Zon 3 dipersembahkan dalam Lampiran 5A.

5.1 MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU (MAIDAM)

5.1.1 Pengiktirafan

Dari segi pengiktirafan aset, hanya dua kategori aset yang direkodkan di dalam penyata kewangan MAIDAM 2016. Ia adalah Hartanah, Loji dan Peralatan (PPE) dan Hartanah Pelaburan (IP). PPE dan IP ini adalah dari Kumpulan Wang (KW) Pentadbiran / Baitul-mal. Malah, semua aset di bawah kategori "Aset Bukan Semasa" adalah dari KW Pentadbiran. Terdapat dasar-dasar perakaunan yang jelas berkaitan dengan PPE dan IP. Bagi kategori aset lain, tiada dasar perakaunan yang jelas berkaitan dengannya.

Pemilikan PPE dan IP adalah kriteria penting untuk pengiktirafan di dalam penyata kewangan MAIDAM (rujuk nota 4 (e) penyata kewangan MAIDAM 2016). Pemilikan boleh timbul dari beberapa keadaan yang mungkin seperti pembelian, pemindahan hak milik tanpa transaksi pembelian seperti tanah yang diberikan oleh kerajaan negeri dan keputusan oleh mahkamah dalam hal warisan yang tidak diagihkan.

Di samping itu, terdapat kriteria tambahan untuk pengiktirafan IP. IP boleh termasuk tanah, atau bangunan (termasuk lantai bangunan) atau kedua-dua tanah dan bangunan (termasuk harta dalam pembangunan). Tujuan IP sama ada untuk peningkatan nilai harta, atau menyewa atau kedua-duanya. Selain itu, terdapat pemindahan aset yang besar dari PPE kepada IP disebabkan penggunaan tahun pertama MPERS pada 2016. Jumlah pemindahan adalah berjumlah RM4,283,939 dan RM93,049,066 bagi tanah dan bangunan.

Bagi KW Wakaf dan KW Zakat, tiada satu daripada enam kategori aset yang diperiksa didedahkan pada muka penyata kewangan yang disediakan oleh MAIDAM. Untuk tanah dan bangunan di bawah KW Wakaf (Wakaf Am, Wakaf Khas, Tapak Masjid, Tapak Surau dan Tanah Perkuburan Islam) hanya ditunjukkan sebagai "Nota Penjelasan Harta Wakaf" pada akhir nota akaun. Menariknya, ia juga melaporkan anggaran nilai pasaran semasa aset Wakaf secara menyeluruh.

Sebarang projek pembelian atau pembangunan untuk penerima Zakat yang dibiayai oleh KW Zakat akan dianggap sebagai perbelanjaan hangus. Bermula dari tahun 2015, aset yang diperoleh pada kos melebihi RM2,000 akan dipermodalkan manakala aset yang diperoleh pada kos di bawah RM2,000 akan dianggap sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Pendapatan.

5.1.2 Pengukuran

Bagi PPE, pengukuran awal adalah pada kos di mana pengukuran seterusnya menggunakan model kos (iaitu kos dikurangkan susut nilai terkumpul). Dari segi pengiraan susut nilai, ia adalah berdasarkan kepada hayat berguna PPE dan kaedah susut nilai yang digunakan adalah kaedah garis lurus. Susut nilai dikira secara berkadar mengikut bulan pembelian atau pemilikan. Tanah pegangan bebas tidak disusutnilai. Walau bagaimanapun, tanah pegangan pajakan disusut nilai mengikut tempoh pajakan.

Untuk IP, pengukuran pada tarikh titik permulaan pengiktirafan adalah pada kos. Untuk pengukuran seterusnya, MAIDAM menggunakan model kos (iaitu kos dikurangkan susutnilai terkumpul). Nilai Saksama (FV) tidak digunakan kerana asas pengukurannya agak subjektif. Walaupun MAIDAM menggunakan model kos untuk pengukuran PPE dan IP, ia kadangkala dapat menilai semula nilai tanah dan aset-aset lain untuk beberapa tujuan tertentu. Sebarang kenaikan nilai aset disebabkan penilaian semula akan diiktiraf sebagai rizab penilaian semula aset. Ini dinyatakan dengan jelas di Nota 5 penyata kewangan MAIDAM 2016.

5.1.3 Pendedahan Maklumat

Jumlah PPE dan IP jelas ditunjukkan di muka Penyata Kedudukan Kewangan MAIDAM. PPE diasingkan lagi dalam nota-nota kepada akaun ke dalam kategori berikut (1) Tanah, (2) Bangunan, (3) Kenderaan, dan (4) Peralatan, Perabot dan Kelengkapan. Terdapat tanah dan bangunan tertentu MAIDAM yang telah dijual pada tahun kewangan 2016. IP MAIDAM dikategorikan lagi antara tanah dan bangunan.

Sebagai tambahan kepada pendedahan maklumat yang berkaitan dengan PPE dan IP, MAIDAM juga mendedahkan maklumat yang berkaitan dengan Perbelanjaan Pembangunan. Projek pembangunan ini adalah inisiatif oleh MAIDAM sebagai pelaburan modal dalam projek-projek ekonomi untuk tujuan meningkatkan nilai aset MAIDAM dan sumber pendapatan untuk MAIDAM melalui penyewaan dan penjualan bangunan yang telah siap. Projek-projek ini lebih kepada usaha sama antara MAIDAM dan pihak luaran yang berminat untuk melabur dalam aset MAIDAM untuk manfaat kolektif. Sebagai contoh, pada akhir 2016, terdapat projek pembangunan oleh Argon Hotel (Trg) Sdn. Bhd. untuk membina sebuah hotel

enam tingkat di tanah milik MAIDAM. Jumlah kos yang ditanggung sehingga akhir 2016 berjumlah RM1,015,775.

5.1.4 Isu yang berkaitan dengan pengiktirafan, pengukuran, persembahan dan pendedahan

5.1.4.1 Pengiktirafan yang mungkin bagi kategori aset lain.

Pada masa ini, geran kerajaan hanya diiktiraf sebagai pendapatan untuk MAIDAM. Jika geran kerajaan diberi untuk tujuan khusus untuk membangunkan aset tertentu, ia boleh dikategorikan sebagai aset tak ketara.

5.1.4.2 Pengukuran lain mungkin.

Telah diperhatikan bahawa MAIDAM juga menggunakan model penilaian semula dan model nilai pasaran untuk beberapa asetnya. Adalah baik jika model-model ini juga boleh digunakan untuk tujuan pembentangan dan pendedahan.

5.4.1.3 Pembentangan dan pendedahan maklumat yang lebih jelas berkaitan dengan aset.

Terbitan berkaitan dengan "pelarasan".

5.2 MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN (MAIK)

Aktiviti operasi WZB di MAIK dikendalikan secara berasingan oleh Unit Zakat, Unit Wakaf dan Unit Baitulmal. Dalam mengurus aktiviti operasi WZB, pelbagai kumpulan aset telah digunakan. Dalam operasi zakat, klasifikasi aset utama adalah tunai. Tunai dikutip dari pembayar zakat dan kemudian diagihkan kepada penerima zakat. Dalam operasi wakaf, klasifikasi aset utama adalah aset wakaf dalam bentuk tanah dan bangunan. Cabaran utama yang dihadapi MAIK yang berkaitan dengan aset wakaf biasanya adalah perjanjian yang dibuat secara lisan tanpa dokumentasi yang betul. Akhirnya, dalam operasi Baitulmal, klasifikasi aset utama adalah hartanah, loji dan peralatan.

Secara umum, asas perakaunan bagi MAIK pada tahun kewangan 2016 adalah berdasarkan MPERS. Penyata kewangan yang disediakan juga mengikut kehendak Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Peraturan Kewangan dan Perakaunan, dan piawaian yang diterima umum bagi organisasi dan kerajaan jabatan.

5.2.1 Pengiktirafan

Berdasarkan laporan tahunan 2016, klasifikasi utama aset yang direkodkan di dalam penyata kewangan berdasarkan enam kategori aset yang diperiksa dalam kajian adalah hartanah, loji dan peralatan (PPE) dan hartanah pelaburan (IP). Penggunaan kategori IP hanya diperkenalkan pada laporan tahunan 2016 kerana penggunaan MPERS sebagai garis panduan perakaunan.

Terdapat dasar perakaunan yang berkaitan dengan hartanah, loji dan peralatan dan hartanah pelaburan. Berdasarkan dasar perakaunannya, asas penilaian yang digunakan adalah model kos (iaitu kos dikurangkan susut nilai terkumpul). Kaedah susut nilai yang digunakan oleh MAIK adalah dasar lurus. Berkenaan dengan tanah wakaf, ia boleh diklasifikasikan sebagai hartanah, loji dan peralatan atau hartanah pelaburan. Bagaimanapun, tiada dasar perakaunan yang jelas untuk kategori aset-aset lain seperti pajakan, pertanian atau aset tidak nyata.

Satu lagi pemerhatian yang didapati berkaitan dengan maklumat mengenai hartanah, loji dan peralatan ada terlalu banyak sub-klasifikasi harta, loji dan peralatan. Beberapa klasifikasi seperti "basikal" dan "alat perpustakaan" hanya mempunyai baki yang sedikit dan boleh diabaikan atau dikategorikan tidak penting.

Bagi kategori aset lain yang diperiksa dalam kajian ini, MAIK tidak mengiktiraf aset tersebut. Sebagai contoh, aset yang dipajak, walaupun terdapat beberapa urus niaga yang boleh diklasifikasikan sebagai urus niaga pajakan, kesemua transaksi ini diiktiraf sebagai pajakan operasi. Sebagai contoh, terdapat perjanjian antara MAIK dan Asia Pacific Flight Training Sdn. Bhd, di mana syarikat itu menyewa tanah MAIK untuk tempoh 10 tahun. Ini boleh dianggap sebagai pajakan operasi di mana sewa diiktiraf sebagai pendapatan. Selain itu, terdapat juga beberapa bidang tanah Baitulmal yang telah dipajak untuk dijadikan ladang kelapa sawit. Sebagai contoh, merujuk kepada Penyata Kewangan 2016, dalam nota-nota kepada akaun untuk hartanah pelaburan, kita akan menemui satu kategori yang disebut "Tanah pajakan - Baitulmal". Sekali lagi, MAIK mengiktiraf kontrak ini sebagai pajakan operasi dan akan mengiktiraf penerimaan daripada kontrak sebagai pendapatan sewa. Tambahan pula, tanah pajakan ini hanyalah merujuk kepada kategori tanah "leasehold", dan ianya bukanlah transaksi yang timbul kerana operasi pajakan modal.

Dari segi inventori, MAIK mengiktirafnya sebagai "perbelanjaan hangus". Bagi aset tidak ketara, terdapat perisian computer yang dibeli oleh MAIK dari IDWAL System. Kos pemerolehan ini agak material dan MAIK juga telah meningkatkan sistem ini secara dalaman. Oleh itu, pengambilalihan ini boleh dianggap sebagai sebahagian daripada aset tak ketara. Walau bagaimanapun, dalam penyata kewangan 2016, perisian telah diiktiraf sebagai sebahagian daripada hartanah, loji dan peralatan. Akhirnya, tidak ada aset yang dikelaskan sebagai aset biologi.

5.2.2 Pengukuran

Pada umumnya, MAIK sentiasa menggunakan model kos untuk penilaian PPE dan IP. Walau bagaimanapun, berdasarkan temu bual, didapati MAIK melakukan penilaian semula tanah Wakaf dan Baitulmal untuk tujuan dalaman. Tanah ini juga akan dinilai semula jika MAIK memutuskan untuk menjual tanah tersebut.

5.2.3 Pendedahan Maklumat

Dari segi persembahan dan pendedahan maklumat, kategori aset yang dapat dilihat dengan jelas dari penyata kewangan utama adalah hartanah, loji dan peralatan dan hartanah pelaburan. Perincian maklumat yang berkaitan dengan hartanah, loji dan peralatan ditunjukkan secara terperinci di dalam nota akaun (*sila rujuk kepada nota 3 di dalam penyata kewangan MAIK 2016*). Contohnya, klasifikasi tanah dibahagikan di antara tanah MAIK dan tanah wakaf.

Polisi perakaunan bagi PPE telah dinyatakan dengan terperinci di dalam penyata kewangan MAIK. Contohnya, kadar susutnilai bagi setiap kategori aset telah dinyatakan dengan jelas. Di dalam polisi perakaunan bagi PPE, telah dinyatakan bahawa pelarasan terhadap nilai tanah MAIK dan tanah wakaf akan berubah sekiranya wujud pengambilalihan atau penyerahan balik hak pegangan.

Kerja dalam pelaksanaan adalah merupakan pelaburan modal MAIK di dalam projek-projek ekonomi bertujuan untuk penambahan nilai harta MAIK dan sumber pendapatan MAIK.

Klasifikasi tanah dan bangunan di dalam harta pelaburan adalah lebih terperinci di mana ianya dibahagikan kepada tanah MAIK, wakaf, TYPT dan pajakan. Manakala, bangunan dibahagikan di antara bangunan MAIK dan TYPT. Tanah MAIK dibahagikan pula di antara bangunan batu dan bangunan kayu.

5.2.4 Isu yang berkaitan dengan pengiktirafan, pengukuran, persembahan dan pendedahan

5.2.4.1 Terdapat terlalu banyak sub-klasifikasi bagi PPE dan IP

Sekiranya kita merujuk kepada nota akaun bagi penyata kewangan MAIK bagi tahun 2016, terdapat terlalu banyak sub-klasifikasi bagi PPE dan IP. Contohnya, bagi PPE, terdapat lebih daripada sepuluh klasifikasi aset. Contohnya, terdapat klasifikasi bagi kenderaan pejabat dan klasifikasi basikal. Kami berpendapat bahawa kemungkinan boleh disatukan kedua-dua klasifikasi ini sebagai kenderaan. Ini adalah kerana nilai bagi basikal tidak signifikan, hanya dinilai pada RM2,106. Begitu juga dengan alat perpustakaan yang dinilai pada RM577. Maklumat ini boleh disatukan dengan alat-alat kelengkapan yang lain. Contoh yang lain, di dalam klasifikasi bagi harta pelaburan, bangunan dibahagikan di antara bangunan kayu dan bangunan batu. Kami mencadangkan agar ianya boleh disatukan di bawah kategori bangunan.

5.2.4.2 Penggunaan terma yang boleh mengelirukan

Di dalam nota akaun di dalam penyata kewangan MAIK berkaitan dengan harta pelaburan, terdapat klasifikasi tanah pajakan. Kami mendapati kategori ini tidak bertepatan dengan definisi pajakan modal. Ia hanyalah merujuk kepada kategori tanah di Malaysia dimana ianya dibahagikan kepada “freehold land” dan “leasehold land”.

5.3 MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG (MUIP)

Dari segi penggunaan MPERS, MUIP telah memutuskan untuk menanggukkan penggunaan MPERS ke tahun berikutnya (iaitu 2017). Oleh itu, ia masih menggunakan PERS sebagai piawaian perakaunan untuk penyediaan penyata kewangannya. Walau bagaimanapun, semua anak syarikatnya telah menggunakan MPERS sebagai piawaian perakaunan bagi penyediaan penyata kewangan bagi tahun 2016. MUIP telah menyediakan penyata kewangan penyatuan di antara penyata kewangan MUIP dan penyata kewangan anak syarikatnya. Transaksi antara syarikat subsidiari dan MUIP telah dihapuskan kecuali transaksi yang melibatkan MUIP dan syarikat-syarikat subsidiari yang berkaitan dengan Kumpulan Wang (KW) Zakat.

5.3.1 Pengiktirafan

Terdapat pengiktirafan yang jelas terhadap hartanah, loji dan peralatan. Selain itu, terdapat pernyataan dasar perakaunan mengenai harta, loji dan peralatan. Butiran mengenai sub-kategori PPE ditunjukkan dalam nota akaun. Kategori hartanah, loji dan peralatan termasuk tanah pegangan bebas, tanah pegangan pajak, bangunan dan penambahbaikan, kenderaan dan kelengkapan kenderaan, peralatan runcit, peralatan perladangan dan perkakas dapur dan hotel.

Dalam dasar perakaunan untuk hartanah, loji dan peralatan, dinyatakan dengan jelas bahawa PPE dikenakan susut nilai berdasarkan kadar yang ditetapkan oleh pengurusan. Walau bagaimanapun, tanah pegangan bebas, tanah pegangan pajakan yang belum diterima dan kerja dalam pembangunan tidak dikenakan susutnilai. Sebarang pemerolehan harta untuk tujuan mengagihkan manfaat kepada asnaf tidak akan dipermodalkan. Ia hanya akan didedahkan di dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan untuk KW Zakat dan disenaraikan di dalam daftar aset MUIP.

Berdasarkan laporan tahunan MUIP untuk tahun 2016, tidak ada pengiktirafan terhadap hartanah pelaburan dalam penyata kewangan MUIP. Ini disebabkan pada tahun berkenaan MUIP masih belum menggunakan MPERS pada tahun berkenaan. Piawaian perakaunan semasa PERS tidak menuntut untuk pengiktirafan berasingan hartanah pelaburan. Walau bagaimanapun, berdasarkan sesi temubual, jelas dinyatakan bahawa kebanyakan aset MUIP adalah hartanah pelaburan.

Dari segi inventori, terdapat pengiktirafan yang jelas sebagai satu “line” item di bawah aset semasa. Walau bagaimanapun, tidak ada pernyataan yang jelas mengenai dasar perakaunan bagi inventori. Ini mungkin disebabkan oleh keadaan bahawa inventori hanya diiktiraf di dalam syarikat subsidiari. Ia dinyatakan dengan jelas dalam nota (10) kepada penyata kewangan bahawa inventori terdiri daripada inventori anak-anak syarikat iaitu Klinik Al Amin Sdn. Bhd, Pusat Rawatan Keluarga MUIP Sdn. Bhd., MUIP Urus Sdn. Bhd., MUIP Supermarket Group Sdn. Bhd. Dan MUIP Plantations Sdn. Bhd. Pengkelasan inventori secara terperinci ditunjukkan di dalam nota akaun.

Berkenaan dengan pajakan, tidak ada pengiktirafan yang jelas sebagai item berasingan dalam penyata kewangan MUIP. Juga tidak ada dasar perakaunan yang jelas untuk aset yang dipajak. Ini mungkin disebabkan oleh fakta bahawa ia bukan merupakan amalan MUIP untuk memperoleh aset melalui pajakan modal. Walaupun terdapat subkategori hartanah, loji dan peralatan yang disebut "Tanah Pajak", di mana ia tidak memenuhi kriteria pajakan modal. Sebagai contoh, tidak ada jumlah ansuran yang ketara untuk tujuan pengambilalihan aset tersebut.

Satu penemuan menarik berkaitan dengan pengiktirafan aset dalam penyata kewangan MUIP adalah pengiktirafan aset biologi. Berdasarkan tinjauan kami terhadap penyata kewangan empat MAIN dan dua anak syarikat zakat MAIN di Zon 3, hanya MUIP yang mengiktiraf dan mendedahkan aset biologi dalam penyata kewangannya. Aset biologi MUIP terdiri daripada ladang kelapa sawit dan ladang getah. MUIP mempunyai dua ladang kelapa sawit di Tasik Cini, Mukim Penyor, Pekan dan Kampung Semangat, Pekan manakala ladang getahnya terletak di Sungai Berjuang, Jerantut. Terdapat dasar perakaunan yang jelas untuk pengiktirafan aset biologi. Merujuk kepada dasar perakaunan, dinyatakan dengan jelas bahawa setiap perbelanjaan yang ditanggung untuk lading-ladang yang belum matang akan dipermodalkan dan didedahkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Apa-apa perbelanjaan yang ditanggung oleh ladang-ladang yang berkaitan dengan estet yang telah matang akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Pendapatan.

5.3.2 Pengukuran

Pada amnya, pengukuran pada tarikh permulaan pengiktirafan adalah pada kos, sementara pengukuran seterusnya menggunakan model kos. Berdasarkan model kos, nilai dibawa aset (carrying value) adalah pada kos tolak susutnilai terkumpul.

Walau bagaimanapun, berdasarkan perbincangan dengan pegawai MUIP, penilaian semula asetnya dibuat oleh MUIP untuk tujuan dalaman. Pihak pengurusan tertinggi MUIP menghendaki penilaian semasa aset MUIP. Melalui perbincangan dengan pegawai MUIP juga, terdapat keperluan untuk menilai semula aset disebabkan oleh kemungkinan peningkatan modal.

5.3.3 Pendedahan Maklumat

Maklumat mengenai hartanah, loji dan peralatan dan aset biologi disediakan secara terperinci dalam nota ke akaun. Walaupun terdapat kategori tanah pajak di dalam nota akaun MUIP, ianya tidak memenuhi kriteria aset pajakan kerana tidak melibatkan pembayaran sewa secara berterusan.

5.3.4 Isu yang berkaitan dengan pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan

5.3.4.1 Pengukuran hanya pada nilai kos

MUIP hanya menilai aset pada kos. Walaubagaimanapun, MUIP ada menggunakan kaedah penilaian semula untuk tujuan dalaman. Kami berpendapat penggunaan kaedah penilaian semula adalah lebih relevan disebabkan oleh kemungkinan turun naik harga aset tersebut, terutamanya tanah dan bangunan.

5.3.4.2 Tiada penjelasan dan pendedahan maklumat mengenai harta wakaf

Tiada pendedahan maklumat yang berkaitan dengan aset wakaf MUIP. Aset wakaf kini menjadi semakin penting bagi aktiviti MUIP. Sebagai contoh, ada wakaf khusus yang berkaitan dengan asrama di Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang diuruskan oleh MUIP dipanggil Wakaf Mawaddah. Satu lagi contoh ialah asrama pelajar di Mesir yang diuruskan oleh MUIP di bawah Wakaf Am. Maklumat ini berguna dan harus didedahkan dalam penyata kewangan MUIP untuk memberikan maklumat yang lebih jelas mengenai aktiviti-aktiviti MUIP yang berkaitan dengan wakaf.

Pada masa ini, penyata kewangan yang berkaitan dengan KW wakaf hanya terhad kepada Penyata Pendapatan dan perbelanjaan.

5.3.4.3 Pendedahan maklumat yang kurang jelas

Di dalam nota akaun MUIP berkaitan PPE, terdapat satu item yang dikategorikan sebagai pelarasan. Contohnya, jika kita merujuk kepada nota 3 bagi PPE, jumlah pelarasan bagi tahun 2016 adalah RM19,206,640. Ini adalah satu jumlah yang besar. Kami berpendapat pendedahan terperinci bagi maklumat pelarasan perlu dilakukan kerana terdapat banyak sebab pelarasan dilakukan seperti perubahan dalam dasar dan anggaran perakaunan, kesilapan atau kemungkinan kemasukan kerugian kemerosotan di dalam maklumat pelarasan.

5.4 MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (MAIWP)

MAIWP telah menggunakan MPERS semenjak 2015 untuk anak syarikatnya iaitu Pusat Pungutan Zakat (PPZ). Bagi entiti yang lain termasuk MAIWP sendiri, MPERS telah digunakan pada 2016. Secara umumnya, MAIWP telah mengiktiraf aset berkaitan Hartanah, Loji dan Peralatan (PPE), Hartanah Pelaburan (IP), Inventori dan Aset Tidak Ketara (IA). MAIWP juga telah menyediakan laporan kewangan yang disatukan di antara laporan kewangan MAIWP dan laporan kewangan anak syarikat.

5.4.1 Pengiktirafan

Secara umumnya, pengiktirafan bagi tanah adalah berdasarkan pada tarikh pertukaran hak milik. Pertukaran hak milik berlaku untuk tanah yang dikategorikan sebagai wakaf khas, tanah anugerah kerajaan dan faraid di bawah KW Sumber Am, dan tanah yang dimiliki anak syarikat seperti Pusrawi Sdn. Bhd. Tanah di bawah kategori faraid adalah tanah faraid yang tiada pewaris yang telah diputuskan oleh mahkamah untuk dipindah milik kepada MAIWP. Sementara itu, tanah di bawah wakaf am tidak diiktiraf. Istibdal direkod sebagai liabiliti semasa sebagai contoh, sebahagian tanah SRA Sungai Mulia.

Bagi bangunan, tiada pengiktirafan di bawah KW Wakaf. Bagi KW Zakat, terdapat pengiktirafan bangunan yang dibeli oleh MAIWP menggunakan dana zakat dan bangunan anugerah kerajaan. Bagi bangunan yang dibeli, titik pengiktirafan adalah pada tarikh pindah hakmilik, manakala tanah anugerah kerajaan adalah berdasarkan Sijil CPC. Untuk KW Sumber Am, terdapat tiga kategori bangunan iaitu, bangunan yang dibeli oleh MAIWP, anugerah kerajaan dan faraid. Kesemua kategori tanah ini diiktiraf berdasarkan tarikh pindah hakmilik. Bagi anak syarikat, bangunan diiktiraf di dalam penyata kewangan Pusrawi Sdn. Bhd. dan Harta Suci Sdn. Bhd.

Terdapat juga tanah dan bangunan yang diiktiraf sebagai hartanah pelaburan. Tujuan utama hartanah pelaburan adalah untuk menjana pendapatan sewaan. Pengiktirafan hartanah pelaburan diiktiraf di dalam ketiga-tiga kumpulan wang iaitu KW Wakaf, KW Zakat dan KW Sumber Am. Walaubagaimanapun pengiktirafan hartanah pelaburan bagi anak syarikat hanyalah untuk hartanah pelaburan berkaitan bangunan.

Bagi inventori, pengiktirafan berlaku di bawah KW Sumber Am. Inventori yang diiktiraf adalah uniform sekolah yang dibeli untuk tujuan jualan. Bagi anak syarikat, terdapat dua kategori inventori yang diiktiraf. Pertama, inventori berkaitan bahan dan bekalan bagi tujuan proses pengeluaran dan perkhidmatan. Kedua, inventori yang dibeli bagi tujuan jualan. Titik pengiktirafan bagi inventori adalah berdasarkan kepada tarikh penerimaan inventori.

Bagi kategori aset tidak ketara, MAIWP mengiktiraf pembelian perisian computer di bawah KW Sumber Am. Di dalam aktiviti anak syarikat, pengiktirafan aset tidak ketara adalah berkaitan Lesen. Terdapat polisi perakaunan yang jelas bagi aset tidak ketara dimana jangka hayat ekonomi, kaedah rosotnilai dan penyelarasan perubahan nilai selepas penilaian semula telah dinyatakan dengan jelas (sila rujuk nota 3(h)).

5.4.2 Pengukuran

Pengukuran pada titik awal pengiktirafan bagi hartanah, loji dan peralatan (PPE) dan hartanah pelaburan (IP) adalah berdasarkan kos. Pengukuran seterusnya bagi PPE adalah berdasarkan model kos manakala bagi hartanah pelaburan adalah berdasarkan model penilaian semula. Bagi bangunan, susutnilai adalah berdasarkan kepada kaedah garis lurus. Terdapat penyahiktirafan bagi tanah di bawah kategori faraid apabila tanah ini ditebus oleh pewaris.

Bagi inventori, pengukuran pada titik pengiktirafan adalah berdasarkan kos. Pengukuran susulan pada tarikh pelaporan adalah berdasarkan nilai terendah di antara kos dan nilai realisasi bersih. Formula pengiraan kos adalah berdasarkan MDKD (FIFO).

Untuk aset tidak ketara, pengukuran pada titik awal pengiktirafan dan pengukuran semula adalah berdasarkan kos. Walaubagaimanapun, pengukuran pada tarikh pelaporan adalah berdasarkan nilai terendah diantara kos dan kos penggantian semasa. Sekiranya terdapat pelupusan aset tidak ketara, ia akan dinyahiktirafkan daripada penyata kewangan.

5.4.3 Pendedahan Maklumat

Tiada pendedahan maklumat mengenai harta wakaf berkaitan tanah dan bangunan di dalam penyata kewangan MAIWP. Hanya terdapat senarai harta wakaf untuk rujukan dalaman. Pendedahan maklumat berkaitan tanah dinyatakan dengan jelas di muka penyata kewangan dan juga nota akaun (sila rujuk nota harta no. 3 (a, d, f, j dan u), dan nota no. 4 dan 5).

Bagi bangunan di bawah kumpulan wang Zakat, bangunan anugerah kerajaan telah dinyatakan dengan jelas di dalam penyata kewangan. Walaubagaimanapun, bangunan yang telah dibeli dengan dana zakat, tidak dinyatakan dengan jelas di dalam KW Zakat. Ia cuma dinyatakan di dalam nota harta no. 3 (a, d, f, j dan u), dan nota no. 4 dan 5). Begitu juga dengan bangunan-bangunan yang lain termasuk bangunan di dalam anak syarikat.

Maklumat mengenai inventori dinyatakan di dalam nota 13. Terdapat polisi perakaunan yang jelas mengenai inventori di dalam nota 3h. Maklumat mengenai aset tidak ketara dinyatakan di muka penyata kewangan dan juga nota akaun.

5.5 RUMUSAN

Secara keseluruhannya, kategori aset yang telah diiktiraf of MAIN secara konsisten adalah hartanah, loji dan peralatan (PPE), dan hartanah pelaburan (IP). Cuma MUIP belum lagi mengiktiraf hartanah pelaburan (IP) di dalam penyata kewangan 2016 disebabkan oleh penangguhan pemakaian MPERs sebagai dasar perakaunan di dalam penyediaan penyata kewangan MUIP. Kami menjangkakan dengan penggunaan MPERs bagi tahun 2017, MUIP akan mengiktiraf hartanah pelaburan.

Bagi kategori aset yang lain, pengiktirafan adalah tidak konsisten. Bagi MAIK dan MAIDAM, tiada kategori aset yang lain yang diiktiraf di dalam penyata kewangan MAIK dan MAIDAM. Terdapat kemungkinan pengiktirafan aset yang lain, sebagai contoh, aset biologi bagi MAIK, kerana MAIK juga terlibat di dalam aktiviti perladangan. Begitu juga dengan aset tidak ketara kerana MAIK telah membeli perisian komputer daripada IDWAL System dan telah menambahbaik perisian computer tersebut. Begitu juga dengan MAIDAM, terdapat kemungkinan untuk mengiktiraf geran kerajaan sebagai aset tidak ketara. Buat masa ini, penerimaan geran kerajaan hanya diiktiraf oleh MAIDAM sebagai pendapatan.

Pengiktirafan aset biologi of MUIP boleh dijadikan asas untuk pengiktirafan oleh MAIN yang lain yang juga terlibat di dalam aktiviti perladangan. Buat masa ini, pengiktirafan aset biologi oleh MUIP diukur pada nilai kos. Penggunaan model penilaian semasa mungkin boleh dipertimbangkan di masa akan datang.

Pengiktirafan aset oleh MAIWP adalah lebih komprehensif di mana ia telah mengiktiraf hartanah, loji dan peralatan (PPE), hartanah pelaburan (IP), inventori dan aset tidak ketara (IA).

Asas pengiktirafan dan pengukuran aset tidak ketara oleh MAIWP mungkin boleh dipertimbangkan di dalam membangunkan piawai berkaitan aset tidak ketara.

Satu isu yang mungkin boleh ditambahbaik adalah berkaitan pengiktirafan inventori. Buat masa ini, MUIP dan MAIWP mengiktiraf inventori. Walau bagaimanapun, pengiktirafan inventori ini adalah terhad kepada inventori di dalam anak syarikat. Kami berpendapat pengiktirafan inventori boleh juga berlaku di dalam aktiviti WZB di dalam MAIN. Praktis semasa di dalam pembelian inventori di dalam aktiviti MAIN adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan hangus.

Rumusan bagi aspek pengukuran, kesemua MAIN menggunakan model kos di dalam penyata kewangan mereka. Terdapat penggunaan kaedah penilaian semasa tetapi cuma terhad untuk urusan dalaman seperti terdapat keperluan untuk menjual aset MAIN. Kami berpendapat penggunaan model penilaian semasa mungkin boleh dipertimbangkan untuk tujuan penyediaan penyata kewangan.

Pendedahan maklumat berkaitan aset oleh MAIN adalah terhad kepada hartanah, loji dan peralatan (PPE) dan hartanah pelaburan (IP). Pendedahan maklumat berkaitan aset yang lain adalah terhad. Terdapat keperluan untuk penjelasan maklumat tertentu seperti maklumat pelarasan aset.

BAB 6
KEPERLUAN SHARIAH DAN PENGUKUHAN KERANGKA KERJA
KONSEPTUAL BAGI PELAPORAN KEWANGAN

6.0 PENGENALAN

Bab ini membincangkan pandangan para ilmuan Islam yang terdahulu dan kontemporari terhadap konsep harta menurut perundangan Islam (Shariah). Ia disusuli dengan konsep pemilikan menurut Syariah serta mandat yang diberikan kepada MAIN untuk mentadbir urus harta Wakaf, Zakat, dan Baitumal (WZB). Bab ini seterusnya membincangkan konsep pengiktirafan, pengukuran, serta pendedahan harta WZB oleh MAIN bagi tujuan perakaunan Islam. Ringkasan terhadap cadangan kerangka konseptual bagi tujuan pelaporan dikemukakan pada akhir bab ini.

6.1 KONSEP ASET DALAM ISLAM

Harta dari segi sudut bahasa adalah merujuk kepada ‘apa sahaja yang dimiliki’ (al-Fayruzab, 1995; Ibn Manzur, 1994). Secara tenikal, terdapat pelbagai definisi harta diberikan oleh para ilmuan terdahulu mengikut pendekatan yang berlainan oleh sarjana yang berbeza (Islam, 1999). Secara dasarnya, terdapat dua pendapat yang utama dan muktabar yang diiktiraf; pendapat ulama mazhab Hanafi dan pendapat majoriti ulama;

a) Pendapat Ulama’ Mazhab Hanafi

Menurut pandangan Mazhab Hanafi, mal adalah terhad kepada sesuatu yang mempunyai ciri-ciri fizikal. Oleh itu, apa sahaja yang tidak mempunyai ciri fizikal, seperti manfaat (usufructs) dan hak, tidak dianggap sebagai harta. Pandangan ini dikemukakan oleh kebanyakan sarjana dari Mazhab Hanafi, antaranya ialah al-Sarakshi (1993, 11:79, 71:60), Ibn Nujaym (n.d, 5: 277) dan Ibnu Abidin (1992, 4: 501). Ibnu Abidin dalam menjelaskan pendirian Hanafi mengenai perkara ini, menyatakan bahawa harta benda adalah sesuatu yang menjurus kecenderungan manusia kepadanya secara tabi’i atau semulajadi dan dapat disimpan selama jangka waktu tertentu. Menurut pandangan Mazhab Hanafi kontemporari, mal sepatutnya memenuhi ciri-ciri berikut:

- a) Ia mempunyai ciri-ciri fizikal;
- b) Ia boleh disimpan untuk tempoh yang panjang;
- c) Ia boleh memberi manfaat;
- d) Ia memberi manfaat kepada manusia.

Oleh itu, apa-apa yang tidak mempunyai ciri-ciri fizikal, seperti usufruct (manfaa'h) dan hak (haqq), tidak dianggap harta, berdasarkan pandangan majoriti ulama Mazhab Hanafi yang terdahulu. Oleh itu,

definisi aset yang tidak mempunyai ciri fizikal (aset tidak ketara) adalah dikecualikan daripada dikelaskan sebagai harta mengikut pendapat ulama Mazhab Hanafi. Walau bagaimanapun, terdapat segelintir ulama dari Mazhab Hanafi yang berpendapat bahawa harta benda tidak terhad kepada perkara yang nyata (fizikal) sahaja tetapi harus termasuk harta yang tidak ketara, seperti manfaat (usufruct). Al-Kasani (1986, 7: 385) dengan jelas menyatakan bahawa, mal meliputi fizikal (ayn) serta manfaat (usufruct).

b) Pandangan Majoriti Ulama

Majoriti ulama berpendapat bahawa mal termasuk aset ketara dan tidak ketara. Pandangan majoriti ulama' terdahulu ini adalah disepakati juga oleh sebahagian besar ulama kontemporari al-Nashmi (1988), al-Uthmani (1988), al-Zuhayli (1988), al-Beiee (1988) dan Ali (2012). Selain itu, ia juga turut digunakan oleh institusi penasihat Syariah yang diiktiraf di peringkat antarabangsa seperti IFA-OIC (IDB & IFA, 2000) dan AAOIFI (2012). Di kedua-dua institusi ini, mereka telah memutuskan di Resolusi no. 43 (5/5) dari IFA-OIC dan Perkara No. 3/3/3/1 piawaian AAOIFI Syariah masing-masing, bahawa aset tidak ketara adalah harta yang wujud dengan nilai monetari yang memberi hak kepada perlindungan undang-undang dan oleh itu apa-apa pelanggaran boleh dihukum.

Sebahagian ulama' Maliki berpendapat mal adalah sesuatu yang digunakan oleh pemiliknya sahaja, jika ia memperolehnya dengan cara yang betul (Ibn Abidin, 1966). Perkara 126, Majallat al-ahkam al-'adliyyah menerangkan bahawa mal adalah 'setiap sesuatu yang diingini oleh manusia dan boleh disimpan untuk masa keperluan termasuk harta alih dan harta tidak alih' (muka surat 18). Definisi ini juga selari dengan pendapat Ibnu Qudhamah, salah seorang daripada ulama terkemuka Mazhab Hanbali. Al-Buhutiyy pula berpendapat harta dari segi syarak ialah sesuatu yang ada padanya manfaat yang harus selain daripada manfaat untuk hajat atau darurat (Yusuf, 1990, ms15). Maka, dapat disimpulkan bahawa ciri-ciri mal atau harta menurut pandangan majoriti ulama adalah seperti berikut:

- a) Orang menganggapnya sebagai sumber kekayaan (tamawwul).
- b) Ia boleh mendapat manfaat dari sudut pandangan Syariah.
- c) Ia boleh diganti rugi.
- d) Ia mempunyai nilai.
- e) Ia boleh disimpan pada bila-bila masa.
- f) Ia termasuk harta alih dan harta tidak alih (tidak hanya kepada aspek fizikal)

Dr. Abd al-Karim Zaydan mengutarakan dua aspek penting dalam membahaskan tentang penakrifan 'mal' iaitu 'mampu menguasainya' dan 'boleh memanfaatkannya'. Dari sudut ekonomi pula, harta dapat difahami sebagai tiap-tiap sesuatu yang boleh dimanfaatkan dalam semua aspek sama ada boleh dinilai dengan harga dan jenis seperti tanah, pokok, barang-barang dagangan yang berharga dan semua benda yang boleh dimanfaatkan daripadanya (Ahmad Yusuf, 1990).

6.2 HARTA DARI PANDANGAN AL-QURAN

6.2.1 Pemilik mutlak dan hakiki adalah Allah s.w.t.

Terdapat nas-nas al-Qur'an yang menerangkan hakikat harta daripada kacamata Islam yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t. (Pencipta Alam ini). Maka, Allah s.w.t adalah pencipta dan pemilik hakiki seluruh harta di alam semesta ini dalam apa jua bentuk dan jenisnya serta segala isi kandungannya. Di dalam surah Al-An'am, ayat 102, Allah s.w.t. telah Firman Allah s.w.t: Maksudnya: *Yang demikian (sifat-sifatNya dan kekuasaanNya) ialah Allah Tuhan kamu, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, yang menciptakan tiap-tiap sesuatu.*"

Berikut adalah nas-nas dari Al-Qura'n yang membuktikan bahawa Allah adalah pemilik mutlak ke atas segala yang telah diciptakan di alam ini tidak kira samada ianya harta alih atau tidak alih.

a) Surah al-Maidah, ayat 17

Maksudnya: *"Dan (ingatlah) bagi Allah jualah kuasa pemerintahan langit dan bumi dan segala yang ada di antara keduanya."*

b) Surah al-Taha, ayat 6

Maksudnya: *"Dialah jua yang memiliki segala yang ada di langit dan yang ada di bumi serta yang ada di antara keduanya dan juga yang ada di bawah tanah basah di perut bumi."*

c) Surah al-Baqarah, ayat 284

Maksudnya: *"Kepunyaan Allah segala apa yang ada di langit dan yang ada di bumi. Dan jika kamu melahirkan apa yang ada dalam hatimu atau kamu menyembunyikan, niscaya Allah akan memberi perhitungan dengan kamu tentang perbuatanmu itu. Maka Allah mengampuni siapa yang di kehendaknya dan menyiksa siapa yang di kehendaknya; dan Allah maha kuasa atas segalanya."*

6.2.2 Perlantikan sebagai khalifah untuk menunaikan tanggungjawab

Manusia itu sendiri adalah ciptaan dan milik Allah s.w.t. dan hak yang ditentukan oleh Allah s.w.t. kepada manusia hanyalah hak khilafah dan hanya merupakan wakil yang segala tindak-tanduknya tidak boleh terkeluar dari garis panduan yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t. Allah s.w.t. mengurniakan limpah rahmatNya kepada umat manusia untuk memakmurkan bumi ini dan memberikan segala kemudahan dan sumber-sumber untuk manusia meneroka dan juga sebagai ujian dari Nya. Apabila segala sumber yang dikurnia oleh Allah s.w.t. di digunakan dengan sebaik-baiknya dan berhikmah, maka nescaya alam ini dapat ditadbir dengan jayanya serta memberikan kesenangan hidup kepada

segala makhluk yang ada. Firman Allah s.w.t.: Maksudnya: *“Dialah yang menjadikan kamu dari bahan-bahan bumi, serta menghendaki kamu mema’murkannya.”* (Al-Qur’an, Surah al-Hud, ayat 61).

Antara nas-nas yang berkaitan adalah;

- a. Surah al-Jathiyah, ayat 13

Maksudnya: *“Dan ia memudahkan untuk (faedah dan kegunaan) kamu segala yang ada di langit dan yang ada di bumi, (sebagai rahmat pemberian) daripadaNya”.*

- b. Surah al-Mulk, ayat 15

Maksudnya: *“Dialah (Allah) yang menjadikan bumi itu kemudahan bagi kamu, maka berjalanlah (berusaha) disegenap penjurunya dan makanlah sebahagian dari rezekinya dan kepadaNya (kembali setelah) dibangkitkan”*

- c. Surah al-An’am, ayat 65

Maksudnya: *“Dan Dialah (Allah) yang menjadikan kamu penguasa-penguasa di bumi dan Dia meninggikan sebahagian kamu atas sebahagian (yang lain) beberapa darjat untuk mengujimu tentang apa yang diberikanNya kepadamu.”*

- d. Surah al-Baqarah, ayat 30

Maksudnya: *“Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para Malaikat: "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi". Mereka berkata: "Mengapa Engkau hendak menjadikan (khalifah) di bumi itu orang yang akan membuat kerusakan padanya dan menumpahkan darah, padahal kami senantiasa bertasbih dengan memuji Engkau dan mensucikan Engkau?" Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui".*

6.2.3 Sebagai wasilah melaksanakan kewajipan dan kebajikan

Islam mengiktiraf konsep serta peranan harta dalam masyarakat. Ia boleh dijadikan sebagai wasilah untuk melaksanakan amalan mulia demi untuk kemaslahatan umat manusia. Kita dikehendaki mencari harta sebanyak yang mungkin supaya ia boleh digunakan untuk menolong golongan yang memerlukan dan dimanfaatkan ke jalan yang dikehendaki oleh Islam. Usaha untuk mengembangkan dan menguruskan harta hendaklah dibuat sejajar dengan matlamat agama Islam (maqasid Shariah) iaitu untuk kemaslahatan bersama dari pelbagai aspek. Antara aspek yang telah ditekankan dalam pencapaian Maqasid Shariah adalah dari segi, menjaga kemaslahatan agama, jiwa (nyawa), akal, maruah atau keturunan, dan juga termasuk menjaga keselamatan harta. Maka jelaslah bahawa harta menjaga sebahagian aspek yang penting yang dititik beratkan oleh agama Islam. Dalam Surah al-Hadid, Allah berfirman, maksudnya: *“Berimanlah kepada Allah dan RasulNya dan nafkahkanlah sebahagian daripada hartamu yang Allah telah jadikan kamu menguasainya, maka orang-orang yang beriman di*

antara kamu dan menafkahkan (sebahagian) daripada hartanya (nescaya) ia memperoleh pahala yang besar.”

Antara nas-nas Al-Quran yang berkaitan ialah;

a. Surah al-Qasas, ayat 77

Maksudnya: *“Dan carilah pada apa yang dianugerahkan Allah padamu (kebahagiaan) negeri akhirat, dan janganlah kamu melupakan bahagianmu dari (kenikmatan) duniawi, dan berbuat baiklah (kepada orang lain) sebagaimana Allah telah berbuat baik kepadamu, dan janganlah kamu berbuat kerosakan di (muka) bumi. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berbuat kerosakan.”*

b. Surah al-Nur, ayat 33 dan 42

Maksudnya: *“Dan berilah kepada mereka dari harta Allah yang telah dikurniakan kepada kamu.”* (ayat 33)

Maksudnya: *“Dan bagi Allah jualah kuasa pemerintahan langit dan bumi dan kepada Allah sahaja tempat kembali (sekalian makhluk).”* (ayat 42)

c. Surah al-Munafiqun, ayat 10

Maksudnya: *“Dan belanjakanlah (dermakanlah) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada kamu sebelum seseorang dari kamu sampai ajal maut kepadanya.”*

Jelas bahawa nas-nas yang tertera diatas menekankan kewajipan dan kebertanggungjawaban MAIN dalam mengendalikan aset dan perihal perakaunan bagi WZB.

6.3 PERANAN MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI DALAM MENGENDALIKAN ASET-ASET WAKAF, ZAKAT DAN BAITULMAL

6.3.1 Sebagai Pemegang Amanah Tunggal

Menurut The-Mejelle (2007, muka surat 115), amanah ialah ‘satu perkara yang diletakkan kepada seseorang yang dianggap bertanggungjawab terhadapnya’. Ianya boleh terjadi dalam pelbagai situasi, antaranya; amanah yang ditetapkan di dalam kontrak yang memerlukan penyimpanan harta atau dinamakan penyimpanan selamat (wadiah), amanah dalam kontrak yang memerlukan pampasan bagi kerugian, seperti sesuatu yang diambil sewa, atau sesuatu yang diterima sebagai pinjaman untuk digunakan, dan sama ada ia dipindahkan sebagai amanah ke tangan seseorang melalui perjanjian tertentu atau tidak.

Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) adalah badan yang bertanggungjawab ke atas pentadbiran dan pengurusan harta wakaf. Secara umumnya di Malaysia, semua akta/ enakmen negeri telah memperuntukkan MAIN sebagai pemegang amanah tunggal (sole trustee) bagi semua harta wakaf, sama ada wakaf am ataupun wakaf khas. Selain daripada itu, MAIN juga menjadi pemegang amanah tunggal bagi semua nazar am dan semua amanah khairat yang diwujudkan di negeri berkenaan yang bertujuan untuk kemajuan Islam dan umatnya.

6.4 PENGIKTIRAFAN, PENGUKURAN DAN PENDEDAHAN ASET-ASET WAKAF, ZAKAT DAN BAITULMAL OLEH MAIN DALAM PENYATA KEWANGAN

Para fuqaha Islam telah bersepakat bahawa terdapat empat aspek utama yang perlu dilihat dalam usaha menjaga kepentingan manusia dan masyarakat (Laldin *et al*, 2009):

1. Jalb al-Masalih: mencapai kepentingan di dalam kehidupan.
2. Dar al-Mafasi: menolak kerosakan yang bakal timbul dalam masyarakat
3. Sadd al-Dharar: menyekat kepentingan buruk.
4. Taghayyur al-Zaman: mementingkan faktor peredaran zaman

Prof. Dr. Wahbah Zuhaily juga telah mengesyorkan beberapa garis panduan antaranya:

- i. Pengurusan yang menepati maqsad wakaf.
- ii. Sentiasa berhati-hati dan bersikap amanah.
- iii. Sentiasa mendapatkan nasihat dan panduan daripada pakar yang berkenaan.
- iv. Memastikan harta wakaf dilaburkan di dalam pelaburan yang patuh Shariah.
- v. Memastikan hasil wakaf disalurkan kepada yang memerlukan berdasarkan keperluan dan prioriti seperti yang digariskan oleh syarak dan berdasarkan prinsip maqasid Shariah.

6.4.1 Pengiktirafan

Untuk menjelaskan kriteria pengiktirafan bagi aset-aset WZB oleh MAIN, adalah penting untuk memahami terlebih dahulu konsep pemilikan dan jenis mandat / kuasa yang diberikan kepada MAIN.

Isu 1: Memahami konsep pemilikan dalam Islam

a) Pemilikan individu (Tamleek fardi)

Pemilikan individu merujuk kepada pemilikan swasta. Ia mungkin tidak berkaitan dengan MAIN yang fungsi utamanya menguruskan harta-harta awam dalam konteks kajian ini. Konsep ini biasanya dibincangkan dengan konsep pemilikan yang lain kerana pada zaman awal Islam, kekayaan yang diperoleh negara Islam adalah terdiri daripada harta-harta rampasan perang. Oleh itu, kekayaan dibahagikan di antara pejuang individu dan kepentingan masyarakat Islam pada zaman tersebut.

b) Pemilikan kolektif (tamleek jama'ei)

Pemilikan kolektif bermaksud kekayaan dimiliki oleh kumpulan tertentu. Ia boleh ditentukan mengikut Syariah seperti dana zakat atau mengikut kontrak tertentu seperti wakaf. Dalam kes dana zakat, MAIN adalah 'amil serta mempunyai kuasa untuk mengumpul dan mengedarkan dana yang dianggap sesuai. Kebiasaannya, fungsi serta tujuan dana yang diwujudkan secara berkumpulan telah ditetapkan pada awalnya. Oleh itu, MAIN mempunyai beberapa keistimewaan untuk menguruskan dana zakat, dan bukan budi bicara mutlak. Sebagai contoh, MAIN berhak memilih golongan miskin yang sesuai untuk menerima dana yang disumbangkan oleh kumpulan seperti dana Zakat dan Wakaf. Walau bagaimanapun, ia berlainan bagi Wakaf khas di mana penerima dana telah ditetapkan dengan jelas, dan MAIN tidak mempunyai sebarang kuasa untuk mengubah. Maka, dana zakat dikatakan sebagai mempunyai ciri pemilikan kolektif. Menurut Imam Shafie, kekayaan itu tidak secara mutlak dimiliki oleh Baitulmal (Al-Mawardi, 1996, m/s 278), tetapi ia dikumpulkan dan disimpan atas nama asnaf (Al-Mawardi, 2005, m/s 302). Sementara itu, Abu Hanifah berpendapat bahawa ia adalah sebahagian daripada Baitulmal dan perbelanjaan adalah atas budi bicara pihak berkuasa.

Adapun wakaf am adalah lebih jelas dari segi tujuan, iaitu untuk menjaga kepentingan umum orang Islam sehingga dapat diletakkan di bawah baitulmal. Perbelanjaannya adalah tidak terhad seperti zakat walaupun ia masih perlu direkod mengikut perjanjian yang telah ditetapkan. Al-Mawardi (2005) menyatakan bahawa ia adalah untuk baitulmal bagi memelihara kepentingan umum umat Islam (Al-Mawardi, 1996, m/s 251; Al-Mawardi, 2005, m/s 274).

c) Pemilikan Am (tamleek aa'mi)

Dalam konteks Baitulmal di mana tujuan kewujudannya adalah untuk kepentingan masyarakat, pemilikan am juga boleh dirujuk sebagai pemilikan institusi (tamleek muassasi). Ini kerana semua aset yang dipegang oleh Baitulmal harus memberi faedah kepada orang ramai walaupun aset itu sah di bawah nama Baitulmal sebagai sebuah institusi. Hak untuk menguruskan segala perbelanjaan dalam pemilikan ini terletak di tangan pemimpin (Al-Mawardi, 2005, m/s 302). Berbanding dengan pemilikan kolektif, pemilikan am memberikan kuasa budi bicara yang lebih besar kepada pemimpin. Pemimpin mempunyai kelonggaran yang lebih besar terhadap penggunaan kekayaan kerana kekayaan dianggap milik Baitulmal (Al-Mawardi, 1996, m/s 278). Ini juga boleh dianggap sebagai pemilikan institusi, iaitu: tamleek muassasi.

Isu 2: Jenis mandat dan budi bicaranya

Di samping pemilikan, MAIN perlu juga jelas mengenai siapa mereka dan apakah mandat mereka berkaitan dengan pengurusan aset yang dipegang / diterima oleh mereka. Dengan mengetahui mandat, kita dapat memperoleh tahap budi bicara yang dilampirkan pada mandat. Sebagai peraturan, budi bicara mereka yang lebih tinggi dalam menguruskan / menggunakan aset itu, kemungkinan besar ia diiktiraf sebagai aset institusinya sendiri, sehingga mempengaruhi pengurusan perakaunan.

U.S GAAP (Generally Accepted Accounting Principle) juga mempunyai perbincangan yang hampir sama yang dipanggil – “pass through gift”. Ia merangkumi persoalan sama ada pemberian (tunai atau aset lain) yang diberikan kepada entiti harus direkodkan sebagai hasil (dan selepas itu dibelanjakan kepada penerima) atau direkodkan sebagai jumlah yang dipegang bagi pihak ketiga. Keputusan ini bergantung pada tahap kawalan ke atas penggunaan pemberian dan intensiti penglibatannya. Sekiranya ia hanya mempunyai sedikit kuasa mengawal dan penglibatannya juga kurang, maka ia akan dianggap sebagai urus niaga agensi (agency transaction) di mana sumber yang diterima harus dilaporkan sebagai liabiliti dan bukan pendapatan. Oleh itu, apabila jumlah itu dibelanjakan untuk penerima manfaat, ia dicatatkan sebagai penurunan liabiliti. Secara teori, urus niaga agensi ini tidak menjejaskan aset bersih entiti tersebut kerana ianya hanya dikira sebagai jumlah ketika transit.

Tahap budi bicara MAIN bagi setiap sumber-sumber harta menentukan sama ada ia harus mengiktiraf penerimaan sebagai hasil atau liabiliti (dan kemudiannya sama ada amaun yang dibelanjakan/diagihkan sebagai agihan/perbelanjaan atau pengurangan liabiliti). Jika MAIN mempunyai "kuasa varian" untuk memutuskan dan menyalurkan penggunaan sumber kepada benefisiari lain, urus niaga itu boleh dianggap sebagai hasil; dan bukannya liabiliti (seperti dalam transaksi agensi). Isu ini diterangkan oleh FASB (U.S) dalam ASC (Accounting Standard Codification), khususnya ASC 958- 605-25.


6.4.2 Asas pengukuran

Asas pengukuran aset di MAIN sangat bergantung pada tujuan aset yang dipegang. Secara umum, terdapat dua objektif untuk memegang aset, iaitu, untuk menjana keuntungan atau untuk kepentingan komuniti perkhidmatan (tanpa niat keuntungan). Pendek kata, ia adalah sama ada tujuan komersil atau sosial. Sekiranya ia dipegang untuk tujuan komersil, maka asas pengukuran adalah sama dengan perniagaan biasa, iaitu nilai saksama dalam bentuk harga pasaran, jika tersedia.


Walau bagaimanapun, bagi aset yang dipegang tanpa niat untuk menjana keuntungan, mungkin lebih sesuai untuk diukur mengikut kos sejarah seperti kos pengambilalihan / pembinaan masjid, rumah kebajikan atau mengambil kira nilai nominal (seperti tanah perkuburan).

6.4.3 Prinsip dalam pelaporan

Terdapat keperluan untuk mengambil pendekatan seimbang dalam pelaporan aset yang dipegang oleh MAIN. Walaupun perakaunan sentiasa mementingkan ketelusan dan pendedahan penuh, ia perlu selari dengan prinsip pengukuran yang digunakan. Adalah disyorkan bahawa pendedahan mengikuti pendekatan pengukuran di atas dan dibentangkan secara hierarki. Dalam erti kata lain, pendedahan 'penuh' dibentangkan di peringkat tadbir urus yang lebih tinggi. Ini sememangnya memerlukan penekanan yang lebih besar terhadap struktur tadbir urus MAIN. Oleh itu, mana-mana pemegang saham yang dikenal pasti sebagai yang paling berkepentingan akan mendapat pendedahan yang lebih besar. Tahap pendedahan mungkin berdasarkan pemahaman dharuriyyah, hajjiyyah, dan tahsiniyyah. Pihak yang paling berkepentingan akan menerima ketiga-tiga jenis maklumat; manakala yang paling kurang kepentingan hanya boleh menerima tahsiniyyah sahaja.



Fungsi dan peranan MAIN terhadap harta WZB



Ringkasan kriteria-kriteria pengiktirafan, pengukuran, dan pendedahan bagi aset WZB

6.5 RUMUSAN

Bab ini dimulakan dengan membincangkan konsep aset dalam Islam dengan mengemukakan dua pendapat utama yang diiktiraf. Bab ini selanjutnya membincangkan konsep harta seperti yang dinyatakan di dalam Al-Quran, dari sudut pandang pemilikan harta itu sendiri dan tanggungjawab manusia sebagai Khalifah untuk menguruskan harta dengan sebaiknya. Bab ini juga menyentuh peranan MAIN selaku pemegang amanah tunggal kepada aset-aset WZB yang meliputi aspek pengurusan pada am nya dan aspek perakaunan aset-aset WZB pada khususnya. Isu perakaunan aset-aset WZB dihurai melalui penjelasan komponen perakaunan, iaitu pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan. Komponen-komponen ini kemudiannya dihurai dari sudut pandang fuqaha dengan memperincikan kepada aspek pemilikan dalam Islam dan mandat yang diterima, tujuan pegangan aset, dan konsep pendedahan berhierarki yang dilihat dapat memenuhi keperluan informasi yang berbeza bagi kumpulan pemegang taruh yang berbeza. Huraian bab ini seterusnya disambung dengan perbincangan bab seterusnya yang melihat kepada hal ehwal perundangan sivil yang berkaitan dalam usaha membangunkan piawaian perakaunan untuk WZB.

BAB 7

BATASAN PERUNDANGAN UNTUK PERAKAUNAN DAN PELAPORAN ISLAM WAKAF, ZAKAT DAN BAITULMAL DI MALAYSIA

7.0 PENGENALAN

Bab ini membincangkan dapatan bagi Objektif Ketiga kajian ini iaitu 'Mengenalpasti keperluan Shariah (berdasarkan Al-Quran, Sunnah, Ijma' Ulama dan Qiyas) dan batas-batas perundangan sivil dalam melaksanakan piawaian perakaunan Islam yang seragam bagi Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal'. Justeru bab ini akan membicarakan mengenai peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam undang-undang sivil yang mungkin akan membatasi pelaksanaan perakaunan dan pelaporan Islam wakaf, zakat dan baitulmal di Malaysia. Seterusnya bab ini akan mencadangkan tindakan-tindakan yang wajar berkaitan dengan batasan-batasan perundangan bagi membolehkan pelaksanaan perakaunan wakaf, zakat dan baitulmal yang patuh Shariah. Perbincangan ini walaubagaimanapun akan hanya tertumpu kepada Zon 3 yang meliputi Wilayah Persekutuan, Kelantan, Terengganu dan Pahang. Sehubungan dengan itu institusi yang terlibat adalah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK), Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) dan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP).

7.1 AKTA-AKTA/ENAKMEN BERKAITAN DENGAN PENTADBIRAN HARTANAH WAKAF, ZAKAT DAN BAITULMAL

Bahagian ini akan menerangkan peruntukan-peruntukan yang terdapat didalam akta-akta yang berkaitan di peringkat persekutuan serta enakmen-enakmen yang dikanunkan di negeri-negeri yang berkenaan dengan pentadbiran WZB. Secara umumnya perbincangan ini akan melihat batasan-batasan perundangan sivil (sekiranya ada) yang mungkin akan memberi kekangan keatas Jabatan Akauntan Negara dalam melaksanakan Perakaunan Islam bagi WZB. Memandangkan kajian Fasa 2 ini adalah lebih menumpukan kepada pembangunan piawaian berkaitan aset, perbincangan didalam bab ini akan lebih menjurus kepada atau implikasi undang-undang semasa ke atas wakaf dan baitulmal. Seterusnya perbincangan berkaitan dengan wakaf akan lebih spesifik kepada hartanah wakaf kerana kedudukan wakaf serta ciri-ciri khas serta kemungkinan terdapatnya peruntukan khusus mengenai wakaf.

Berikut adalah penerangan ringkas mengenai akta-akta di peringkat persekutuan dan negeri yang berkaitan dengan pentadbiran WZB dan ianya mungkin akan memberi batasan keatas pelaksanaan perakaunan Islam bagi WZB. Ringkasan akta dan enakmen berkaitan dengan pentadbiran wakaf, zakat dan baitulmal boleh dirujuk di Jadual 7.1.

7.1.1 Perlembagaan Persekutuan

Perlembagaan Persekutuan dengan jelas menyatakan kedudukan hartanah Islam, termasuklah wakaf, zakat (sekiranya ada) dan baitulmal adalah dibawah bidangkuasa setiap negeri sepertimana yang dinyatakan di dalam Jadual Sembilan, Senarai II (Senarai Negeri). Perkara 74(1)(2) menyatakan bahawa Badan Perundangan sesuatu negeri boleh membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara di bawah Senarai Negeri. Sebagai badan tertinggi berkaitan dengan hal-hal berkaitan dengan Agama Islam dan adat istiadat Melayu sesuatu Negeri, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) bertindak sepenuhnya sebagai badan yang bertanggungjawab sepenuhnya dalam membangun dan mengurus wakaf dan baitulmal.

Jadual 7. 1: Ringkasan Akta/Enakmen Berkaitan Pentadbiran Hartanah Wakaf, Zakat dan Baitulmal

AKTA/ENAKMEN	MAIWP	MAIK	MAIDAM	MUIP
PERSEKUTUAN	PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN 1957			
	<ul style="list-style-type: none"> Jadual Kesembilan (Senarai II) 			
	KANUN TANAH NEGARA (KTN) 1965			
	<ul style="list-style-type: none"> Pindahmilik (14A) Penyerahan balik (12A/B) Perletakanhak berkanun (Sek 415 (1)(a)) Perletakanhak kepada MAIN (Sek 416C) 			
Akta Pengambilan Tanah 1960				
Akta Hakmilik Strata 1450 (Pindaan) 2013				
ENAKMEN NEGERI	Akta 505 – Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993	Enakmen Majlis Agama Islam Kelantan dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994	Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001	Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991

7.1.2 Kanun Tanah Negara 1965

Kanun Tanah Negara (KTN) telah dikanunkan mengikut Perkara 76(4) Perlembagaan Persekutuan pada 18 September 1965 dan telah berkuatkuasa pada 1 Januari 1966 dalam semua negeri di Semenanjung Malaysia. Akta ini adalah bertujuan untuk menyediakan satu sistem pemegangan dan urusan tanah yang seragam di kesemua sebelas negeri di Semenanjung Malaysia.

KTN juga telah memperuntukan pengecualian penggunaannya keatas tanah wakaf kecuali diperuntukan sebaliknya melalui Seksyen 4(2)(e). Secara umumnya melalui pengecualian ini bermakna sebarang peruntukan didalam KTN yang tidak selaras dengan Syariah adalah tidak terpakai keatas hartanah wakaf khususnya dan zakat atau baitulmal secara amnya. Walaubagaimana, pemakaian keatas beberapa peruntukan didalam KTN telah dibuat dalam pentadbiran hartanah wakaf khususnya memandangkan tiada Enakmen khusus telah dikanunkan oleh mana-mana MAIN berkaitan wakaf dan baitulmal di dalam Zon 3.

Sebagai contoh, untuk tujuan pemindahan hak dari pemilik asal kepada Majlis Agama Islam sebagai pentadbir, terdapat empat kaedah seperti berikut:

- I. Perletakhakan Berkanun (Statutory Vesting) Seksyen 415(1)(a); atau
- II. Perletakhakan Berkanun (Statutory Vesting) Seksyen 416C; atau
- III. Pindahmilik; atau
- IV. Penyerahan balik Seksyen 197

Perletakhakan berkanun adalah ditakrifkan sebagai perletakhakan yang di kuatkuasakan oleh undang-undang bertulis yang menyatakan sesuatu tanah terletak kepada sesuatu badan dan kemudiannya di daftarkan perletakhakan tanah itu di dalam daftar hakmilik tanah oleh Pentadbir Tanah. Kaedah ini boleh dilaksanakan melalui Seksyen 415(1)(a) melalui Borang 30A atau Seksyen 416C. Kaedah pindahmilik ini pula dilaksanakan menggunakan Borang 14A KTN dan penerima hak menyerahkan segala dokumen-dokumen yang berkaitan dengan pemilikan tanah berkenaan seperti dokumen hakmilik tanah dan resit bayaran cukai tanah. Kaedah ini meletakkan MAIN sebagai pemilik tanah wakaf berkenaan.

Manakala kaedah penyerahan balik mengkehendaki pewakaf memohon untuk menyerahkan tanah kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) (*surrender*) terlebih dahulu melalui Borang 12A. Setelah penyerahan balik diterima oleh PBN, MAIN kemudiannya memohon bahagian tanah

yang telah diwakafkan oleh pewakaf. PBN kemudiannya memberi milik dan meletakkan MAIN sebagai pegawai pengawal.

Secara kesimpulannya, pendaftaran melalui kaedah Seksyen 416C adalah lebih sesuai untuk perletakan hak tanah wakaf keatas MAIN sebagai pemegang amanah tunggal asset wakaf. Ianya juga dicadangkan di dalam Manual Pengurusan Perletakhakan Tanah Wakaf yang dikeluarkan oleh JAWHAR. Ini adalah kerana proses pendaftaran adalah lebih ringkas berbanding dengan kaedah pindahmilik atau penyerahan balik serta melibatkan kos yang minima. Perlu diambil perhatian, melalui kaedah ini kedudukan MAIN adalah terhad kepada menduduki, mengguna, mengawal dan mengurus tanah wakaf berkenaan dan bukan sebagai pemilik tanah wakaf. Walaubagaimanapun, ianya adalah selari dengan kedudukan MAIN sebagai pemegang amanah wakaf.

7.1.3 Akta Pengambilan Tanah 1960

Akta Pengambilan Tanah 1960 (APT) memberikuasa kepada mana-mana PBN untuk mengambil tanah apabila PBN memerlukan mana-mana tanah untuk apa-apa maksud seperti yang terkandung dalam Seksyen 3 APT 1960, maka pemilik tanah pada ketika itu wajib menyerahkan tanah kepada PBN. Pengambilan tanah melibatkan tanah wakaf adalah tidak terkecuali tetapi pengambilan haruslah bertujuan untuk *maslahah ammah* atau kepentingan umum sahaja (Che Zuina *et al.*, 2006). Ini adalah kerana wakaf tidak mempunyai sebuah perundangan yang khusus dan APT 1960 adalah merupakan undang-undang yang diguna pakai oleh pihak berkuasa dalam urusan pengambilan tanah wakaf di Malaysia setakat ini.

PBN dikehendaki membayar pampasan iaitu sebagai gantian sama ada dalam bentuk wang atau penggantian tanah dengan tanah kepada mutawalli yang dilantik oleh pewakaf iaitu pihak MAIN. Di pihak MAIN, proses pengambilan tanah ini di rujuk sebagai *istibdal*¹ atau penggantian wajib dan hendaklah disempurnakan dengan mematuhi segala prosedur-prosedur yang telah ditetapkan dalam *istibdal* wakaf.

7.1.4 Enakmen Pentadbiran Islam Negeri

Selaras dengan peruntukan Seksyen 74(1)(2) Perlembagaan Persekutuan, setiap negeri telah menubuhkan Majlis Agama Islam Negeri bagi mentadbir hal ehwal yang berkaitan

¹ *Istibdal* bermaksud pembelian harta wakaf lain sebagai ganti dengan harta yang sama ataupun harta yang lebih baik nilainya dan manfaatnya daripada harta yang pertama

dengan Islam. Setiap negeri juga telah mengkanunkan enakmen pentadbiran Islam bagi urusan pentadbiran Islam. Bagi negeri-negeri dibawah Zon 3 iaitu Wilayah Persekutuan, Kelantan, Terengganu dan Pahang, enakmen-enakmen yang berkenaan adalah disenaraikan di dalam Jadual 7.1. Akta 505 dan kesemua enakmen pentadbiran negeri berkaitan ada menyatakan secara khusus mengenai perletakhakan tanah-tanah wakaf dan baitulmal sepertimana di Jadual 7.2 berikut.

Jadual 7. 2: Senarai Seksyen berkaitan dengan Perletakhakan bagi Setiap MAIN

MAIN	AKTA/ENAKMEN	SEKSYEN
MAIWP	Akta 505 – Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993	Seksyen 62. Perletakhakan. (1) Semua harta yang tertakluk kepada peruntukan-peruntukan seksyen 61 dan terletak di dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan, hendaklah, tanpa apa-apa pemindahhakan, penyerahhakan atau pemindahmilikan jua pun, dan, dalam hal harta tak alih, sebaik sahaja didaftarkan di bawah undang-undang bertulis yang relevan yang berhubungan dengan tanah, terletak pada Majlis, bagi maksud-maksud amanah, wakaf atau nazr 'am yang menyentuh harta itu.
MAIK	Enakmen Majlis Agama Islam Kelantan dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994	Seksyen 62. Perletakhakan. (1) Semua harta, tertakluk kepada peruntukan seksyen 61 hendaklah, jika terletak di dalam Negeri Kelantan dan dalam perkara harta takalih, selepas pendaftaran di bawah Kanun Tanah Negara, terletak kepada Majlis tanpa apa-apa pemindahhakan atau penyerahhakan atau pemindahan apa jua untuk tujuan amanah, wakaf atau nazar am

MAIDAM	Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001	Seksyen 64. Perletakan harta wakaf, nazar dan amanah pada Majlis. Semua harta yang tertakluk kepada seksyen 63 hendaklah tanpa apa-apa pindah hak, serah hak atau pindah hakmilik, dan, dalam hal harta tak alih sebaik sahaja didaftarkan di bawah undang-undang bertulis yang berhubungan dengan tanah, terletak hak pada Majlis, bagi maksud wakaf, nazar am atau amanah yang menyentuh harta itu.
MUIP	Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991	Seksyen 71. Perletakan hak. (1) Semua harta yang pada mula berkuatkuasa Enakmen ini adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan seksyen 70 hendaklah, jika terletak dalam Negeri Pahang, terletak hak pada Majlis.

Walaubagaimanapun adalah dicadangkan supaya terdapat penyeragaman dari segi kaedah perletakhakan tanah-tanah wakaf supaya perakaunannya dapat diselaraskan.

7.2 AKTA/ENAKMEN BERKAITAN PERAKAUNAN DI INSTITUSI WAKAF, ZAKAT DAN BAITULMAL

Sebagai badan berkanun negeri yang mentadbir wang yang dihasilkan oleh aktiviti-aktiviti Islam termasuk wakaf, zakat dan baitulmal, MAIN tidak tertakluk secara langsung dengan peruntukan di dalam Akta Acara Kewangan 1957. Akta tersebut adalah berkaitan dengan pengurusan kewangan ‘wang awam’ yang didefinisikan sebagai hasil, pinjaman, amanah dan lain-lain wang awam yang di terima oleh Persekutuan atau Negeri dan tidak termasuk zakat, fitrah, Baitulmal atau lain-lain hasil dari agama Islam. Sehubungan itu, enakmen negeri juga didapati tidak menyatakan dengan jelas sebarang penggunaan peruntukan Akta Tatacara Kewangan 1957.

Sebaliknya, kesemua akta/enakmen pentadbiran Islam MAIN ada menyebutkan dengan jelas pemakaian Akta Badan Berkanun 1980 walaupun Akta ini menyatakan dengan jelas ianya adalah digunapakai untuk badan berkanun persekutuan. Pemakaian Akta ini juga dengan jelas dinyatakan untuk semua perbadanan yang ditubuhkan dibawah akta/enakmen pentadbiran Islam MAIN. Contoh: Seksyen 62 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Terengganu 1991 menyatakan ‘Peruntukan-peruntukan Akta Badan Berkanun (akaun dan Laporan Tahunan) 1980 hendaklah di gunapakai oleh Majlis dan mana-mana perbadanan di bawah Enakmen ini.

Pemakaian ini telah merangkumi pengauditan akaun-akaun tahunan MAIN berkaitan.

Akta Syarikat 1957 pula hanya berkaitan dengan MAIN yang telah menubuhkan anak-anak syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 seperti MAIWP dan MUIP. Anak-anak syarikat ini yang beroperasi sebagai entiti yang bertujuan untuk menghasilkan keuntungan adalah tertakluk kepada Akta Syarikat 1965 dalam penyediaan penyata kewangan tahunan mereka serta piawaian perakaunan entiti private yang sedia ada seperti MPERS.

Selain dari itu, terdapat pernyataan yang jelas mengenai amalan pengurusan kewangan yang sepatutnya di laksanakan oleh MAIN didalam akta/enakmen pentadbiran Islam. Contoh: Anggaran belanjawan dimana kesemua enakmen ada menyatakan dengan jelas perihal penyediaannya.

Jadual 7. 3: Ringkasan Akta/Enakmen Berkaitan Perakaunan di Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal

AKTA/ENAKMEN	MAIWP	MAIK	MAIDAM	MUIP
PERSEKUTUAN	AKTA ACARA KEWANGAN 1957 <ul style="list-style-type: none"> • ‘Wang Awam’...tidak termasuk zakat, fitrah, baitulmal dan lain-lain hasil agama Islam 			
	AKTA BADAN BERKANUN 1980 <ul style="list-style-type: none"> • Penyediaan Penyata Kewangan 			
	AKTA SYARIKAT 1965			AKTA SYARIKAT 1965
ENAKMEN NEGERI	Akta 505 – Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993	Enakmen Majlis Agama Islam Kelantan dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994	Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001	Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991

Secara umumnya tiada batasan yang khusus didalam Akta/Enakmen Pentadbiran Islam Negeri untuk tujuan pelaksanaan perakaunan Islam wakaf, zakat dan baitulmal.

7.3 IMPLIKASI KAEDAH PENDAFTARAN TANAH KE ATAS AMALAN SEMASA PERAKAUNAN DAN PELAPORAN WAKAF, ZAKAT DAN BAITULMAL

Berdasarkan kepada Jadual 7.4, kaedah pendaftaran yang digunakan bagi tanah-tanah baitulmal adalah seragam iaitu menggunakan kaedah pindahmilik dimana pemilikan diserahkan kepada MAIN. Walaubagaimanapun terdapat perbezaan kaedah pendaftaran pemilikan bagi tanah-tanah wakaf. Kesemua MAIN menggunakan kaedah perletakhakan berkanun 416C kecuali MAIK yang menggunakan kaedah pindahmilik. Apa yang menariknya, walaupun MAIWP, MAIDAM dan MUIP menggunakan kaedah pendaftaran hak yang sama, mereka mempunyai amalan perakaunan dan seterusnya pelaporan yang berbeza seperti yang dinyatakan di dalam Jadual 7.4 di bawah. Secara umumnya kesan keatas penggunaan perletakhakan berkanun adalah MAIN bukan pemilik hartanah wakaf tetapi hanya diberikuasa menduduki, mengurus dan mentadbir tanah berkenaan dan dengan itu tanah-tanah ini tidak diiktiraf sebagai aset MAIN. Sebagai contoh walaupun tidak mengiktiraf hartanah wakaf, MAIDAM melaporkan kesemua hartanah wakafnya di dalam ‘Nota Penjelasan Harta’ dan nilai harta-harta tersebut didedahkan pada nilai semasa pasaran. Pendedahan ini adalah selaras dengan peruntukan dalam

enakmen pentadbiran Islam MAIDAM (Seksyen 69) yang mengkehendaki harta-harta wakaf di laporkan dalam satu warta. MAIK pula menggunakan kaedah pindahmilik mengiktiraf tanah-tanah wakaf sepertimana tanah-tanah MAIN yang lain. Ianya dilaporkan secara agregat di dalam Nota Harta.

Jadual 7. 4: Ringkasan Kaedah Pendaftaran Perletakhakan dan Amalan Perakaunan di Setiap MAIN

MAIN	HARTANAH	PENDAFTARAN (KTN)	STATUS MAIN KEATAS TANAH	AMALAN SEMASA PERAKAUNAN & PELAPORAN
MAIWP	Wakaf	Perletakhakan Berkanun (Seksyen 416C)	Penerimahak	<ul style="list-style-type: none"> • Hartanah wakaf tidak diiktiraf/ diakaunkan • Tiada pendedahan maklumat wakaf di dalam laporan kewangan secara terperinci (maklumat wakaf sebahagian maklumat naratif)
	Baitulmal	Pindahmilik	Pemilik	<ul style="list-style-type: none"> • Hartanah BM diiktiraf • Pendedahan di Nota Harta secara pukal (aggregate)
MAIK	Wakaf	Pindahmilik	Pemilik	<ul style="list-style-type: none"> • Hartanah wakaf diiktiraf/ diakaunkan • Tiada pendedahan maklumat wakaf di dalam laporan kewangan secara terperinci
	Baitulmal	Pindahmilik	Pemilik	<ul style="list-style-type: none"> • Hartanah BM diiktiraf • Pendedahan di Nota Harta secara pukal (aggregate)
MAIDAM	Wakaf	Perletakhakan Berkanun (Seksyen 416C)	Penerimahak	<ul style="list-style-type: none"> • Hartanah wakaf tidak diiktiraf/ diakaunkan • Hartanah wakaf didedahkan di 'Nota Penjelasan Harta'
	Baitulmal	Pindahmilik	Pemilik	<ul style="list-style-type: none"> • Hartanah BM diiktiraf • Pendedahan di Nota Harta secara pukal (aggregate)
MUIP	Wakaf	Perletakhakan Berkanun (Seksyen 416C)	penerimahak	<ul style="list-style-type: none"> • Hartanah wakaf diiktiraf/ diakaunkan • Tiada pendedahan maklumat wakaf di dalam laporan kewangan secara terperinci
	Baitulmal	Pindahmilik	Pemilik	<ul style="list-style-type: none"> • Hartanah BM diiktiraf • Pendedahan di Nota Harta secara pukal (aggregate)

7.4 RUMUSAN

Secara umumnya tiada batasan perundangan sivil yang khusus terdapat didalam Akta-akta atau Enakmen Pentadbiran Islam untuk tujuan perakaunan Islam. Walaubagaimanpun, Enakmen Pentadbiran Islam negeri disaran untuk membuat penyeragaman mengenai kaedah pendaftaran pemilikan hartanah wakaf bagi tujuan penyeragaman amalan perakaunan dan pelaporan wakaf khususnya.

BAB 8
CADANGAN PIAWAIAN PERAKAUNAN ASET WAKAF ZAKAT DAN
BAITULMAL (WZB)

8.1 PENGENALAN

Bab ini melaporkan cadangan piawaian perakaunan bagi institusi-institusi Wakaf, Zakat, dan Baitulmal (WZB). Cadangan ini adalah berdasarkan dapatan kajian terhadap amalan semasa Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), rangka kerja konseptual perakaunan bagi WZB, enakmen-enakmen negeri, serta aspek-aspek Syariah bagi harta WZB. Bagi tujuan membangunkan piawaian perakaunan berkaitan WZB, cadangan tersebut dimasukkan ke dalam piawaian tertentu berkaitan Pengiktirafan, Pengukuran dan Pendedahan dalam MPSAS yang berkenaan. Pendekatan menggunakan MPSAS sebagai teras untuk membangunkan piawaian perakaunan WZB secara khusus ialah atas permintaan Jabatan Akauntan Negara (AGD). MPSAS dianggap sebagai mencukupi untuk membimbing MAIN untuk perakaunan WZB kecuali jika piawaian tambahan atau semakan semula item dalam MPSAS disarankan untuk mencapai matlamat penyelidikan dalam membangunkan piawaian perakaunan Islam untuk WZB. Oleh itu, struktur bab ini mengikuti skop piawaian perakaunan yang diperlukan untuk aset WZB seperti yang disebutkan di atas. Ini termasuk saranan untuk piawaian perakaunan untuk PPE, IP, Inventori, Pertanian, Pajakan, Aset Tidak Ketara, penurunan nilai aset penjana tunai dan aset penjana bukan tunai.

Perenggan-perenggan utama di dalam 8 MPSAS iaitu MPSAS 12 – Inventori; MPSAS 13 – Pajakan; MPSAS 16 – Harta Pelaburan; MPSAS 17 – Hartanah, Loji dan Peralatan; MPSAS 21– Rosot Nilai Aset yang tidak menjana tunai; MPSAS 26 – Rosot Nilai Aset yang menjana tunai; MPSAS 27 – Pertanian dan MPSAS 31 – Aset Tak Ketara akan di semak dan di kaji selaras dengan amalan semasa, pematuhan Shari’ah dan samada terdapat percanggahan dengan undang-undang sivil atau enakmen-enakmen negeri berkaitan. Seterusnya, penyelidik akan membuat cadangan-cadangan keatas perenggan-perenggan sedia ada atau cadangan tambahan perenggan berikut untuk tujuan pembangunan piawaian Islam WZB:

- i. Perenggan dikekalkan - piawaian perakaunan yang dinyatakan di dalam MPSAS berkaitan boleh digunakan oleh WZB dan tidak menjejaskan gambaran yang benar dan saksama penyata kewangan MAIN
- ii. Perenggan tambahan - sekiranya terdapat item-item yang perlu diperkenalkan bagi memastikan pematuhan kepada Shari’ah, selaras dengan konsep wakaf, zakat dan baitulmal

- iii. Perenggan di ubahsuai - Sekiranya terdapat keperluan untuk perenggan diubahsuai supaya ianya bertepatan dengan prinsip Shariah atau mematuhi keperluan undang-undang sivil dan enakmen negeri.
- iv. Perenggan di gugurkan - Sekiranya perenggan yang bercanggah dengan prinsip Shariah atau tidak bertepatan dengan konsep wakaf, zakat dan baitulmal.

8.2 CADANGAN PIAWAIAN PERAKAUNAN: HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (MPSAS 17)

8.2.1 Pengiktirafan

Untuk kriteria pengiktirafan hartanah, loji dan peralatan (PPE) bagi WZB, disarankan agar kriteria tambahan dimasukkan untuk pengiktirafan aset sebagaimana yang disebutkan dalam perenggan 14 dalam MPSAS 17 seperti berikut:

No.	Keterangan	Cadangan	Huraian
1.	(c) apabila MAIN menjadi pemegang amanah efektif (effective trustee) atau pemilikan aset dipindahkan ke MAIN.	Tambahan item (Perenggan 14)	<p>‘Kaedah umum fiqh: “Yang mengesahkan sesuatu kontrak adalah persetujuan dari kedua belah pihak dan syarat yang efektif adalah apa yang dipersetujui bersama” (الأصل في العقود رضا المتعاقدين وموجبها ما أوجباه على أنفسهما بالتعاقد)</p> <p><i>Contoh:</i> Tanah warisan diiktiraf sebagai aset Baitulmal berdasarkan keputusan Mahkamah terhadap pemindahan hak milik, dan tanah wakaf diiktiraf apabila kontrak wakaf selesai dan boleh dikuatkuasakan.</p>

Kriteria tambahan untuk pemindahan pemilikan MAIN sebagai pemegang amanah efektif diperlukan untuk tujuan pengiktirafan aset WZB. Berdasarkan Shariah, pemindahan hak milik mesti diselesaikan sebelum penggunaan manfaat ekonomi aset dapat digerakkan untuk tujuan yang dimaksudkan. Ini bermakna PPE WZB sepatutnya diiktiraf oleh MAIN setelah mandat

sebagai pemegang amanah harta tersebut diterima dan ianya dirujuk sebagai titik pengiktirafan dalam perspektif perakaunan. Ini amat relevan untuk harta wakaf di mana MAIN boleh menjadi pemegang amanah efektif setelah berlakunya akad pewakafan (*sighah*) di antara pewakaf dan MAIN sebagai mutawalli. Justeru, dalam hal perakaunan, akad pewakafan atau *sighah* ini dirujuk sebagai titik pengiktirafan harta berkenaan sebagai wakaf dan MAIN sebagai pemegang amanah. Walau bagaimanapun, akad tersebut hendaklah disokong oleh dokumen bertulis di antara pewakaf dan MAIN sebagai bukti MAIN ialah pemegang amanah tunggal wakaf berkenaan. Ini adalah selaras dengan suruhan Allah di dalam Surah Al-Baqarah ayat 282 mengenai keperluan mencatat atau mendokumentasikan segala urusan seperti berikut:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا تَدَايَنْتُمْ بِدَيْنٍ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى فَاكْتُبُوهُ
 وَلْيَكْتُب بَيْنَكُمْ كَاتِبٌ بِالْعَدْلِ وَلَا يَأْب كَاتِبٌ أَنْ يَكْتُبَ كَمَا عَلَّمَهُ
 اللَّهُ فَلْيَكْتُبْ وَلْيُمْلِلِ الَّذِي عَلَيْهِ الْحَقُّ وَلْيَتَّقِ اللَّهَ رَبَّهُ وَلَا يَبْخَسْ
 مِنْهُ شَيْئًا فَإِنْ كَانَ الَّذِي عَلَيْهِ الْحَقُّ سَفِيهًا أَوْ ضَعِيفًا أَوْ لَا يَسْتَطِيعُ
 أَنْ يُمِلَّ هُوَ فَلْيُمْلِلْ وَلِيُّهُ بِالْعَدْلِ وَأَسْتَشْهِدُوا شَهِيدَيْنِ مِنْ رِجَالِكُمْ
 فَإِنْ لَمْ يَكُونَا رَجُلَيْنِ فَرَجُلٌ وَامْرَأَتَانِ مِمَّن تَرْضَوْنَ مِنَ الشُّهَدَاءِ أَنْ
 تَضِلَّ إِحْدَاهُمَا فَتُذَكِّرَ إِحْدَاهُمَا الْأُخْرَىٰ وَلَا يَأْب الشُّهَدَاءُ إِذَا مَا دُعُوا
 وَلَا تَسْمَعُوا أَنْ تَكْتُبُوهُ صَغِيرًا أَوْ كَبِيرًا إِلَىٰ أَجَلِهِ ذَٰلِكُمْ أَقْسَطُ عِنْدَ
 اللَّهِ وَأَقْوَمٌ لِلشُّهَدَةِ وَأَدْنَىٰ أَلَّا تَرْتَابُوا إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً حَاضِرَةً
 تُدِيرُونَهَا بَيْنَكُمْ فَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَلَّا تَكْتُبُوهَا وَأَشْهِدُوا إِذَا
 تَبَايَعْتُمْ وَلَا يُضَارَّ كَاتِبٌ وَلَا شَهِيدٌ وَإِنْ تَفَعَّلُوا فَإِنَّهُ فُسُوقٌ بِكُمْ
 وَاتَّقُوا اللَّهَ وَيُعَلِّمُكُمُ اللَّهُ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿٢٨٢﴾

Maksud:

“Hai orang-orang yang beriman, apabila kamu bermu’amalah tidak secara tunai untuk waktu yang ditentukan, hendaklah kamu menuliskannya. Dan hendaklah seorang penulis di antara

kamu menuliskannya dengan benar. Dan janganlah penulis enggan menuliskannya sebagaimana Allah telah mengajarkannya, maka hendaklah ia menulis, dan hendaklah orang yang berhutang itu mengimlakan (apa yang akan ditulis itu), dan hendaklah ia bertakwa kepada Allah Tuhannya, dan janganlah ia mengurangi sedikitpun daripada hutangnya. Jika yang berhutang itu orang yang lemah akalnya atau lemah (keadaannya) atau dia sendiri tidak mampu mengimlakan, maka hendaklah walinya mengimlakan dengan jujur. Dan persaksikanlah dengan dua orang saksi dari orang-orang lelaki di antaramu). Jika tak ada dua orang lelaki, maka (boleh) seorang lelaki dan dua orang perempuan dari saksi-saksi yang kamu ridhai, supaya jika seorang lupa maka seorang lagi mengingatkannya. Janganlah saksi-saksi itu enggan (memberi keterangan) apabila mereka dipanggil; dan janganlah kamu jemu menulis hutang itu, baik kecil maupun besar sampai batas waktu membayarnya. Yang demikian itu, lebih adil di sisi Allah dan lebih dapat menguatkan persaksian dan lebih dekat kepada tidak (menimbulkan) keraguanmu, (Tulislah mu'amalahmu itu), kecuali jika mu'amalah itu perdagangan tunai yang kamu jalankan di antara kamu, maka tak ada dosa bagi kamu, (jika) kamu tidak menulisnya. Dan persaksikanlah apabila kamu berjual-beli; dan janganlah penulis dan saksi saling sulit-menyulitkan. Jika kamu lakukan (yang demikian), maka sesungguhnya hal itu adalah suatu kefasikan pada dirimu. Dan bertakwalah kepada Allah; Allah mengajarmu; dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu.”

Ayat diatas menegaskan keperluan sesuatu urusan muamalah yang dibuat melibatkan masa hadapan, hendaklah ditulis atau direkodkan untuk menjamin keadilan kepada semua pihak berkaitan.

8.2.1.1 Pengiktirafan PPE mengikut dana/KW WZB

Pengiktirafan PPE mengikut dana WZB adalah sangat penting. Ini berdasarkan kepada Syariah telah menetapkan bahawa dimana pengasingan harta awam dan harta persendirian pemimpin-pemimpin atau pengasingan di antara dana swasta dan dana awam baitulmal perlu dilaksanakan agar ia dapat ditadbir dengan bijaksana mengikut hak-hak yang terdapat pada setiap dana tersebut. Amalan ini mungkin mempunyai persamaan dengan konsep entiti yang diamalkan oleh MAIN. Apa yang berbeza ialah konsep entiti yang memberi maksud pengasingan di antara harta persendirian pemilik dan harta perniagaan. Konsep baitulmal yang diperaktikkan dalam sejarah awal Islam, telah membezakan antara awam dan kekayaan persendirian pemimpin. Khususnya di MAIN, pengasingan sepatutnya dilakukan di antara dana awam yang diamanahkan keatas MAIN dan dana milik MAIN serta pengkelasan dana yang berlainan

seperti wakaf dan zakat. Juga perlu di ambilkira ialah perbezaan konsep baitulmal yang diamalkan ketika zaman awal Islam dan apa yang difahami dan dilaksanakan di Malaysia. Baitulmal pada awalnya merujuk kepada segala kekayaan sesebuah negara Islam, manakala di Malaysia baitulmal umumnya merujuk kepada kekayaan selain wakaf dan zakat.

Penubuhan diwan pada zaman Umar (ra) untuk merekod pelbagai jenis kekayaan yang diterima dan dibelanjakan oleh baitulmal adalah asas dalam menentukan pelaksanaan tugas dan tanggungjawab para pemimpin. Dana wakaf dan zakat mempunyai peraturan yang berbeza dari segi penggunaan dan pengagihan yang telah ditetapkan oleh Shariah, justeru diwan yang berasingan bagi setiap jenis dana ini adalah sangat diperlukan. Lebih penting lagi, oleh kerana pelbagai jenis kekayaan (dana atau Kumpulan Wang (KW)) adalah tidak mudah ditukar (*fungible*), dengan adanya diwan yang berasingan membolehkan para pemimpin menguruskan dana mengikut hukum Shariah yang telah ditetapkan. Ketiadaan diwan yang berasingan boleh menyebabkan pelbagai jenis kekayaan bercampur (*co-mingling*), sehingga menjejaskan objektif dan serta manfaat Shariahnya.

Dapatan yang menyatakan bahawa setiap Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) di Malaysia telah melaksanakan penggunaan dana yang berasingan untuk WZB (i.e. *fund accounting*) menunjukkan bahawa organisasi-organisasi ini sebenarnya telah mengamalkan sistem diwan seperti yang telah diamalkan semasa zaman khalifah Umar (ra). Walau bagaimanapun, terdapat kepelbagaian amalan perakaunan dan pelaporan di kalangan 14 MAIN kerana ketiadaan piawaian khusus sebagai rujukan. Pembelian aset oleh sesuatu KW, pemindahan antara dana/KW (*inter-fund transfer*) dan sumbangan (grant) dari kerajaan pusat MAIN adalah beberapa contoh kedinamikan dalam menguruskan dana/KW. Oleh itu, bagi memberikan gambaran yang saksama dan benar, pengiktirafan PPE bagi WZB adalah dicadangkan tambahan perenggan seperti berikut:

No.	Keterangan	Cadangan	Huraian
1.	Bagi PPE yang dibangunkan atau diperolehi menggunakan dana samada daripada Kumpulan Wang (KW) Wakaf, Zakat atau Baitulmal, kos PPE tersebut hendaklah diiktiraf di dalam KW berkaitan.	Tambahkan perenggan	<p>Penubuhan pelbagai diwan semasa pemerintahan Umar (RA) bagi tujuan pengurusan dan supaya tiada percampuran diantara harta awam atau harta persendirian pemimpin. Pengiktirafan PPE di dalam KW tertentu membolehkan pengurusan PPE tersebut mengikut hukum yang telah ditetapkan oleh Shariah.</p> <p><u>Contoh:</u> Untuk kos PPE di atas tanah wakaf yang telah dibangunkan melalui dana selain KW Wakaf (KW Zakat atau Baitulmal), kos PPE tersebut perlu diiktiraf didalam KW dari dana ia dibangunkan, dan bukan di dalam KW Wakaf.</p>

8.2.1.2 Klasifikasi Tanah Anugerah Kerajaan

Dalam dapatan kajian ini, di dapati beberapa MAIN menerima hartanah anugerah daripada kerajaan samada kerajaan pusat atau kerajaan negeri untuk kegunaan MAIN mengikut keperluan MAIN berkenaan untuk mencapai objektif organisasi. Hartanah ini dianugerahkan oleh kerajaan kepada MAIN tertakluk kepada masa tempoh penggunaan terhad (Contoh – tempoh penggunaan selama 99 tahun). Walaubagaimanapun, amalan perakaunan semasa MAIN mengkelaskan hartanah *anugerah kerajaan* tersebut sebagai ‘harta pajakan’.

No.	Keterangan	Cadangan	Huraian
1.	<u>Klasifikasi PPE</u> Hartanah <i>anugerah kerajaan</i> perlu di kelaskan dan di laporkan sebagai ‘hartanah anugerah kerajaan’ dan bukan ‘Tanah pajakan’. Untuk harta anugerah kerajaan yang bertempoh dicadangkan dikelaskan sebagai ‘harta anugerah kerajaan-sementara’, dan untuk hartanah anugerah kerajaan yang kekal boleh dikelaskan dan dilaporkan demikian. Harta anugerah ini bukan harta pajakan mengikut MPSAS 13.	Tambahkan perenggan (selepas perenggan 20)	Pengunaan terma ‘pajakan’ untuk hartanah atau aset ini adalah di dapati sebagai kurang tepat kerana ianya memberi gambaran bahawa aset ini ialah aset pajakan yang perlu di akaunkan mengikut piawaian pajakan (MPSAS 13). <u>Contoh:</u> Mengikut dapatan kajian, hartanah anugerah kerajaan dengan tempoh 99 tahun pajakan dilaporkan sebagai ‘tanah pajakan’ atau ‘bangunan pajakan’ atau terma yang biasa digunakan oleh pegawai MAIN adalah ‘hartanah pajakan negeri’ untuk tanah anugerah kerajaan bertempoh tersebut.

8.2.1.3 Aset KW Zakat Khusus untuk Asnaf

Hukum asas wang kutipan zakat ialah ianya hendaklah di agihkan kepada asnaf yang telah ditetapkan sepertimana yang telah dinyatakan di dalam Al Qur'an (At –Taubah: ayat 60):

انَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَامِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَارِمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ طَفْرِيضَةً مِنَ اللَّهِ قُلِّ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ

Maksudnya: “*Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.*”

Berdasarkan ayat ini juga, telah difatwakan bahawa wang kutipan zakat tidak boleh di gunakan untuk tujuan lain seperti pelaburan hartanah atau seumpamanya kerana pemilikan zakat adalah keatas asnaf yang telah ditetapkan. Walaubagaimanapun terdapat pendapat yang mengharuskan wang zakat digunakan untuk tujuan pelaburan sekiranya ianya mengekalkan harta zakat tersebut dan keuntungan dari pelaburan tersebut diberikan kepada golongan asnaf zakat (rujuk Majlis Majma' al-Fiqh al-Islami kali ke-3 yang telah bersidang pada tahun 1986 di ‘Amman , Jordan)². Juga sekiranya pelaburan dana zakat adalah untuk tujuan fi sabilillah seperti yang disebut oleh Al-Imam al-Nawawi Rahimahullah: “*Bagi imam (pemimpin) itu beberapa pilihan; dia boleh untuk membeli kuda dan senjata untuk mereka yang berperang dan dijadikan sebagai milik mereka. Ataupun disewakan sebagai tunggangan. Ataupun dia membeli kuda lalu diwakafkan fi sabilillah, maka dipinjamkan ketika waktu diperlukannya setelah selesai, maka dipulangkannya semula*”. (Lihat **Raudhah al-Talibin wa ‘Umdah al-Muftiin**, 2/327).

Di Malaysia, terdapat beberapa MAIN melalui Majlis Fatwa negeri masing-masing telah menfatwakan keharusan menggunakan dana zakat dalam pelaburan dengan bersyarat. Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) telah mengharuskan penggunaan duit zakat yang berlebihan atas *masalah ammah* (rujuk Fatwa yang di keluarkan pada 19 November 2002). Begitu juga dengan Majlis Agama Islam Perlis telah mengharuskan pelaburan dana zakat untuk masalah

² <http://www.muftiwp.gov.my/index.php/ms-my/perkhidmatan/irsyad-fatwa/626-irsyad-al-fatwa-ke-105-adakah-dibolehkan-untuk-harta-zakat-diwakafkan>

yang dikembalikan kepada asnaf (Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis Kali Ke-18/2015 Tarikh: 22-23 April 2015 / 3-4 Rejab 1436h). MAIWP juga melaksanakan pelaburan keatas dana zakat yang berlebihan untuk diserahkan semula kepada asnaf. Melihat kepada kedinamikan fatwa yang dikeluarkan mengenai pelaburan dana zakat, kami berpandangan piawaian perakaunan Islam WZB perlu memberi fleksibiliti dengan mengadakan piawaian bagi kategori aset yang diperolehi menggunakan dana zakat berlebihan ini seperti berikut:

No.	Keterangan	Cadangan	Huraian
1.	<p><u>Harta KW Zakat Khusus untuk Asnaf</u> Harta PPE yang diperolehi menggunakan dana zakat dan telah di fatwakan oleh Majlis Fatwa Negeri masing-masing bolehlah diiktiraf didalam KW Zakat sekiranya memenuhi takrif dan kriteria pengiktirafan bagi hartanah, loji dan peralatan. Perolehan aset ini adalah menggunakan dana KW Zakat yang akan digunakan sepenuhnya oleh asnaf yang telah ditetapkan oleh MAIN atau pentadbir zakat (<i>amil</i>). Tempoh asnaf menerima manfaat dari aset berkenaan adalah mengikut apa yang ditetapkan oleh <i>amil</i>. Keperluan pendedahan dalam perenggan 88-94 memerlukan entiti <i>amil</i> (KW Zakat) membuat pendedahan tentang aset yang diiktiraf. Oleh itu, entiti <i>amil</i> (KW Zakat) yang mengiktiraf aset dikehendaki mendedahkan perkara berhubung dengan aset tersebut seperti, contohnya: (a) Asas pengukuran yang digunakan; (b) Kaedah susut nilai yang digunakan, jika ada; (c) Amaun bawaan kasar; (d) Susut nilai terkumpul pada akhir tempoh, jika ada; dan (e) Penyelarasan amaun bawaan pada awal dan akhir tempoh yang menunjukkan komponen tertentu daripadanya.</p>	<p>Tambahan seksyen khusus sepertimana seksyen khusus untuk Harta Warisan</p>	<p>Huraian adalah seperti di atas. <u>Contoh:</u> Pembinaan bangunan menggunakan dana zakat dan bangunan tersebut di gunakan khusus oleh <i>muallaf</i> untuk tujuan pendidikan (<i>fi sabilillah</i>)</p>

8.2.2 Pengukuran

8.2.2.1 Pengukuran pada Pengiktirafan - Unsur-unsur kos

Sebagai tambahan kepada piawaian seperti yang dinyatakan dalam MPSAS 17 untuk PPE, berikut adalah cadangan piawaian berkaitan kos untuk PPE:

No.	Keterangan	Cadangan	Huraian
1.	(d) Di samping itu, kos aset yang diperoleh atau aset yang dibina sendiri harus mengambilkira kos optimum di bawah operasi biasa. Sebarang kos berlebihan daripada kos optimum operasi biasa harus dikecualikan daripada kos aset dan dianggap sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana ia berlaku dan perlu diiktiraf di bawah dana KW WZB berkaitan.	Tambahan item (perenggan 30)	Daripada perspektif Shariah, ia boleh dikaitkan dengan kaedah fiqh ‘Tindakan pihak yang berkuasa perlu mengambilkira kepentingan masyarakat umum’ (التصرف على الرعية منوط بالمصلحة)

Piawaian di atas dicadangkan untuk melaksanakan prinsip Shariah dalam memaksimumkan pengagihan zakat kepada *asnaf* dan penerima Wakaf, di mana bahagian amil atau pemegang amanah harus diminimumkan serta mengiktiraf pentingnya institusi WZB supaya beroperasi pada tahap yang optimum (terbaik). Oleh yang demikian, sama seperti apa yang dilakukan terhadap kerugian yang tidak normal (contoh: MPSAS untuk Inventori) iaitu dianggap sebagai perbelanjaan untuk tempoh tersebut, kos yang berlebihan di atas kos pembelian atau pembinaan aset harus dianggap sebagai perbelanjaan untuk tempoh tersebut. Ini adalah selari dengan prinsip untuk memaksimumkan pengagihan dana kepada *asnaf* zakat dan penerima wakaf.

8.2.2.2 Pengukuran Kos

Bagi perenggan 37, MPSAS PPE, pengeditan diperlukan untuk penggunaan istilah 'interest' yang diiktiraf sepanjang tempoh perlu diganti dengan 'perkongsian untung' untuk memastikan piawaian itu konsisten dengan pematuhan Shariah. Cadangan penyuntingan adalah seperti berikut:

No.	Cadangan	Status	Huraian
1.	Kos sesuatu item hartanah, loji dan peralatan adalah pada kesetaraan harga tunai atau, bagi item yang disebut dalam perenggan 27, nilai saksama pada tarikh pengiktirafan. Sekiranya bayaran ditunda di luar syarat kredit biasa, perbezaan antara harga tunai dan jumlah pembayaran adalah diiktiraf sebagai <u>keuntungan</u> sepanjang tempoh kredit, melainkan keuntungan tersebut diiktiraf sebagai nilai bawaan item	Ubahsuai Perenggan 37	Pematuhan Shariah – konsep faedah yang diharamkan dalam Islam.
2.	Satu atau lebih item hartanah, loji dan peralatan boleh diperolehi sebagai pertukaran untuk aset atau aset bukan kewangan, atau gabungan aset kewangan dan bukan kewangan. Kos hartanah, loji dan peralatan bagi <u>Wakaf, Zakat dan Baitulmal</u> diukur pada nilai saksama melainkan: (a) Transaksi pertukaran mempunyai kurang nilai komersial; atau (b) Nilai saksama samada aset yang diterima atau aset yang diberikan adalah tidak boleh diukur dengan tepat.	Ubahsuai Perenggan 38	Bagi perenggan 38, sedikit semakan perlu dibuat untuk memasukkan perkataan Wakaf, Zakat dan Baitulmal. <u>Contoh:</u> Jenis-jenis aset yang kurang mempunyai nilai komersial dan perlu diukur pada nilai nominal seperti tanah kubur, bangunan dan tanah masjid. Aset-aset ini perlu diukur pada nilai nominal.

8.2.2.3 Penyahiktirafan

Sepertimana yang dinyatakan di perenggan 84 MPSAS 17, pelupusan item PPE boleh dilakukan dalam pelbagai cara (contohnya, melalui jualan, melalui pajakan kewangan ataupun melalui derma). Walaubagaimanapun untuk aset wakaf, penyahiktirafan boleh berlaku apabila berlakunya *istibdal* (pertukaran)³. Walaupun pada dasarnya Mazhab Syafi'e tidak membenarkan *istibdal* kerana pemilikan aset wakaf 'terhenti' selepas pewakafan, pendekatan

³ Istibdal ialah melakukan penukaran harta wakaf dengan cara menjual harta wakaf dan hasil jualan tersebut digunakan untuk membeli harta wakaf yang lain sebagai ganti.

semasa telah mengharuskan dengan merujuk kepada Mazhab Hanbali. Contohnya Fatwa di negeri Kelantan pada tahun 1995 telah menyatakan dengan jelas bahwa *istibdal* harta wakaf adalah dibenarkan iaitu dengan menggunakan mazhab Hanbali. Fatwa yang sama dikeluarkan di Wilayah Persekutuan iaitu pada tahun 1993 dan Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-41 yang bersidang pada 3-4 Nov 1996 telah membincangkan langkah-langkah membangunkan hartanah wakaf MAIN dan mencadangkan penggunaan mekanisma *istibdal* untuk tujuan pembangunan aset wakaf.

Selaras dengan perkembangan ini adalah dicadangkan supaya piawaian perakaunan Islam bagi PPE mengambilkira konsep *istibdal* sebagai salah satu cara pelupusan. Untuk tujuan *istibdal*, PPE yang berkaitan atau lebih spesifik adalah harta tak alih iaitu tanah dan bangunan hendaklah dibuat penilaian untuk mendapatkan nilai saksama. Ini adalah bagi mendapatkan petunjuk untuk nilai harta pertukaran atau pertimbangan tunai (*cash consideration*) sekiranya aset baru belum dapat ditentukan. Perenggan berkaitan penyahiktirafan boleh digunakan untuk tujuan pengakaunan *istibdal* dengan pengubahsuaian berikut:

No.	Cadangan	Status	Huraian
1.	Pelupusan item hartanah, loji dan peralatan boleh dilakukan dalam pelbagai cara (contohnya, melalui jualan, melalui pajakan kewangan, <i>istibdal</i> aset wakaf ataupun melalui derma).	Ubahsuai – perenggan 84 – tambahan frasa ‘ <i>istibdal</i> aset wakaf’	Sepertimana huraian diatas.
2.	Pertimbangan tunai <i>istibdal</i> hendaklah direkod sebagai tanggungan KW Wakaf sehingga ianya ditukar kepada aset tak alih dan bukan sebagai hasil jualan.	Tambahan perenggan – 84A	<i>Istibdal</i> mengkehendaki penggantian aset yang dilupuskan dengan aset yang sama nilai. Sehingga pertimbangan tunai di tukarkan kepada aset berkenaan, pertimbangan tunai adalah merupakan salah satu tanggungan pemegang amanah (MAIN).

8.2.3 Pendedahan Maklumat

Berikutan cadangan bahawa aset-aset WZB perlu diiktiraf mengikut punca dana (rujuk seksyen 8.2.1.1), cadangan perubahan terhadap piawaian bagi pendedahan aset adalah seperti berikut:

No.	Cadangan	Status	Huraian
1.	(e) Status pemilikan dan kawalan setiap aset di bawah MAIN bagi setiap dana (Kumpulan Wang).	Tambahan item (perenggan 88 – selepas item (d))	"Pendedahan berhierarki (hierarchical disclosure) perlu diambil kira oleh MAIN mengikut masalah ummah." Ia bermaksud, di atas kemaslahatan umat Islam, MAIN berhak menyediakan maklumat yang berasingan untuk pendedahan umum serta pendedahan kepada pihak-pihak yang tertentu.
2.	(e) (iii) <i>Istibdal</i> – tambahan dan pelupusan	Tambahan item (perenggan 88 – (e) (iii))	

Selain itu, perlu diakui kepentingan mendedahkan butiran pemilikan dan kawalan bagi setiap aset WZB. Walau bagaimanapun, adalah diakui bahawa pendedahan aset di bawah anugerah kerajaan harus tertakluk kepada "Pendedahan berhierarki perlu diambil kira oleh MAIN mengikut masalah ummah." Sebagai contoh, maklumat... ini disebut dalam kaedah fiqh 'Tindakan pihak yang berkuasa perlu mengambil kira kepentingan masyarakat umum' (التصرف على الرعية منوط بالمصلحة).

8.3 CADANGAN PIAWAIAN PERAKAUNAN: HARTANAH PELABURAN (MPSAS 16)

8.3.1 Pengiktirafan Hartanah Pelaburan

Untuk kriteria pengiktirafan Hartanah Pelaburan (IP) WZB, adalah disarankan agar kriteria tambahan dimasukkan untuk pengiktirafan aset seperti:

No.	Keterangan	Cadangan	Huraian
1.	(c) apabila MAIN menjadi pemegang amanah efektif (effective trustee) atau pemilikan aset dipindahkan ke MAIN.	Tambahan item (Perenggan 14)	‘Prinsip/kaedah umum fiqh yang mengesahkan sesuatu kontrak adalah persetujuan dari kedua belah pihak dan syarat yang efektif adalah apa yang dipersetujui bersama’ (الأصل في العقود رضا المتعاقدين وموجبها ما أوجباه على أنفسهما بالتعاقد)

8.3.1.1 Klasifikasi Hartanah Pelaburan menurut dana-dana WZB

Pengklasifikasian IP adalah dicadangkan mengikut sumber dana yang mana IP dibiayai dan dikembangkan sepertimana hujah yang dikemukakan untuk PPE. Berikut adalah cadangan untuk pembangunan piawaian IP:

No.	Keterangan	Cadangan	Huraian
1.	Bagi IP yang dibangunkan atau diperolehi menggunakan dana samada daripada Kumpulan Wang (KW) Wakaf, Zakat atau Baitulmal, kos IP tersebut hendaklah diiktiraf di dalam KW berkaitan.	Tambahan perenggan	Penubuhan pelbagai diwan semasa pemerintahan Umar (RA) bagi tujuan pengurusan dan supaya tiada percampuran diantara harta awam atau harta persendirian pemimpin. Pengiktirafan IP di dalam KW tertentu membolehkan pengurusan IP tersebut mengikut hukum yang telah ditetapkan oleh Shariah. Ia juga adalah selari dengan kaedah fiqh ‘Keperluan asas dalam setiap kontrak adalah keadilan’ (الأصل في جميع العقود العدل). <u>Contoh:</u> Untuk kos IP di atas tanah wakaf yang telah dibangunkan melalui dana selain KW Wakaf (KW Zakat atau Baitulmal), kos IP tersebut perlu diiktiraf didalam KW dari dana ia dibangunkan, dan bukan di dalam KW Wakaf.

Piawaian yang dicadangkan di atas selaras dengan prosedur di bawah perakaunan dana, yang mengiktiraf dana sebagai satu entiti perakaunan.

8.3.2 Pengukuran

8.3.2.1 Pengukuran pada Pengiktirafan - Unsur-unsur kos

Tambahan kepada piawaian seperti yang dinyatakan dalam MPSAS 16 untuk IP, piawaian cadangan berikut dicadangkan berkaitan dengan unsur-unsur kos untuk IP:

No.	Keterangan	Cadangan	Huraian
1.	(d) Di samping itu, kos aset yang diperoleh atau aset yang dibina sendiri harus mengambilkira kos optimum di bawah operasi biasa. Sebarang kos berlebihan daripada kos optimum operasi biasa harus dikecualikan daripada kos aset dan dianggap sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana ia berlaku dan perlu diiktiraf di bawah dana KW WZB berkaitan.	Tambahan item (perenggan 30)	Daripada perspektif Shariah, ia boleh dikaitkan dengan kaedah fiqh ‘Tindakan pihak yang berkuasa perlu mengambil kira kepentingan masyarakat umum’ (التصرف على الرعية منوط بالمصلحة).

Piawaian di atas dicadangkan untuk melaksanakan prinsip Shariah dalam memaksimumkan pengagihan zakat kepada *asnaf* dan penerima wakaf, di mana bahagian amil atau pemegang amanah harus diminimumkan serta mengiktiraf pentingnya institusi WZB supaya beroperasi pada tahap yang optimum (terbaik). Oleh yang demikian, sama seperti apa yang dilakukan terhadap kerugian yang tidak normal (contoh: MPSAS untuk Inventori) iaitu dianggap sebagai perbelanjaan untuk tempoh tersebut, kos yang berlebihan di atas kos pembelian atau pembinaan aset harus dianggap sebagai perbelanjaan untuk tempoh tersebut. Ini adalah selari dengan prinsip untuk memaksimumkan pengagihan dana kepada *asnaf* zakat dan penerima wakaf.

Juga, adalah dicadangkan perenggan 34 MPSAS 16 bagi IP berkenaan dengan tindakan perakaunan untuk mengiktiraf IP sebagai aset yang berkaitan dengan pajakan kewangan untuk dihapuskan. Perenggan ini tidak relevan kerana aset WZB harus diambilkira hanya sebagai pajakan operasi. Aset-aset WZB tidak menepati definisi pajakan kewangan kerana pemindahan pemilikan untuk pajakan tidak dapat dilaksanakan. Maka, pemansuhan perenggan 34 di bawah adalah dicadangkan:

No.	Keterangan	Cadangan	Huraian
1.	The initial cost of a property interest held under a lease and classified as an investment property shall be as prescribed for a finance lease by paragraph 28 of MPSAS 13, i.e., the asset shall be recognized at the lower of the fair value of the property and the present value of the minimum lease payments. An equivalent amount shall be recognized as a liability in accordance with that same paragraph.	Perenggan 34 digugurkan	
2.	Any premium paid for a lease is treated as part of the minimum lease payments for this purpose, and is therefore included in the cost of the asset, but is excluded from the liability. If a property interest held under a lease is classified as investment property, the item accounted for at fair value is that interest and not the underlying property. Guidance on determining the fair value of a property interest is set out for the fair value model in paragraphs 42-61. That guidance is also relevant to the determination of fair value when that value is used as cost for initial recognition purposes.	Perenggan 35 digugurkan	Daripada perspektif Shariah, ia boleh dikaitkan dengan kaedah fiqh yang dapat menyokong cadangan ini adalah ‘sesuatu perkara itu dilaksanakan adalah berdasarkan niat atau objektif’ (الأمر بمقاصدها).

Perenggan 35 juga dicadangkan untuk dimasukkan kerana ia meliputi pajakan kewangan.

8.3.2.2 Penyahiktirafan

Perenggan 78 MPSAS 16 dicadangkan diubahsuai dengan mengambilkira *istibdal* sebagai satu cara pelupusan aset PI seperti berikut:

No.	Cadangan	Status	Huraian
1.	Pelupusan harta pelaburan boleh dicapai melalui penjualan atau dengan memasukkan ke dalam kewangan pajakan. Bagi IP wakaf, pelupusan boleh berlaku melalui <i>istibdal</i> .	Ubahsuai – perenggan 78 – tambahan frasa	Sepertimana huraian <i>istibdal</i> untuk PPE
2.	Pertimbangan tunai <i>istibdal</i> hendaklah direkod sebagai tanggungan KW Wakaf sehingga ianya ditukar kepada aset tak alih dan bukan sebagai hasil jualan.	Tambahan perenggan – 78A	<i>Istibdal</i> mengkehendaki penggantian aset yang dilupuskan dengan aset yang sama. Sehingga pertimbangan tunai di tukarkan kepada aset berkenaan, pertimbangan tunai adalah merupakan salah satu tanggungan pemegang amanah.

8.3.3 Pendedahan Maklumat

Sebagai tambahan kepada keperluan pendedahan maklumat IP seperti yang dinyatakan dalam MPSAS 16 Harta Pelaburan, berikut adalah tambahan yang dicadangkan untuk pendedahan untuk dimasukkan dalam perenggan 86:

No.	Cadangan	Status	Huraian
1.	Butiran terma dan syarat kontrak pajakan untuk hartanah pelaburan harus didedahkan. Pendedahan syarat kontrak termasuk tempoh sewa, kadar sewa, dan perincian aset IP di bawah pajakan.	Tambahan item (perenggan 86 – selepas item (e))	Bertujuan untuk meningkat ketelusan maklumat mengenai IP. Walaubagaimanapun ia tertakluk kepada "Pendedahan berhierarki perlu diambil kira oleh MAIN mengikut masalah ummah" serta "Tindakan pihak yang berkuasa perlu mengambil kira kepentingan masyarakat umum" (التصرف على الرعية منوطاً بالمصلحة).

Walaupun bagaimanapun, pendedahan aset di bawah anugerah kerajaan harus tertakluk kepada "Pendedahan berhierarki perlu diambil kira oleh MAIN mengikut masalah ummah." Ia adalah selari dengan kaedah fiqh 'Keperluan asas dalam setiap kontrak adalah keadilan' (الأصل في جميع)

(العقود العدل) serta ‘Tindakan pihak yang berkuasa perlu mengambil kira kepentingan masyarakat umum’ (التصرف على الرعية منوط بالمصلحة).

8.4 CADANGAN PIAWAIAN PERAKAUNAN: INVENTORI (MPSAS 12)

8.4.1 Klasifikasi Inventori

Terdapat bahan dan bekalan untuk diagihkan kepada penerima zakat yang di kira sebagai perbelanjaan hangus walaupun terdapat baki belum agih di akhir tahun kewangan. Dicadangkan bahawa bahan dan bekalan belum agih tersebut dikelaskan sebagai ‘Inventori’ untuk Kumpulan Wang Zakat di perenggan 12 seperti berikut:

No.	Cadangan	Status	Huraian
1.	Alat bantuan modal asnaf khusus bagi KW Zakat	Tambahan item (perenggan 12 – selepas item (i))	Ini adalah selaras dengan definisi inventori dalam MPSAS 12 iaitu termasuk barangan yang dibeli atau dihasilkan oleh sesebuah entiti untuk diagihkan kepada pihak lain tanpa caj atau dengan caj nominal. <u>Contoh:</u> Agihan mesin jahit dan enjin bot kepada asnaf zakat. Alatan ini digunakan untuk tempoh tertentu oleh asnaf dan akan diserahkan semula kepada MAIN dan seterusnya diagihkan kepada asnaf lain sehingga akhir tempoh hayat ekonomi alatan berkenaan.

8.4.2 Pengukuran

Perenggan-perenggan berkaitan pengukuran seperti yang dinyatakan dalam MPSAS 12 untuk Inventori boleh diguna pakai terutamanya piawaian perenggan 17. Perenggan 17 menyarankan inventori diukur mengikut nilai lebih rendah antara kos dengan kos penggantian semasa ia di pegang untuk pengagihan tanpa caj atau dengan caj nominal seperti mana alat-alat bantuan asnaf zakat.

Bagi perenggan 27, pengubahsuaian diperlukan untuk penggunaan istilah 'interest' yang diiktiraf sepanjang tempoh perlu diganti dengan 'perkongsian untung' untuk memastikan piawaian itu konsisten dengan pematuhan Syariah. Cadangan penyuntingan adalah seperti berikut:

No.	Cadangan	Status	Huraian
1.	Sebuah entiti mungkin membeli inventori mengikut terma penyelesaian tertunda. Apabila penyusunan secara efektifnya mengandungi elemen pembiayaan, maka elemen itu, sebagai contoh, perbezaan antara harga pembelian untuk tempoh kredit biasa dengan amaun yang dibayar diiktiraf sebagai ' <u>perkongsian untung</u> ' sepanjang tempoh pembiayaan itu.	Ubahsuai Perenggan 27	Pematuhan Syariah – konsep faedah yang diharamkan dalam Islam. <i>“Dan Allah menghalalkan jualbeli dan mengharamkan riba” (Al Baqarah: 275)</i>

8.4.2 Pendedahan Maklumat

Berikut adalah cadangan tambahan item pendedahan untuk perenggan 47 seperti berikut:

No.	Cadangan	Status	Huraian
1.	Nilai inventori didedahkan mengikut penyata kewangan KW WZB berkaitan	Tambahan item (perenggan 47 – selepas item (f))	Cadangan ini berdasarkan keperluan Syariah untuk pendedahan harta KW berkaitan di dalam penyata kewangan KW berkaitan. <u>Contoh:</u> Inventori untuk KW Zakat hendaklah didedahkan didalam penyata kewangan KW selaras dengan keperluan perakaunan dana/KW.

8.5 CADANGAN PIAWAIAN PERAKAUNAN: PERTANIAN (MPSAS 27)

Secara umumnya, beberapa MAIN ada aktiviti yang berkaitan dengan pertanian. Contohnya, MUIP terlibat secara langsung di dalam aktiviti perladangan kelapa sawit melalui anak syarikatnya, MUIP Plantations Sdn. Bhd. Di antara empat MAIN di dalam Zon 3, MUIP adalah satu-satunya MAIN yang merekodkan aset perladangan di dalam penyata kewangannya. MAIK juga terlibat di dalam aktiviti perladangan kelapa sawit di mana ia memajakkan tanah miliknya kepada syarikat perladangan kelapa sawit. Oleh itu, terdapat potensi yang besar bagi

MAIN untuk merekodkan hartanah perladangan di dalam penyata kewangan mereka. Sebagai contohnya, nilai bersih aset biologi bagi MUIP dan Kumpulan pada 31 Disember 2016 adalah sebanyak RM9,801,652 bagi ladang kelapa sawit dan RM4,135,753 bagi ladang getah.

Seksyen berikutnya akan membincangkan dengan lebih mendalam cadangan piawaian Islam berkaitan aset pertanian. Perenggan-perenggan utama di dalam MPSAS 27 (Pertanian) akan disemak. Sekiranya perenggan tersebut bersesuaian dengan prinsip aset Wakaf, Zakat dan Baitulmal, perenggan tersebut boleh digunapakai dan dikekalkan. Sekiranya terdapat keperluan untuk diubahsuai supaya ianya bertetapan dengan prinsip Shariah, pengubahsuaian akan dilakukan. Sekiranya perenggan tersebut bercanggah dengan prinsip Shariah, ianya akan dikeluarkan.

8.5.1 Pengiktirafan

8.5.1.1 Definisi

Dari segi definisi, penggunaan definisi di dalam perenggan 2 daripada MPSAS 27 boleh diterima dan digunapakai untuk aset Wakaf dan Baitulmal. Walaubagaimanapun, penggunaan istilah aset pertanian berkemungkinan besar tidak relevan untuk aktiviti zakat memandangkan kepada situasi semasa pengurusan zakat. Mengikut definisi harta tradisi di dalam pengurusan zakat, memang terdapat zakat binatang ternakan dan zakat pertanian di mana pembayaran zakat boleh dilakukan di dalam bentuk harta itu sendiri. Terdapat dua pandangan ulama' terhadap pembayaran zakat ini. Kumpulan yang pertama tidak membenarkan pembayaran zakat dilakukan di atas nilai harta yang dikenakan. Ini bermaksud pembayaran zakat hanyalah boleh dilakukan di dalam bentuk harta itu sendiri. Sebagai contoh, Al Juwaini, seorang ulama Syafi'i berpendapat bahawa zakat adalah salah satu ibadah yang mesti dilakukan dengan tepat seperti yang kita diperintahkan, kerana hanya Allah yang tahu dengan sebaik-baiknya cara Dia ingin disembah. Zakat adalah seperti solat. Tidak ada yang boleh membuat perubahan dalam format atau urutan solat, dan dengan tanda yang sama, tidak ada yang dapat membayar wang ketika ucapan menyatakan membayar unta atau biri-biri betina.⁴

Di satu kumpulan ulama' yang lain, mereka membenarkan pembayaran zakat di atas nilai harta yang dikenakan zakat dan pembayaran boleh dibuat di dalam bentuk wang. Contohnya, Sa'id bin Mansur melaporkan di dalam *Sunan* that 'Ata mengatakan bahawa 'Umar bin al

⁴ *Al-Majmu'*, Vol. 5, pp. 430.

Khattab ada menerima wang sebagai *sadaqah* di atas harta perniagaan.⁵ Melihat kepada perkembangan semasa pengurusan zakat di Malaysia, pembayaran zakat lazimnya dilakukan di dalam bentuk wang. Oleh itu, kami membuat kesimpulan, bahawa pengiktirafan aset pertanian adalah tidak relevan kepada aktiviti zakat.

8.5.1.2 Pengkelasan Aset Biologi

Piawaian sepertimana yang dinyatakan dalam MPSAS 27 untuk Pertanian boleh digunakan oleh MAIN untuk tujuan pengakaunan aset biologi yang diperolehi menggunakan dana WZB. Walaubagaimanapun, sepertimana PPE, aset biologi harus diakaunkan keatas dana/KW yang digunakan untuk membiayai perolehan aset biologi berkenaan. Bagi tujuan pembangunan piawaian WZB, berikut adalah cadangan pengkelasan aset biologi:

No.	Keterangan	Cadangan	Huraian
1.	Untuk aset biologi yang diperolehi menggunakan dana KW WZB, kos aset biologi tersebut diiktiraf di dalam KW dana/KW pembiaya.	Tambahan perenggan	<p>Penubuhan pelbagai diwan semasa pemerintahan Umar (RA) bagi tujuan pengurusan dan supaya tiada percampuran diantara harta awam atau harta persendirian pemimpin. Pengiktirafan aset biologi di dalam KW tertentu membolehkan pengurusan aset biologi tersebut mengikut hukum yang telah ditetapkan oleh Shariah. Ia juga adalah selari dengan kaedah fiqh ‘Keperluan asas dalam setiap kontrak adalah keadilan’ (الأصل في جميع العقود العدل).</p> <p><u>Contoh:</u> Untuk kos aset biologi di atas tanah wakaf yang ianya dibangunkan melalui dana selain KW Wakaf (i.e. KW Zakat atau Baitulmal), kos hartanah tersebut perlu diiktiraf di dalam KW pembiaya dan bukan di dalam KW Wakaf.</p>

⁵ *Al-Mughni*, Vol. 3, pp. 65.

8.5.1.3 Pemilikan atau pemegang amanah tunggal

Satu daripada kriteria pengiktirafan yang dinyatakan didalam MPSAS 27 perlu diubahsuai untuk menepati kehendak Shari'ah dan konsep Wakaf dan Baitulmal. Kami mencadangkan penambahan kepada kriteria berkenaan seperti berikut:

No.	Keterangan	Cadangan	Huraian
1.	MAIN atau entiti berkaitan perlu memiliki aset atau adalah pemegang amanah yang diberikan hak untuk mentadbir aset tersebut	Tambahan klausa – Perenggan 13	Selaras dengan perenggan 13(a) yang menyatakan bahawa entiti perlu menguasai dan mempunyai kawalan ke atas aset tersebut hasil daripada transaksi yang lepas

8.6 CADANGAN PIAWAIAN PERAKAUNAN: ROSOT NILAI (MPSAS 21 DAN MPSAS 26)

Bahagian cadangan piawaian bagi rosotnilai ini akan membincangkan kedua-kedua piawaian yang berkait dengan rosotnilai iaitu bagi aset penjanaaan bukan tunai (MPSAS 21) dan bagi asset penjanaaan tunai (MPSAS 26). Ini adalah kerana terdapat persamaan perbincangan mengenai konsep rosot nilai dari pespektif Islam.

8.6.1 Piawaian Perakaunan Islam bagi Rosot Nilai

Secara umumnya konsep rosot nilai tidak bercanggah dengan prinsip pengukuran nilai aset dalam Shariah. Konsep rosot nilai boleh digunapakai di dalam pengukuran aset-aset berkaitan wakaf, zakat dan baitulmal. Contohnya, bangunan dan tanah wakaf boleh berkurangan dari segi nilainya sekiranya terdapat kejadian yang mengurangkan nilai aset wakaf tersebut seperti kebakaran bangunan wakaf atau banjir teruk yang merosakkan tanah wakaf tersebut. Dengan yang demikian, kami berpendapat konsep rosot nilai tidak bercanggah dengan prinsip Shariah.

Tambahan pula, di dalam Islam, prinsip Shariah sentiasa menekankan pengukuran yang adil dan saksama sepertimana yang ditegaskan dalam ayat Al Qur'an kepentingan kaedah pengukuran yang tepat. Contoh firman Allah di dalam ayat (Al An'aam 6:152)

وَلَا تَقْرَبُوا مَالَ الْيَتِيمِ إِلَّا بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ حَتَّىٰ يَبْلُغَ أَشُدَّهُ ۗ وَأَوْفُوا
 الْكَيْلَ وَالْمِيزَانَ بِالْقِسْطِ ۗ لَا نُكَلِّفُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا ۗ وَإِذَا قُلْتُمْ فَاعْدِلُوا
 وَلَوْ كَانَ ذَا قُرْبَىٰ ۗ وَبِعَهْدِ اللَّهِ أَوْفُوا ذَٰلِكُمْ وَصَدِّكُمْ بِهِ لَعَلَّكُمْ

تَذَكَّرُونَ ﴿١٥٢﴾

Maksud: “Dan jangan kamu hampiri harta anak yatim melainkan dengan cara yang baik (untuk mengawal dan mengembangkannya), sehingga ia baligh (dewasa, serta layak mengurus hartanya sendiri); dan sempurnakanlah segala sukatan dan timbangan dengan adil. Kami tidak memberatkan seseorang dengan kewajiban melainkan sekadar kesanggupannya dan apabila kamu mengatakan sesuatu (semasa membuat apa-apa keterangan) maka hendaklah kamu berlaku adil, sekalipun orang itu ada hubungan kerabat (dengan kamu); dan perjanjian (perintah-perintah) Allah hendaklah kamu sempurnakan. Dengan demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu beringat (mematuhiNya)”

Di dalam ayat yang lain, Allah berfirman (Hud 11:84-85) mengenai perintah berlaku adil dan saksama dalam urusan muamalah seperti berikut:

﴿وَالِى مَدْيَنَ أَخَاهُمْ شُعَيْبًا قَالَ يَنِقْضُوا مِعَادَاتِى بِاللَّهِ
 مَا لَكُمْ مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُ ۗ وَلَا تَنْقُضُوا الْمِكْيَالَ وَالْمِيزَانَ
 إِنِّىٓ أَرٰنَكُمْ بِخَيْرٍ وَإِنِّىٓ أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمٍ مُّحِيطٍ﴾

﴿٨٤﴾

﴿وَيَنِقْضُوا مِعَادَاتِى بِاللَّهِ مَا لَكُمْ مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُ ۗ وَلَا تَنْقُضُوا الْمِكْيَالَ وَالْمِيزَانَ
 إِنِّىٓ أَرٰنَكُمْ بِخَيْرٍ وَإِنِّىٓ أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمٍ مُّحِيطٍ﴾

﴿٨٥﴾

Maksud: Dan kepada penduduk ‘Madyan’ Kami utuskan saudara mereka Nabi Syuaib. Ia berkata: “Wahai Kaumku! Sembahlah kamu akan Allah!

(Sebenarnya) tiada Tuhan bagi kamu selain daripadaNya. Dan janganlah kamu mengurangi sukatan dan timbangan. Sesungguhnya aku melihat kamu berada dalam kemewahan; dan sesungguhnya aku bimbang kamu akan ditimpa azab hari yang meliputi. Dan wahai kaumku! Sempurnakanlah sukatan dan timbangan dengan adil dan janganlah kamu kurangkan manusia akan benda-benda yang menjadi haknya, dan janganlah kamu merebakkan bencana kerosakan di muka bumi.”

Berdasarkan kepada ayat-ayat al-Qur'an yang telah dinyatakan di atas, bolehlah dibuat kesimpulan bahawa Islam menekankan kepada pengukuran yang adil dan saksama. Sekiranya nilai aset berkurangan disebabkan oleh sesuatu perkara yang telah berlaku, maka nilai aset tersebut perlu dinyatakan pada nilai semasa.

Seksyen berikutnya akan membincangkan dengan lebih mendalam cadangan piawaian Islam berkaitan rosot nilai aset penajaan tunai dan aset penajaan bukan tunai.

8.6.2 Rosot Nilai Bagi Aset Penajaan Bukan Tunai (MPSAS 21)

Perenggan 26 daripada MPSAS 21 menyatakan dengan jelas bahawa sekiranya terdapat petunjuk bahawa nilai aset berkurangan, aset tersebut perlu dinilai semula pada “recoverable amount”. Memandangkan aset tersebut ialah aset penajaan bukan tunai nilai “recoverable amount” perlu dinilai pada “recoverable service amount”. Berikut adalah cadangan untuk perenggan 26 dan 26A bagi MPSAS 21:

No.	Keterangan	Cadangan	Huraian
1.	<p>Entiti hendaklah menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang indikasi bahawa aset mungkin terjejas. Sekiranya ada petunjuk sedemikian, entiti itu akan menganggarkan jumlah perkhidmatan yang dapat diperolehi semula aset tersebut.</p> <p>(An entity shall assess at each reporting date whether there is any indication that an asset may be impaired. If any such indication exists, the entity shall estimate the recoverable service amount of the asset.)</p>	Dikekalkan – perenggan 26	<p>Perenggan 26 relevan dengan aset-aset wakaf, zakat dan baitulmal. Bagi aktiviti zakat, kami merasakan ianya juga bersesuaian berdasarkan kepada aktiviti semasa institusi zakat.</p> <p><u>Contoh:</u> Perkembangan semasa menunjukkan institusi zakat melaburkan duit zakat dengan pembelian aset sebagai kaedah pengagihan wang zakat. Kaedah ini dikenali sebagai pengagihan manfaat. Contoh pembelian aset sebagai kaedah pengagihan manfaat adalah seperti enjin bot, van dan mesin.</p>
2.	<p>Irrespective of whether there is any indication of impairment, an entity shall also test an intangible asset with an indefinite useful life or an intangible asset not yet available for use for impairment annually by comparing its carrying amount with its recoverable service amount. This impairment test may be performed at any time during the reporting period, provided it is performed at the same time every year. Different intangible assets may be tested for impairment at different times. However, if such an intangible asset was initially recognized during the current reporting period, that intangible asset shall be tested for impairment before the end of the current reporting period. <u>This clause is not applicable to assets acquired using Wakaf and Zakat funds.</u></p>	Diubahsuai – perenggan 26A (penambahan klausa)	<p>Perenggan 26A menuntut ujian ke atas “intangible asset with indefinite useful lives” setiap tahun tanpa mengambilkira sama ada terdapat petunjuk atau tidak bagi rosot nilai. “Intangible asset with indefinite useful lives” hanya relevan untuk aktiviti Baitulmal.</p> <p>Berdasarkan kepada amalan perakaunan semasa dan perbincangan bersama pegawai dan akauntan Majlis Agama Islam Negeri, aset seperti di atas selalunya direkodkan oleh syarikat subsidiary MAIN. Oleh itu, kami membuat kesimpulan bahawa perenggan 26A adalah tidak relevan untuk aktiviti Wakaf dan Zakat.</p> <p><u>Contoh:</u> Aset muhibah.</p>

8.6.2.1 *Petunjuk rosot nilai*

Perenggan 27 menerangkan petunjuk yang boleh digunakan untuk melakukan ujian rosot nilai. Terdapat dua petunjuk daripada maklumat luaran dan dua petunjuk daripada maklumat dalaman. Petunjuk daripada maklumat luaran adalah seperti berikut:

- (a) Pemberhentian, atau hampir berhenti, permintaan atau keperluan untuk perkhidmatan yang disediakan oleh aset itu;
- (b) Perubahan jangka panjang yang ketara dengan kesan buruk terhadap entiti telah berlaku dalam tempoh tersebut, atau akan berlaku dalam masa terdekat, dalam persekitaran dasar teknologi, undang-undang atau kerajaan di mana entiti beroperasi.

Manakala, petunjuk daripada maklumat dalaman adalah seperti berikut:

- (c) Bukti terdapat kerosakan fizikal aset;
- (d) Perubahan jangka panjang yang ketara dengan kesan buruk terhadap entiti telah berlaku dalam tempoh tersebut, atau dijangka berlaku dalam masa terdekat, sejauh mana, atau cara di mana aset digunakan atau dijangka akan digunakan. Perubahan ini termasuk aset yang menjadi idle, merancang untuk menghentikan atau menyusun semula operasi yang mana aset dimiliki, atau merancang untuk melupuskan aset sebelum tarikh yang dijangkakan sebelumnya.
- (e) Keputusan untuk menghentikan pembinaan aset sebelum ia selesai atau dalam keadaan yang boleh digunakan; dan
- (f) Keterangan boleh didapati daripada pelaporan dalaman yang menunjukkan bahawa prestasi perkhidmatan sesuatu aset, atau akan, jauh lebih teruk daripada yang dijangkakan

Kami berpandangan bahawa petunjuk bagi rosot nilai bagi rosot nilai yang hendak dibangunkan hendaklah petunjuk yang objektif dan nyata. Ini adalah untuk mengelakkan daripada petunjuk yang complicated dan meragukan. Di antara prinsip Syariah yang penting dan digunakan di dalam konsep Ekonomi Islam adalah pengelakkan keraguan yang berlebihan (*gharar fahish*). Berikut adalah sebahagian pendapat ulama' di dalam isu keraguan yang berlebihan.

Pandangan pertama adalah bahawa apa-apa balasan harta atau hak berdasarkan kebarangkalian masa depan adalah dilarang. Bukti yang menyokong pandangan ini adalah seperti berikut.

I. Salah satu objektif utama Shari'ah mengenai harta (*māl*) adalah untuk menjamin kepastian dan kestabilan (*thabāt*).

II. Di kalangan undang-undang Islam terkemuka yang menyatakan bahawa:

اليقين لا يزال بالشك

"Kepastian tidak diatasi dengan keraguan.

لا يثبت حكم الشيء قبل وجوده"

"Perkara tidak dianggap ada sebelum kewujudannya."

Pandangan kedua ialah, walaupun pencapaian kepastian adalah matlamat utama undang-undang Islam, ini tidak bermakna bahawa undang-undang Islam menolak kebarangkalian. Ini terbukti dari hakikat bahawa pertimbangan anggapan yang berlainan (*ghalabat al-zann* atau *al-zann al-rājiḥ*) dalam keputusan Shari'ah dan kejadian telah wujud sepanjang sejarah undang-undang Islam seperti berikut:

- Pertama, pertimbangan naratif bersendirian (*akhbār āḥād*) dalam membuat keputusan Syariah. Majoriti para ulama menganggap tahap pengetahuan tentang keaslian bahkan narasi-narasi tersebut dengan rantai penyampaian yang tulus dan tidak pasti, tetapi mereka tetap menganggapnya wajib menerima mereka sebagai bukti dalam isu-isu fiqh
- Kedua, terdapat keperluan untuk pertimbangan kebarangkalian (*zann* dan *ghalabat al-zann*) dalam membuat ijtihād
- Ketiganya, terdapat hukum Islam yang mendukung pertimbangan kebarangkalian, antara mereka:
 - تنزيل الاكتساب منزلة المال الحاضر
 - "Pengambilalihan masa depan diberikan keputusan hak milik sekarang."
 - ما قارب الشيء أعطي حكمه
 - "Sesuatu yang dekat dengan yang lain mengambil keputusannya."
 - العبرة للغالب الشائع لا للنادر
 - "Pertimbangan diberikan kepada yang dominan dan meluas, bukan yang jarang berlaku."
- Keempat, resolusi Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia, dalam mesyuarat ke-71 bertarikh 26-27 Oktober 2007, mengesahkan pematuhan Syariah berdasarkan kebarangkalian.

Berdasarkan pendapat di atas, kami percaya penggunaan kebarangkalian dan ketidakpastian boleh diterima dari perspektif Shariah. Walau bagaimanapun, penggunaan ketidakpastian tidak harus berlebihan. Sebagai contoh, penggunaan "perubahan jangka panjang yang signifikan" dalam perenggan semasa adalah sangat subjektif. Begitu juga dengan konsep "masa depan terdekat". Oleh itu, kami cadangkan semakan berikut untuk perenggan semasa seperti berikut.

No.	Keterangan	Cadangan	Huraian
1.	<p>Petunjuk daripada maklumat luaran adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Pemberhentian, atau hampir berhenti, permintaan atau keperluan untuk perkhidmatan yang disediakan oleh aset itu; (b) Perubahan dalam persekitaran dasar undang-undang atau kerajaan yang mempunyai kesan buruk ke atas entiti yang berlaku dalam tempoh tersebut. <p>Petunjuk daripada maklumat dalaman adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Keterangan boleh didapati dari kerosakan fizikal aset; (b) aset yang menjadi terbiar, (c) merancang untuk melupuskan aset (d) Keputusan untuk menghentikan pembinaan aset sebelum ia selesai atau dalam keadaan yang boleh digunakan; dan (e) bukti boleh didapati daripada pelaporan dalaman yang menunjukkan bahawa prestasi perkhidmatan sesuatu aset, atau akan, jauh lebih teruk daripada yang dijangkakan. 	Ubahsuai – perenggan 27	Seperti di atas.

8.6.2.2 Pengukuran

MPSAS 21 mengikuti prinsip MFRS 136 yang sama di mana ia memerlukan setiap entiti untuk mengukur asetnya pada amaun yang boleh diperolehi semula dalam ujian kemerosotan. Jumlah boleh diperolehi boleh dianggarkan dari nilai saksama tolak kos untuk menjual atau nilai guna

(perenggan 35). Konsep nilai saksama tolak kos untuk dijual adalah jelas dan objektif kerana ia akan menggunakan harga pasaran. Oleh itu, harga ini juga boleh digunakan untuk aset institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal dalam ujian untuk kemerosotan.

Walau bagaimanapun, kebimbangan kami adalah penggunaan nilai guna (perenggan 44 - 49). Dalam MPSAS 21, terdapat tiga pendekatan yang berbeza dalam mengukur nilai guna (value in use): (1) pendekatan kos penggantian yang disusutnilai, (2) pendekatan kos pemulihan, dan (3) pendekatan unit perkhidmatan. Setelah mengkaji ketiga tiga pendekatan yang berbeza, kami mendapati bahawa penggunaan kos penggantian yang disusutnilaikan adalah lebih tepat dan praktikal dan dengan itu mencadangkan pembangunan piawaian seperti berikut:

No.	Keterangan	Cadangan	Huraian
1.	Pengukuran nilai guna menggunakan pendekatan kos penggantian susut nilai.	Ubahsuai – perenggan 44-49	Pendekatan prinsip utama adalah pendekatan kos penggantian yang disusutnilai di mana dua pendekatan yang lain adalah berkaitan dengannya. Dengan ketiadaan anggaran kos penggantian, entiti itu perlu menggunakan anggaran nilai saksama berdasarkan harga jualan.

8.6.2.3 Pengiktirafan kerugian kemerosotan nilai dan pembalikan kerugian kemerosotan nilai

Perenggan 54 menghendaki pengiktirafan kerugian rosot nilai dengan serta-merta dalam penyata lebihan dan defisit. Perkara yang sama juga berlaku untuk pembalikan kerugian kemerosotan seperti yang dikehendaki oleh perenggan 69 seperti berikut:

No.	Keterangan	Cadangan	Huraian
1.	<p>Kerugian kemerosotan akan diiktiraf dengan segera dalam lebihan atau defisit. <u>Konsep perkongsian keuntungan dan kerugian hendaklah digunakan dalam mengiktiraf kerugian kemerosotan. Kerugian ini hendaklah di iktiraf berdasarkan kadar modal yang di persetujui. Sekiranya kerugian berpunca dari kecuaiian pemegang amanah atau pentadbir, kerugian hendaklah diiktiraf dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan pemegang amanah. Manakala kerugian kejejasan harus diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan.</u></p>	<p>Tambahan klausa – perenggan 54</p>	<p>Konsep perkongsian keuntungan dan kerugian adalah merupakan salah satu prinsip kontrak <i>Mudharabah</i> dan <i>Musyarakah</i>. Kami mencadangkan untuk menggunakan prinsip yang sama untuk pengiktirafan kerugian kemerosotan dan pembalikan (<i>reversal</i>) kerugian kerosotan. Dalam prinsip perkongsian keuntungan dan kerugian di dalam kontrak <i>Mudharabah</i> dan <i>Musyarakah</i>, sebarang keuntungan yang timbul daripada usaha perniagaan akan dikongsi mengikut nisbah perkongsian keuntungan yang dipersetujui. Sekiranya kerugian berlaku, ia perlu ditanggung juga oleh penyumbang modal. Walau bagaimanapun, jika kerugian itu disebabkan kecuaiian usahawan, ia harus diserap oleh usahawan dalam penyata keuntungan dan kerugian.</p>
2.	<p>Pembalikan kerugian kemerosotan nilai bagi sesuatu aset hendaklah diiktiraf dengan segera di dalam lebihan atau defisit. <u>Konsep perkongsian keuntungan dan kerugian hendaklah digunakan dalam mengiktiraf pembalikan kerugian kemerosotan.</u></p>	<p>Tambahan klausa – perenggan 69</p>	<p>Konsep perkongsian keuntungan dan kerugian adalah merupakan salah satu prinsip kontrak <i>Mudharabah</i> dan <i>Musyarakah</i>. Kami mencadangkan untuk menggunakan prinsip yang sama untuk pengiktirafan kerugian kemerosotan dan pembalikan (<i>reversal</i>) kerugian kerosotan. Dalam prinsip perkongsian keuntungan dan kerugian di dalam kontrak <i>Mudharabah</i> dan <i>Musyarakah</i>, sebarang keuntungan yang timbul daripada usaha perniagaan akan dikongsi mengikut nisbah perkongsian keuntungan yang dipersetujui. Sekiranya kerugian berlaku, ia perlu ditanggung juga oleh penyumbang modal. Walau bagaimanapun, jika kerugian itu disebabkan kecuaiian usahawan, ia harus diserap oleh usahawan dalam penyata keuntungan dan kerugian.</p>

8.6.2.4 Pendedahan Maklumat

Keperluan pendedahan semasa dalam perenggan 72A hingga 79 MPSAS 21 boleh diguna pakai. Walau bagaimanapun, beberapa pengubahsuaian perlu dibuat untuk menyelaraskan dengan institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal. Keperluan untuk pendedahan maklumat yang berkaitan dengan MPSAS 18, Pelaporan Segmen, harus digantikan oleh Kumpulan Wang (KW) Wakaf, Zakat dan Baitulmal. Perenggan yang berkaitan untuk disemak semula adalah para 76 dan para 77 (d) untuk aset penjanaaan bukan tunai seperti berikut:

No.	Keterangan	Cadangan	Huraian
1.	Entiti yang akan melaporkan maklumat segmen mengikut <u>Kumpulan Wang (KW) Wakaf, Zakat dan Baitulmal</u> akan mendedahkan perkara berikut untuk setiap segmen yang dilaporkan oleh entiti ...	Ubahsuai – perenggan 76	Selaras dengan konsep perakaunan dan ‘fund accounting’.
2.	Entiti akan mendedahkan yang berikut untuk setiap kerugian kemerosotan material yang diiktiraf atau dibalikkan dalam tempoh: (d) <u>KW</u> yang asetnya dimiliki, jika entiti melaporkan maklumat <u>hendaklah mengikut KW yang berkaitan</u> .	Ubahsuai – perenggan 77 (d)	Selaras dengan konsep perakaunan dan ‘fund accounting’.

8.6.3 Rosot Nilai Bagi Aset Penjanaaan Tunai (MPSAS 26)

Perbincangan mengenai rosot nilai bagi aset penjanaaan tunai dari perspektif Shariah adalah sama dengan perbincangan mengenai rosot nilai bagi aset penjanaaan bukan tunai. Berdasarkan perbincangan tersebut, kami mencadangkan pengekalan dan perubahan bagi perenggan-perenggan utama di dalam MPSAS 26.

8.6.3.1 Petunjuk rosot nilai

Perenggan 25 MPSAS 26 telah menerangkan petunjuk-petunjuk, sama ada daripada maklumat dalaman atau luaran, yang boleh digunapakai untuk memulakan ujian bagi rosot nilai adalah seperti berikut:

No.	Keterangan	Cadangan	Huraian
1.	<p>Sumber maklumat luaran:</p> <p>(b) Perubahan ketara dalam persekitaran teknologi, pasaran, ekonomi, atau undang-undang yang mempunyai kesan buruk terhadap persekitaran di mana entiti itu beroperasi, atau di pasaran yang asetnya didedikasikan;</p> <p>(c) Kadar pulangan pasaran atas pelaburan telah meningkat pada tempoh tersebut, dan kenaikan itu mungkin menjejaskan pengiraan nilai aset yang digunakan dan mengurangkan jumlah boleh pulih aset secara material;</p> <p>Sumber maklumat dalaman</p> <p>(e) Perubahan yang ketara dengan kesan buruk ke atas entiti telah berlaku sepanjang tempoh tersebut, sejauh mana, atau cara yang mana aset digunakan atau dijangka akan digunakan. Perubahan ini termasuk aset yang menjadi terbiar (idle), merancang untuk menghentikan atau menyusun semula operasi yang mana aset dimiliki, merancang untuk melupuskan aset sebelum tarikh yang dijangkakan sebelumnya, dan menilai semula jangka hayat aset sebagai terhingga dan bukannya tidak terbatas.</p>	<p>Ubahsuai - Perenggan 25 (b) – pengguguran klausa “akan berlaku dalam masa terdekat”</p> <p>Perenggan 25 (c) – pengguguran klausa “kadar faedah pasaran telah menurun”</p> <p>Perenggan 25 (e) – pengguguran klausa “akan berlaku dalam masa terdekat”</p>	<p>Dua prinsip utama berdasarkan Shariah yang perlu diambil kira adalah seperti berikut:</p> <p>(a) Mengelakkan penggunaan keraguan yang melampau di dalam anggaran nilai aset,</p> <p>(b) Mematuhi Shariah.</p>

8.6.3.2 Pengukuran

Perenggan 68 MPSAS 26 mencadangkan bahawa kadar diskaun yang sepatutnya digunakan untuk menganggarkan nilai guna hendaklah kadar faedah yang bebas risiko.

No.	Keterangan	Cadangan	Huraian
1.	Kadar diskaun (kadar) adalah kadar sebelum cukai (kadar) yang mencerminkan anggaran pasaran semasa: (a) Nilai mata wang, yang diwakili oleh kadar pulangan pendeposit institusi kewangan Islam (contoh: Bank-bank Islam); dan (b) Risiko khusus untuk aset yang mana anggaran aliran tunai masa depan nya tidak diselaraskan.	Ubahsuai – perenggan 68 – pengguguran klausa ‘kadar faedah yang bebas risiko’	Penggunaan kadar faedah bebas risiko pasaran adalah dipersoalkan kerana ia tidak patuh Shariah. Khan (1991) mencadangkan penggunaan kadar pulangan yang dibayar oleh bank-bank Islam ke atas deposit yang mempunyai kematangan yang berbeza sebagai alternatif kepada kadar faedah yang bebas risiko. Abdul Khir (2013) mendapati bahawa Islam mengiktiraf kesahihan nilai masa wang yang berpunca daripada penangguhan (<i>ajal</i>) dan percepatan (<i>'ajal</i>) dalam urus niaga kewangan Islam seperti penjualan tertunda dan rebat dua hala (<i>da' wata'ajjal</i>) tetapi permohonan mesti mematuhi garis panduan khusus yang ditetapkan oleh Shariah untuk mengelakkan kesan ekonomi yang tidak adil dari transaksi kewangan seperti faedah (<i>Riba</i>).

8.6.3.3 Pengiktirafan kerugian kemerosotan nilai dan pembalikan kerugian kemerosotan nilai

Perenggan 73 menghendaki pengiktirafan kerugian rosot nilai dengan segera dalam penyataan lebihan dan defisit. Begitu juga untuk pembalikan kerugian kemerosotan seperti yang dikehendaki oleh perenggan 108 sepertimana yang dinyatakan didalam jadual berikut:

No.	Keterangan	Cadangan	Huraian
1.	<p>Kerugian kemerosotan akan diiktiraf dengan segera dalam lebihan atau defisit. <u>Konsep perkongsian keuntungan dan kerugian hendaklah digunakan dalam mengiktiraf kerugian kemerosotan. Kerugian ini hendaklah di iktiraf berdasarkan kadar modal yang di persetujui. Sekiranya kerugian berpunca dari kecuaiian pemegang amanah atau pentadbir, kerugian hendaklah diiktiraf dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan pemegang amanah. Manakala kerugian kejejasan harus diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan.</u></p>	<p>Tambahan klausa – perenggan 73</p>	<p>Konsep perkongsian keuntungan dan kerugian adalah merupakan salah satu prinsip kontrak <i>Mudharabah</i> dan <i>Musyarakah</i>, kami mencadangkan untuk menggunakan prinsip yang sama untuk pengiktirafan kerugian kemerosotan dan pembalikan (<i>reversal</i>) kerugian kerosotan. Dalam prinsip perkongsian keuntungan dan kerugian di dalam kontrak <i>Mudharabah</i> dan <i>Musyarakah</i>, sebarang keuntungan yang timbul daripada usaha perniagaan akan dikongsi mengikut nisbah perkongsian keuntungan yang dipersetujui. Sekiranya kerugian berlaku, ia perlu ditanggung juga oleh penyumbang modal. Walau bagaimanapun, jika kerugian itu disebabkan kecuaiian usahawan, ia harus diserap oleh usahawan dalam penyata keuntungan dan kerugian.</p>
	<p>Pembalikan kerugian kemerosotan nilai bagi sesuatu aset hendaklah diiktiraf dengan segera di dalam lebihan atau defisit. <u>Konsep perkongsian keuntungan dan kerugian hendaklah digunakan dalam mengiktiraf pembalikan kerugian kemerosotan.</u></p>	<p>Tambahan klausa – perenggan 108</p>	

Di samping itu, konsep sekumpulan aset atau unit penjanaan tunai (cash-generating unit) seperti yang dinyatakan dalam perenggan 77 MPSAS 26 juga terpakai bagi aktiviti Wakaf, Zakat dan Baitulmal. Sekiranya sekumpulan aset ditaksir bersama, amaun yang boleh dipulihkan perlu dianggarkan untuk kumpulan aset bersama. Walau bagaimanapun, dalam kes unit penjanaan tunai yang terdiri daripada muhibah, maka unit penjanaan tunai ini hanya akan terpakai untuk aktiviti Baitulmal

Dalam kes pembalikan kehilangan kemerosotan di perenggan 100, petunjuk dari sumber maklumat luaran dan dalaman yang dicadangkan hendaklah diubahsuai selaras dengan konsep Shari'ah seperti berikut:

No.	Keterangan	Cadangan	Huraian
1.	<p>Sumber maklumat luaran:</p> <p>(b) Perubahan ketara dalam persekitaran teknologi, pasaran, ekonomi, atau undang-undang yang mempunyai kesan buruk terhadap persekitaran di mana entiti itu beroperasi, atau di pasaran yang asetnya didedikasikan;</p> <p>(c) Kadar pulangan pasaran atas pelaburan telah meningkat pada tempoh tersebut, dan kenaikan itu mungkin menjejaskan pengiraan nilai aset yang digunakan dan mengurangkan jumlah boleh pulih aset secara material;</p> <p>Sumber maklumat dalaman</p> <p>(e) Perubahan yang ketara dengan kesan buruk ke atas entiti telah berlaku sepanjang tempoh tersebut, sejauh mana, atau cara yang mana aset digunakan atau dijangka akan digunakan. Perubahan ini termasuk aset yang menjadi terbiar (idle), merancang untuk menghentikan atau menyusun semula operasi yang mana aset dimiliki, merancang untuk melupuskan aset sebelum tarikh yang dijangkakan sebelumnya, dan menilai semula jangka hayat aset sebagai terhingga dan bukannya tidak terbatas.</p>	<p>Ubahsuai - Perenggan 25 (b) – pengguguran klausa “akan berlaku dalam masa terdekat”</p> <p>Perenggan 25 (c) – pengguguran klausa “kadar faedah pasaran telah menurun”</p> <p>Perenggan 25 (e) – pengguguran klausa “akan berlaku dalam masa terdekat”</p>	<p>Dua prinsip utama berdasarkan Shariah yang perlu diambil kira adalah seperti berikut:</p> <p>(a) Mengelakkan penggunaan keraguan yang melampau di dalam anggaran nilai aset,</p> <p>(b) Mematuhi Shariah.</p> <p>Pengguguran frasa "masa depan yang dekat" kerana ia mewakili keadaan yang sangat subjektif.</p>

8.6.3.4 Pendedahan Maklumat

Keperluan pendedahan semasa dalam perenggan 114 hingga 125 MPSAS 26 boleh digunakan. Walau bagaimanapun, beberapa pengubahsuaian perlu dibuat untuk menyelaraskan dengan institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal. Keperluan untuk pendedahan maklumat yang berkaitan dengan MPSAS 18, Pelaporan Segmen, harus digantikan oleh Kumpulan Wang (KW) wakaf, zakat dan baitulmal. Perenggan yang berkaitan untuk disemak semula adalah para 119, para 120 (c) (ii) dan para 120 (d) (ii) untuk aset penjana tunai.

No.	Keterangan	Cadangan	Huraian
1.	Entiti yang akan melaporkan maklumat segmen mengikut <u>Kumpulan Wang (KW) Wakaf, Zakat dan Baitulmal</u> akan mendedahkan perkara berikut untuk setiap segmen yang dilaporkan oleh entiti	Ubahsuai – perenggan 119	Selaras dengan konsep perakaunan dan (fund accounting’.
2.	<p>Entiti akan mendedahkan yang berikut untuk setiap kerugian kemerosotan material yang diiktiraf atau dibalikkan dalam tempoh untuk aset yang menghasilkan tunai atau unit penjanaaan tunai:</p> <p>(c) (ii) <u>KW</u> yang asetnya dimiliki, jika entiti melaporkan maklumat <u>hendaklah mengikut KW yang berkaitan</u>.</p> <p>(d)(ii) Jumlah kerugian kemerosotan yang diiktiraf atau dibalikkan oleh kelas aset, dan, jika entiti melaporkan maklumat mengikut KW yang berkaitan, mengikut format pelaporan entiti</p>	Ubahsuai – perenggan 120 (c) (ii) dan (d) (ii)	Selaras dengan konsep perakaunan dan (fund accounting’.

8.7 CADANGAN PIAWAIAN PERAKAUNAN: ASET TIDAK KETARA (MPSAS 31)

Kewujudan aset tidak ketara, walaupun tidak signifikan, ada direkodkan di dalam penyata kewangan Majlis Agama Islam Negeri. Melalui analisa penyelidikan, terdapat satu MAIN (dalam Zon 3?) yang merekodkan aset tidak ketara di dalam penyata kewangan mereka iaitu MAIWP. Contohnya, MAIWP telah merekodkan pembelian perisian komputer sebagai aset tidak ketara. Terdapat transaksi yang lebih kurang sama di dalam MAIK di mana terdapat pembelian perisian komputer tetapi tidak direkodkan sebagai aset tidak ketara. Menurut MAIK, pembelian tersebut telah dikira sebagai perbelanjaan hangus. Tambahan pula, MAIWP melalui anak syarikatnya telah juga merekodkan aset tidak ketara berkaitan lesen.

Perbincangan seterusnya ialah cadangan piawaian perakaunan Islam berkaitan dengan aset tidak ketara. Asas rujukan cadangan piawaian ini adalah berdasarkan MPSAS 31 Aset Tidak Ketara.

8.7.1 Pengiktirafan

Secara umumnya, terdapat tiga kriteria di dalam definisi aset tidak ketara bagi memenuhi kriteria pengiktirafan bagi aset tidak ketara. Pertama adalah identifikasi. Kedua, keupayaan mengawal sumber ekonomi. Ketiga, kuwujudan faedah ekonomi masa hadapan. Untuk kriteria identifikasi, kita boleh menggunakan konsep pemisahan atau kewujudan hak undang-undang. Di sini, kami ingin mencadangkan bahawa pengiktirafan aset tidak ketara haruslah berdasarkan kepada kewujudan hak undang-undang seperti berikut:

No.	Keterangan	Cadangan	Huraian
1.	19 (c) Aset tidak ketara mesti timbul dari kontrak undang-undang sama ada dari teks undang-undang dari Al-Qur'an dan Sunnah atau dari hak-hak adat yang telah ditubuhkan dalam masyarakat.	Tambahan klausa – perenggan 19	Ini selaras dengan AAOIFI Standard No. 42 berkaitan dengan pengiktirafan aset tidak ketara.

Bagi kriteria yang kedua iaitu keupayaan mengawal sumber ekonomi, secara umumnya, seperti yang telah kami bincangkan di dalam kerangka kerja konseptual dan keperluan Shari'ah, konsep pemilikan adalah asas penting di dalam menentukan keupayaan mengawal sumber

ekonomi. Konsep pemilikan ini boleh wujud sama ada di dalam bentuk pemilikan individu, pemilikan bersama atau pemilikan am. Di dalam konteks aset tidak ketara, kewujudan hak pemilikan mungkin tidak nyata. Oleh itu, kami merumuskan bahawa selagi mana MAIN mempunyai hak undang-undang di dalam menguruskan dan mengawal aset tidak ketara, MAIN boleh merekodkan aset tidak ketara tersebut sebagai aset MAIN.

Bagi kriteria ketiga iaitu kewujudan faedah ekonomi masa hadapan, kami ingin mencadangkan sedikit pengubahsuaian di dalam perincian maksud faedah ekonomi masa hadapan. Kami ingin mencadangkan bahawa konsep faedah ekonomi masa hadapan harus mengambilkira faedah sosial seperti berikut:

No.	Keterangan	Cadangan	Huraian
1.	Faedah ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan yang mengalir dari aset tak ketara mungkin termasuk pendapatan daripada jualan produk atau perkhidmatan, penjimatan kos, <u>faedah sosial</u> atau faedah lain yang terhasil daripada penggunaan aset oleh entiti.	Ubahsuai – perenggan 25 - tambahan frasa	<u>Contoh:</u> Penyediaan tempat tinggal bagi anak yatim atau asrama pelajar.

Selain daripada itu, perenggan-perenggan utama di dalam MPSAS 31 berkaitan dengan pengiktirafan aset tidak ketara boleh dikekalkan.

8.7.2 Pengukuran

Pengukuran pada awal titik pengiktirafan adalah pada nilai kos. Oleh itu, kami mencadangkan beberapa perenggan 31 daripada MPSAS 31 dikekalkan. Definisi kos adalah berdasarkan kategori aset tidak ketara sama ada ia adalah dari pembelian, aset tidak ketara yang diperolehi melalui “non-exchange” transaction/transaksi bukan pertukaran), aset tidak ketara yang diperolehi melalui “exchange” transaction/transaksi pertukaran, serta penyelidikan dan pembangunan. Kami juga mencadangkan penambahan satu lagi kategori aset tidak ketara iaitu geran kerajaan seperti di jadual berikut. Kami merasakan kategori ini adalah penting kerana daripada temubual yang kami lakukan dengan MAIN, kami mendapati geran kerajaan ini adalah urusan/aktiviti yang biasa berlaku di MAIN.

No.	Keterangan	Cadangan	Huraian
1.	Geran kerajaan	Tambahan perenggan	Geran kerajaan yang diberikan kepada MAIN adalah daripada geran kerajaan persekutuan dan geran kerajaan negeri. Ia boleh disandarkan kepada kaedah fiqh 'العادة محكمة', maksudnya: adat atau kebiasaan adalah penentu. Contoh: Kerajaan negeri memberikan keizinan kepada MAIN untuk membangunkan tanah kerajaan negeri untuk mendapatkan hasil tanpa memindah milik tanah kepada MAIN. ⁶

Sementara itu, pengukuran seterusnya boleh menggunakan model kos atau model penilaian semula. Oleh itu, kami mencadangkan agar perenggan 71 hingga perenggan 74 daripada MPSAS 31 dikekalkan. Tiada percanggahan dengan prinsip Shari'ah di dalam menggunakan kedua-dua model ini selagi mana polisi pengukuran dinyatakan dengan jelas. Contohnya, penggunaan model penilaian semula hanya boleh digunakan sekiranya nilai pasaran semasa boleh didapati. Sekiranya nilai pasaran semasa tidak boleh didapati, penggunaan model penilaian semula tidak boleh dibenarkan.

8.7.3 Pendedahan maklumat

Secara umumnya, keperluan pendedahan maklumat daripada perspektif Sharia'ah adalah untuk akauntabiliti dan keperluan pemegang taruh di dalam membentuk sesuatu keputusan. Ini adalah berdasarkan kepada kerangka kerja konseptual yang telah kami bangukan.

Di dalam konteks keperluan maklumat berkaitan aset tidak ketara, kami merasakan bahawa perenggan-perenggan di dalam MPSAS 31 berkaitan pendedahan maklumat boleh digunakan. Kami mencadangkan penambahan keperluan pendedahan maklumat berkaitan aset tidak ketara dipisahkan antara aset tidak ketara yang mempunyai manfaat kewangan dan manfaat social.

⁶ Sila rujuk kepada cadangan piawaian yang lebih terperinci di dalam Appendix.

8.8 CADANGAN PIAWAIAN PERAKAUNAN: PAJAKAN (MPSAS 13)

Berdasarkan kepada perbincangan umum pajakan berdasarkan kepada MPSAS 13, pajakan boleh dibahagikan kepada dua iaitu pajakan kewangan dan pajakan operasi. Dua kategori pajakan ini adalah kategori yang diterimapakai di dalam perbincangan konvensional termasuklah MFRS 117. Namun di dalam perbincangan Syariah Standard 9 dan Financial Accounting Standard (FAS) 8 yang dikeluarkan oleh AAOIFI, terdapat dua kategori pajakan iaitu *Ijarah* dan *Ijarah Muntahia Bittamleek*. Kategori pertama iaitu *Ijarah* boleh didefinisikan sebagai pajakan operasi. Hakmilik di sisi undang-undang bagi aset yang dipajak bagi pajakan operasi tetap berada pada pemilik walaupun sehingga penghujung tempoh pajakan dan tidak akan dipindahkan kepada pihak yang memajak. Manakala kategori yang kedua iaitu *Ijarah Muntahia Bittamleek* boleh diklasifikasikan sebagai pajakan kewangan di mana hakmilik di sisi undang-undang bagi aset yang dipajak berada pada pihak pemilik dan apabila tamat tempoh pajakan, aset yang dipajak tersebut boleh dijual kepada pihak yang memajak pada nilai nominal yang membawa kepada pemindahan hakmilik di sisi undang-undang kepada pihak yang memajak⁷ (bersamaan dengan konsep sewa dan beli di dalam MPSAS 13).

Oleh itu, cadangan kami berkaitan dengan aset pajakan akan mengambilkira perbincangan di dalam Syariah Standard 9 dan FAS 8 untuk memastikan tiada percanggahan dengan prinsip Shari'ah. Perlaksanaan *Ijarah* adalah dibenarkan oleh Shari'ah seperti tercatat di dalam Al-Qur'aan, Sunnah Nabi, serta di sepakati oleh Ulama' Islam melalui Ijtihad. Dalam Al-Qur'an (Surah Al-Qasas: ayat 26) Allah berfirman "*Salah seorang di antara perempuan yang berdua itu berkata: "Wahai ayah, ambillah dia menjadi orang upahan (mengembala kambing kita), sesungguhnya sebaik-baik orang yang ayah ambil bekerja ialah orang yang kuat, lagi amanah"*⁸ dan dalam Surah Al-Kahfi ayat 77 yang bermaksud "*Kemudian keduanya berjalan lagi, sehingga apabila mereka sampai kepada penduduk sebuah bandar, mereka meminta makan kepada orang-orang di situ, lalu orang-orang itu enggan menjamu mereka. Kemudian mereka dapati di situ sebuah tembok yang hendak runtuh, lalu ia membinanya. Nabi Musa berkata: "Jika engkau mahu, tentulah engkau berhak mengambil upah mengenainya!"*⁹. Perlaksanaan amalan *Ijarah* juga telah dilakukan oleh Nabi Muhammad (s.a.w) seperti yang direkod oleh Ibn Majah yang maksudnya: "Barangsiapa yang mengupah seorang pekerja mesti

⁷ Dr. Aida Othman (2010). Isu-isu Perundangan Dalam Instrumen Pembiayaan Berdasarkan Prinsip *Ijarah*, Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara, 10 - 11 November 2010, Putrajaya International Convention Centre. <https://zulkiflihasan.files.wordpress.com/2009/12/ijarah-2.pdf>

⁸ [Al-Qasas: 26].

⁹ [Al-Kahfi: 77].

memberitahunya tentang upahnya"¹⁰ dan Nabi berkata: "Berikan seorang pekerja upahnya sebelum peluhnya (tubuh bau) dikeringkan"¹¹. Keharusan amalan Ijarah juga dilihat melalui penerimaannya di kalangan masyarakat umum kerana ia adalah cara yang mudah bagi sesiapa sahaja untuk memperoleh hak sementara di atas penggunaan sesuatu aset yang mereka tidak miliki kerana tidak semua orang boleh memiliki aset ketara.

Secara umumnya, tidak terdapat pengiktirafan aset pajakan di dalam penyata kewangan di kesemua MAIN di dalam Zon 3. Pengiktirafan aset pajakan hanya akan wujud sekiranya MAIN memajak aset pajakan berdasarkan kepada prinsip pajakan kewangan. Praktis semasa di dalam aktiviti MAIN tidak menunjukkan kewujudan pajakan kewangan di dalam aktiviti mereka. Walaupun terdapat kategori aset yang dilabelkan sebagai tanah pajakan, ianya tidak termasuk di dalam konsep aset pajakan di bawah prinsip pajakan kewangan. Tanah pajakan adalah satu kategori tanah di dalam Kanun Tanah Persekutuan.

Tambahan pula, mengikut perbincangan Syariah di dalam Syariah Standard 9, tiada kategori pajakan kewangan. Aset pajakan mestilah direkodkan oleh pemajak, bukan pihak yang memajak. Ini adalah berdasarkan kepada ~~kepada~~ perenggan 3/1/1 di dalam Syariah Standard 9 yang menyatakan bahawa aset pajakan hendaklah dimiliki oleh pihak pemajak. Penegasan mengenai pemilikan aset pajakan oleh pemajak menunjukkan bahawa pengiktirafan aset pajakan hendaklah dilakukan oleh pemajak, bukan orang yang memajak sehinggalah pemilikan aset pajakan tersebut berpindah tangan. Oleh itu, di sini kami ingin mencadangkan pengguguran prinsip pajakan kewangan di dalam piawaian perakaunan berkaitan pajakan yang akan dicadangkan kerana aset pajakan mesti direkodkan oleh pemajak.

¹⁰ Hadis telah diriwayatkan oleh Ibn Majah di dalam "*Sunan*" [2: 817]; dan Al-Haythami di dalam "*Mu'jam' Al-Zawa'id*" [4: 98].

¹¹ Hadis telah diriwayatkan oleh Ibn Majah di dalam "*Sunan*" [2: 817]; dan Al-Tabrani di dalam "*Al-Mu'jam Al-awsat*"; dan Al-Haithami di dalam "*Mu'jam' Al-Zawa'id*" [4: 98].

No.	Keterangan	Cadangan	Huraian
1.	Tiada pengiktirafan asset pajakan berdasarkan kepada prinsip pajakan kewangan	<p>Pengguguran definisi pajakan kewangan di dalam perenggan 8</p> <p>Penambahan definisi Ijarah dan Ijarah Muntahia Bi-Tamlek</p> <p>Pengubahsuaian kepada kriteria penamatan kontrak pajakan di dalam perenggan 8</p>	<p>Ini selaras dengan AAOIFI Shariah Standard No. 9 perenggan 3/1/1 berkaitan dengan pengiktirafan pajakan</p> <p><i>Justifikasi Shariah</i></p> <p>Asas untuk tidak membenarkan pajakan aset yang tidak dimiliki oleh pemberi pajak adalah Hadis yang melarang seseorang daripada menjual apa yang tidak dimilikinya,¹²</p> <p>Ini adalah selaras dengan AAOIFI Shariah Standard No. 9 perenggan 7/2/1 dan 7/2/2</p>
2.	Kriteria penamatan kontrak pajakan mestilah berdasarkan kepada persetujuan bersama. Penamatan kontrak boleh juga dilakukan oleh pemajak sekiranya terdapat kegagalan pembayaran sewa oleh pihak yang memajak		<p><i>Justifikasi Shariah</i></p> <p>Kaedah fiqh: Prinsip umum yang memberikan kesahan kontrak adalah persetujuan dari kedua belah pihak, dan syarat yang efektif adalah apa yang telah dipersetujui.</p> <p>الأصل في العقود رضا المتعاقدين، وموجبها ما أوجباه على أنفسهما بالتعاقد</p> <p>Hadis Nabi: "Umat Islam terikat dengan syarat-syarat yang mereka buat kecuali suatu keadaan yang mengesahkan perbuatan yang tidak dibenarkan atau membatalkan perbuatan yang dibenarkan"¹³</p>

¹² Fatwa of Unified Shari'ah Board of Al Baraka No. (9/10).

¹³ Fatwa No. (9/9) of the Unified Shari'ah Board.

8.8.2 Pengukuran

Satu asas penting di dalam perbincangan berkaitan pengukuran aset pajakan di dalam MPSAS 13 adalah aset pajakan berkaitan pajakan kewangan. Oleh kerana kami mencadangkan prinsip *Ijarah Muntahia Bittamleek*, pengukuran aset pajakan berkaitan pajakan kewangan tidak lagi relevan. Menurut definisi *Ijarah Muntahia Bittamleek* oleh Bank Negara Malaysia dalam Piawaian nombor 22.1 (*Guideline on Ijarah*), *Ijarah muntahiyah bi tamlik* adalah kontrak ijarah yang mempunyai tujuan utama pemajak untuk memiliki aset yang dipajak dan hendaklah mengandungi mekanisma untuk pemindahan pemilikan aset yang dipajak kepada pemajak dari pemberi pajak semasa atau pada akhir tempoh pajakan (mukasurat 19)¹⁴.

Ijarah muntahiyah bi tamlik adalah lebih mirip kepada konsep sewa beli. Walau bagaimanapun, perlu diingatkan bahawa *Ijarah Muntahia Bittamleek* yang dibenarkan adalah berbeza daripada pembelian sewa yang lazimnya dijamin oleh bank-bank konvensional dalam hal-hal berikut. Dalam sewa beli, terma dan peruntukan penjualan dan pajakan digunakan untuk perkara yang sama pada masa yang sama, dan seterusnya pemilikan aset itu dipindahkan kepada pemajak (pembeli), sebaik sahaja ia membayar ansuran terakhir tanpa keperluan untuk kontrak berasingan bagi pemindahan pemilikan. Di dalam *Ijarah Muntahia Bittamleek* yang dibenarkan, sebaliknya, peruntukan-peruntukan yang mengawal *Ijarah* digunakan untuk aset pajakan sehingga akhir tempoh *Ijarah*, dan selepas itu, peminjam memperoleh pemilikan aset mengikut cara yang dijelaskan dalam Shari'ah Standard No. 9.

Secara umumnya, pengukuran aset pajakan yang berkaitan dengan pajakan kewangan harus diiktiraf di bawah: (a) nilai saksama aset pada tarikh permulaan; dan (b) nilai semasa pembayaran pajakan minimum pada tarikh permulaan. Dengan menggunakan prinsip *Ijarah Muntahia Bittamleek*, asas pengukuran untuk aset yang dipajak menjadi tidak relevan. Dalam kontrak *Ijarah Muntahia Bittamleek*, satu ukuran penting ialah pengukuran aset yang dipajak untuk tujuan pemindahan hak milik pada akhir kontrak pajakan. Oleh itu, kami mencadangkan perenggan berikut untuk menjelaskan tentang pemindahan hak milik tersebut.

¹⁴ <http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=57&pg=137&ac=530&bb=file>

No.	Keterangan	Cadangan	Huraian
1.	<p>Di dalam kontrak Ijarah Muntahia Bittamleek, kaedah memindahkan hakmilik aset yang dipajak kepada pemajak mesti dibuktikan dalam dokumen berasingan dari dokumen kontrak Ijarah, menggunakan salah satu daripada kaedah yang berikut kaedah:</p> <p>a) Dengan cara berjanji (wa'ad) untuk menjual untuk tanda atau pertimbangan lain, atau dengan mempercepatkan pembayaran baki sewa, atau dengan membayar nilai pasaran harta yang dipajak.</p> <p>b) Janji untuk memberikannya sebagai hadiah (tanpa pertimbangan).</p> <p>c) Janji untuk memberikannya sebagai hadiah, bergantung kepada pembayaran baki ansuran.</p> <p>Dalam semua kes ini, dokumen berasingan membuktikan janji hadiah, janji jualan atau janji hadiah tertakluk kepada sesuatu situasi tertentu, mestilah bebas dari kontrak Ijarah Muntahia Bittamleek dan tidak boleh diambil sebagai sebahagian daripada kontrak daripada Ijarah.</p>	Tambahan klausa	<p>Ini selaras dengan AAOIFI Standard No. 8 perenggan 8/1</p> <p>Selari dengan Piawaian Ijarah oleh Bank Negara Malaysia (piawaian Ijarah 22.2 dan 22.3)</p> <p><i>Justifikasi Shariah</i></p> <p>The basis of the rule that the documents of the lessor's promise to sell and the methods of transfer of ownership be separated from the Ijarah contract is to ensure that the obligations and liabilities are not linked to each other. The International Akademi Fiqh Islam telah mengeluarkan resolusi di dalam hal ini.¹⁵</p> <p>Asas peraturan bahawa janji seorang klien untuk mengambil aset yang diperoleh oleh Institusi di atas pajakan adalah mengikat sah bahawa Institusi telah memperoleh aset itu untuk menyewakannya kepada pelanggan kerana janji itu. Oleh itu, peraturan bahawa janji untuk mengambil aset dalam pajakan adalah sah dan melindungi pemajak.</p>

¹⁵ Hadis telah diriwayatkan oleh beberapa sahabat Rasulullah. Ia telah diriwayatkan oleh Ahmad di dalam "Sunan"nya [1: 312]; Ibn Majah di dalam "Sunan"nya melalui rangkaian yang baik. [2: 783], Mustafa Al-Babi Al-Halabi edisi, Cairo, 1372 A.H./1952 A.D.; Al-Hakim di dalam "Mustarak", Edisi Hyderabad, India, 1355 A.H.; Al-Bayhaqi di dalam "Sunan"nya [6: 70 and 156] dan [1: 133], Edisi Hyderabad, India, 1355H; dan Al-Daraqutni di dalam "Sunan"nya [4: 228] dan [3: 77], Dar Al-Mahasin Lil-Tiba'ah edisi, Cairo, 1372 A.H./1952 A.D.

8.8.3 Pendedahan Maklumat

Oleh kerana kami mencadangkan klasifikasi pajakan berdasarkan pajakan operasi dan *Ijarah Muntahia Bittamleek*, pendedahan maklumat berkaitan pajakan di dalam MPSAS 13, perlu digugurkan. Oleh kerana kami mencadangkan penggunaan prinsip *Ijarah Muntahia Bittamleek*, beberapa penambahan pendedahan maklumat berkaitannya perlu dimasukkan di dalam cadangan piawaian perakaunan.

No.	Keterangan	Cadangan	Huraian
1.	Perenggan 60 di dalam MPSAS 13	Digugurkan	Cadangan klasifikasi pajakan berdasarkan AAOIFI Standard Shariah No. 9 iaitu <i>Ijarah</i> dan <i>Ijarah Muntahia Bittamleek</i>
2.	Perenggan 62, 63, 65 dan 66 di dalam MPSAS 13	Dikekalkan	Tidak bercanggah dengan prinsip <i>Ijarah</i> di dalam Standard Shariah No. 9
3.	Perenggan 69(a) dan 69(c) di dalam MPSAS 13	Dikekalkan	
4.	Maklumat berkaitan <i>Ijarah Muntahia Bittamleek</i> . (a) Kos pembelian aset pajakan (b) Nilai pajakan yang dipersetujui (c) Nilai aset pajakan untuk dipindahmilik di akhir kontrak pajakan	Ditambah	Maklumat berkaitan <i>Ijarah Muntahia Bittamleek</i> perlu dinyatakan.

BAB 9

RUMUSAN, LIMITASI DAN HALATUJU PENYELIDIKAN

9.0 PENGENALAN

Bab Lapan sebelum ini telah menjelaskan cadangan - cadangan pembangunan piawaian perakaunan patuh Syariah bagi Institusi WZB secara umum dan spesifik, dengan merujuk kepada MPSAS yang berkaitan. Bab terakhir ini akan memberikan rumusan, limitasi dan halatuju kajian bagi pembangunan Kerangka Kerja Konseptual pelaporan kewangan dan piawaian perakaunan patuh Syariah bagi Institusi WZB di Malaysia

9.1 RUMUSAN

Secara amnya, beberapa rumusan boleh dibuat hasil daripada penyelidikan ini seperti berikut:

Pertama, penggunaan MPSAS untuk keperluan pendedahan dan pelaporan maklumat kewangan bagi Institusi WZB boleh digunapakai sebagai garis panduan umum dalam pembangunan piawaian perakaunan patuh Syariah bagi Institusi WZB di Malaysia. Walaubagaimanapun, penggunaan MPSAS sahaja adalah tidak mencukupi untuk melaporkan secara komprehensif aktiviti-aktiviti Institusi WZB yang unik berbanding dengan entiti sektor awam yang dirujuk di dalam MPSAS. Sehubungan dengan itu, terdapat keperluan untuk meminda peruntukan-peruntukan di dalam MPSAS yang tidak bersesuaian dengan keperluan aktiviti-aktiviti Institusi WZB dan tuntutan keperluan Syariah. Pindaan atau peruntukan yang dicadangkan ke atas MPSAS berkaitan yang selaras dengan keperluan WZB dan Syariah telah di gariskan di dalam Bab Lapan sebelum ini.

Kedua, secara spesifiknya, cadangan berhubung pembangunan piawaian perakaunan patuh Syariah bagi Institusi WZB melibatkan bentuk dan kandungan. Dari aspek bentuk piawaian, keperluan khusus serta keunikan aktiviti Institusi WZB memerlukan agar satu set piawaian perakaunan khusus dibangunkan untuk memenuhi keperluan institusi yang mentadbir WZB. Dari aspek kandungan, perenggan MPSAS sedia ada dijadikan asas untuk mencadangkan sama ada perenggan berkenaan bersesuaian dan boleh dikekalkan atau memerlukan pindaan/penambahan/dikeluarkan. Cadangan yang dikemukakan mengambil kira dapatan Objektif Kajian Pertama (jurang antara amalan pendedahan dan MPSAS), Objektif Kajian Kedua (pembangunan Kerangka Kerja Konseptual pelaporan kewangan patuh Syariah), Objektif Kajian Ketiga (keperluan Syariah dan batasan perundangan sivil) serta berpandukan

Senarai Item Pendedahan Patuh Shariah yang telah dibangunkan. Pindaan yang dibuat kepada kandungan MPSAS 12, 13, 16, 17, 21, 26, 27 and 31 melibatkan penambahan terutama bagi item-item patuh Shariah yang tidak diliputi dalam MPSAS berkenaan dan pengurangan sekiranya keperluan MPSAS berkenaan bertentangan dengan tuntutan Shariah. Keperluan MPSAS sedia ada dikekalkan jika tidak bercanggah dengan Shariah dan/atau selari dengan aktiviti Institusi WZB.

Ketiga, berdasarkan dapatan kajian tentang amalan perakaunan di Institusi WZB, secara keseluruhannya disimpulkan bahawa, institusi tersebut pada dasarnya telah mengamalkan asas perakaunan Islam iaitu tauhid kepada Allah SWT dan menjaga hubungan sesama manusia. Walaubagaimanapun, untuk meningkatkan penzahiran akauntabiliti Institusi WZB melalui pelaporan boleh dirumuskan agak terhad. Ini telah dibuktikan daripada dapatan kajian yang mana walaupun sebahagian besar Institusi WZB telah mendedahkan maklumat perakaunan di dalam penyata kewangan menurut keperluan piawaian yang digunapakai, dari sudut kejelasan serta keterperincian maklumat khususnya dalam nota kepada akaun adalah berbeza antara Institusi WZB. Perlu juga diberi perhatian bahawa amalan pelaporan yang ditunjukkan oleh institusi berkenaan adalah berpandukan kepada piawaian perakaunan konvensional yang tidak mencukupi untuk memenuhi tuntutan Shariah.

Keempat, terdapatnya keperluan pembangunan Kerangka Kerja Konseptual pelaporan kewangan patuh Shariah bagi membantu pembangunan piawaian perakaunan Islam. Penyelidikan ini telah membangunkan Kerangka Kerja Konseptual pelaporan kewangan patuh Shariah bagi Institusi WZB dengan mengambil kira asas utama dalam agama Islam iaitu prinsip tauhid kepada Allah SWT. Prinsip tauhid ini ditunjangi kepada amalan akauntabiliti kepada Allah SWT (Hablum min Allah) dan kepada manusia (Hablum Min Annas) yang berlandaskan kepada maqasid Shariah.

9.2 LIMITASI

Terdapat beberapa limitasi kajian yang perlu diambilmaklum dalam meneliti dapatan kajian ini termasuk perkara berikut:

Pertama, kajian Zon 3 ini hanya dijalankan ke atas empat Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan entiti bersekutu seperti Pusat Pungutan Zakat dan Pusat Kutipan Zakat. Selain daripada MAIN, pemegang taruh seperti Yayasan Wakaf Malaysia dan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji

(JAWHAR) sebagai agensi yang dipertanggungjawabkan untuk mengawasi pentadbiran dan perkembangan wakaf di Malaysia tidak diambilkira.

Kedua, kajian ini hanya menggunakan secara umumnya MPSAS sebagai rujukan amalan semasa perakaunan dan pelaporan di MAIN. Kajian tidak membuat rujukan secara khusus kepada piawaian, garis panduan atau amalan terbaik perakaunan dan pelaporan badan amal. Ini termasuklah '*Standard of Recommended Practices 2015 (England dan Wales)*, *Charities Accounting Standard (Singapore)*, *Accounting Standards Codification (USA)*' dan '*Accounting Standard for Not-for-Profit Organisations in Canada*'. Penandaarasan keatas piawaian dan peraturan tersebut mungkin akan memberi cadangan yang lebih komprehensif berkaitan item-item yang perlu disenaraikan dalam penyata kewangan.

Ketiga, kajian hanya tertumpu ke atas item-item yang perlu dipersembahkan di dalam penyata kewangan MAIN sahaja manakala jurang yang dikenalpasti adalah berdasarkan kepada Penyata Kewangan Tahunan 2016 sahaja. Justeru, ia berkemungkinan tidak mengambilkira transaksi yang hanya berlaku sesekali sahaja seperti perubahan polisi perakaunan.

Keempat, enakmen kerajaan negeri yang disemak hanya terhad kepada sampel empat negeri sahaja iaitu Wilayah Persekutuan, Kelantan, Terengganu dan Pahang. Ini adalah kerana kajian ini dijalankan mengikut zon yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Akauntan Negara. Untuk mendapatkan yang neyeluruh, rujukan hendaklah dibuat keatas enakmen ke semua negeri.

Keenam, lebih ramai pakar perakaunan Islam dari dalam dan luar negara perlu dilibatkan bagi memastikan setiap temubual menghasilkan '*saturated finding*'.

9.3 HALATUJU PENYELIDIKAN

Halatuju kajian haruslah menangani limitasi kajian yang telah dibentangkan seperti berikut:

Pertama, keperluan bagi mengukuhkan Kerangka Kerja Konseptual pelaporan kewangan patuh Syariah bagi Institusi WZB, mengambil kira skop piawaian perakaunan bagi pengukuran dan pengiktirafan (*measurement and recognition*) tanggungan dan hasil perlulah dilaksanakan. Walaupun kedua-dua proses ini adalah sesuatu yang tidak '*explicit*' dan didedahkan di dalam penyata kewangan, penumpuan ke atasnya adalah penting kerana pendedahan yang

dicadangkan tidak mungkin menjadi kenyataan jika proses awal pengiktirafan dan pengukuran tidak ditangani dengan sewajarnya.

Kedua, terdapat kecenderungan bahawa penemuan itu lebih menumpukan kepada satu kumpulan berkepentingan sahaja, iaitu MAIN dan entiti yang berkaitan seperti pusat zakat dan wakaf. Walaupun MAIN adalah entiti penting dalam hal ini, adalah penting juga pihak lain yang berkaitan turut dilibatkan dalam kaji selidik ini kerana pihak tersebut mungkin juga mempunyai input berguna untuk pembangunan piawaian perakaunan patuh Shariah (contoh Yayasan Wakaf Malaysia dan beberapa kumpulan penyelidikan daripada universiti awam lain yang turut menjalankan kajian berkaitan WZB). Oleh itu, kajian masa depan mungkin boleh melibatkan pihak-pihak ini.

Ketiga, penandaarasan kajian seterusnya juga dicadangkan dikembangkan dengan membuat rujukan keatas beberapa piawaian atau garis panduan antarabangsa untuk entiti yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan Institusi WZB. Walaupun piawaian perakaunan sektor awam (contoh MPSAS) adalah relevan untuk MAIN dalam konteks WZB, terdapat keperluan untuk mendapatkan pandangan tambahan daripada perakaunan sektor bukan keuntungan *'Standard of Recommended Practices 2015 (England dan Wales), Charities Accounting Standard (Singapore), Accounting Standards Codification (USA)'* dan *'Accounting Standard for Not-for-Profit Organisations in Canada'*.

Bertepatan dengan surah Ad Dzaariyaat ayat 56 yang bermaksud *"Dan tidaklah Aku ciptakan jin dan manusia kecuali untuk beribadah kepada Ku"*. Intipati ayat ini menerangkan tentang prinsip tauhid sebagai dasar agama Islam. Prinsip inilah yang menjadi tunjang kepada cadangan perakaunan Islam iaitu selain daripada konsep akauntabiliti kepada manusia, konsep akauntabiliti kepada Allah yang menjadi tunjang utama dalam sistem perakaunan Islam. Pendekatan ini berbeza daripada prinsip perakaunan konvensional yang tertumpu kepada manusia sahaja dan bermatlamatkan keuntungan duniawi semata-mata.

RUJUKAN

- Ab Rahman, et.al, 2012. Zakat institution in Malaysia: Problems and issues. *Global Journal of Al-Thalaqah*, 2, pp.35-42
- Abdul Rahman, et.al. (1999), "Current practices and administration of wakaf in Malaysia: a preliminary study", unpublished Awqaf Report, Malaysia.
- Abu Ubayd al-Qasim, b. S. (2005). *The book of revenue: Kitab Al-Amwal* (I. A. Nyazee, Trans.). Reading: Garnet Publishing.
- Adnan, A.M., 2005, Akuntansi dan auditing kelembagaan wakaf [Accounting and Auditing for wakaf institutions]. *Akuntansi Syariah, arah, prospek & tantangannya*, pp. 143 – 152. Yogyakarta: UII Press.
- Aghnides, N. P. (1916). *Mohammedan Theories of Finance*. (PhD), Columbia, New York.
- Ahrens, T. 1996. Styles of accountability. *Accounting, Organizations and Society* 21(2-3), pp. 139-173.
- Akhyar Adnan, M. and Barizah Abu Bakar, N., 2009. Accounting treatment for corporate zakat: a critical review. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, 2(1), pp.32-45.
- Akta Acara Kewangan 1957
- Akta Badan Berkanun 1980
- Akta Pengambilan Tanah 1960
- Akta Syarikat 1965
- Akta 505 Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993
- Al-Faruqi, I. R. 1992. *Al Tawhid: Its Implications on Thought and Life* (Vol. 4). IIIT.
- Al-Mawardi, A. H. A. (1996). *al-Ahkam al-Sulthaniyah wa-Wilayat al-Diniyah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Mawardi, A. i. M. (2005). *Al-Ahkam as-sultaniyyah: The laws of Islamic governance* (A. Yate, Trans.). London: Ta-Ha Publishers.
- Azman, I. & Md. Habibur, Rahman (2013). *Islamic Legal Maxims, Essentials and Application*, Kuala Lumpur, IBFIM.
- Baydoun, N. and Willet, R. (1998), "Islamic Corporate Reports" in *The Shariah, Islamic banks and Accounting Concepts and Practices*, Proceedings of International Conference 1: Accounting, Commerce and Finance: the Islamic Perspective, Sydney, Australia: University of Western Sydney, Macarthur

- Broadbent, J. *et al.* 1996. The development of principal-agent, contracting and accountability relationships in the public sector: Conceptual and cultural problems. *Critical Perspectives on Accounting* 7, pp. 259-284.
- Budiman, M.A., 2011. The role of wakaf for environmental protection in Indonesia.
- Cajee, Z.A., 2007. Revitalising the institution of awqaf in developing the community. In Singapore International Wakaf Conference 2007.
- Carnegie, G. D. and West, B. P. 2005. Making accounting accountable in the public sector. *Critical Perspectives on Accounting* 16(7), pp. 905-928.
- Chowdhury *et al.* 2011. Economics of Cash Wakaf Management in Malaysia: A proposed Cash WAKAF model for practitioners and future researchers. *African Journal of Business Management*, 5(30).
- Christensen, R.A. and Ebrahim, A., 2006. How does accountability affect mission? The case of a nonprofit serving immigrants and refugees. *Non-profit Management and Leadership*, 17(2), pp.195-209.
- Cizacka, M. 1998. Awqaf in history and its implications for modern economics. *Islamic Economic Studies* 6(1), pp. 43-70.
- Cizacka, M. 2000b. A history of philanthropic foundations: The Islamic world from the seventh century to the present. Istanbul: Bogazici University Press.
- Çizakça, M. 1998. Awqaf in History and Its Implications for Modern Islamic Economies. *Islamic Economic Studies*, 6(1).
- Connolly, C., Hyndman, N. and McConville, D., 2013. UK charity accounting: An exercise in widening stakeholder engagement. *The British Accounting Review*, 45(1), pp.58-69. Vancouver
- Dubnick, M. J. and Justice, J. B. 2004. Accounting for accountability. In: Annual Meeting of the American Political Science Association. September 2-5, 2004. The American Political Science Association, p. 33.
- Ebrahim, A., 2003. Accountability in practice: Mechanisms for NGOs. *World development*, 31(5), pp.813-829.
- Enakmen Majlis Agama Islam Kelantan dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994
- Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001
- Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Pahang 1991
- Erkkila, T. 2007. Governance and accountability - A shift in conceptualisation. *Public Administration Quarterly* Spring, p. 38.
- Ezzamel, M. 1997. Accounting, control and accountability: Preliminary evidence from ancient Egypt. *Critical Perspectives on Accounting* 8(563-601), p. 563.
- Gambling, T. and Karim, R., 1991. *Business and Accounting Ethics in Islam* (Mansell, London). Council of Europe, London, pp.23-47.

- Glynn, J. J. and Murphy, M. P. 1996. Public management: Failing accountabilities and failing performance review. *The International Journal of Public Sector Management* 9(5/6), pp. 125-137.
- Goddard, A. and Powell, J. 1994. Accountability and Accounting: Using Naturalistic Methodology to Enhance Organizational Control – A Case Study. *Accounting, Auditing & Accountability Journal* 7(2), pp. 50-69.
- Gray, A. and Jenkins, B. 1993. Codes of Accountability in the New Public Sector. *Accounting, Auditing & Accountability Journal* 6(3), pp. 52-67.
- Gray, A. and Jenkins, B. 1993. Codes of Accountability in the New Public Sector. *Accounting, Auditing & Accountability Journal* 6(3), pp. 52-67.
- Gray, R. *et al.* 1988. Corporate Social Reporting: Emerging Trends in Accountability and the Social Contract. *Accounting, Auditing & Accountability Journal* 1(1), pp. 6-20.
- Gray, R. *et al.* 1996. *Accounting & accountability: changes and challenges in corporate social and environmental reporting* London: Prentice-Hall.
- Gray, R., *et al.* 1987, *Corporate Social Reporting: Accounting and Accountability*, Prentice-Hall, London
- Gray, R., *et al.* 1991, “Accountability Corporate Social Reporting, and the External Social Audits”, *Advances in Public Interest Accounting*, Vol. 4, pp. 1-21.
- Haneef, S.S.S., 2010. Optimisation of philanthropic wakaf: the need for Maqasid-based legislative strategies. *Shariah Law Reports*, 2, pp.45-29. Mahmud, M.W. and Haneef, S.S.S., 2010. Optimisation of philanthropic wakaf: the need for Maqasid-based legislative strategies. *Shariah Law Reports*, 2, pp.45-29.
- Hasan, S. 2007. *Philanthropy and social justice in Islam*. Kuala Lumpur: A.S. Nordeen, p. 342.
- Hoexter, M. 1998. Endowments, rulers and community: Wakaf al Haramayn in Ottoman Algiers. *Studies in Islamic Law and Society* 6.
- Hyndman, N. S. 1990. Charity Accounting - An empirical study of the information needs of contributors to UK fund raising charities. *Financial Accountability & Management* 6(4), pp. 295-307.
- Ibn Abidin, Muhammad Amin ibn Umar, 1966. *Radd al-muhtar cala al durr almukhtar*, Matbacat Mustafa al-Babiyyal-Halabiyy, Mesir, jil. 5, hlm.51
- Ibrahim, M. S. M. 2000. *The Need for Islamic Accounting: Perception of Its Objectives and Characteristics by Malaysian Accountants and Academics*. PhD, University of Dundee.
- Ibrahim, M.S.M. and Yaakob, H., 2006. Wakaf accounting in Malaysian State Islamic Religious Institutions: The case of Federal Territory SIRC. In *IIUM International Accounting Conference III*.
- Ihsan, H., 2007. *An exploratory study of wakaf accounting and management in Indonesian wakaf institutions: the cases of Dompot Dhuafa and UII wakaf foundations* (Doctoral dissertation, Kulliyah of Economics and Management Sciences, International Islamic University Malaysia).

- Ishaque, M.K., 1978. *Islamic Law: Its Ideals and Principles. The Challenge of Islam*, Islamic
- JAWHAR, 2009. *Manual Pengurusan Perakaunan Wakaf*.
- Kamil, M.I. 2005. The role of intrinsic motivational factors on compliance behaviour of zakat on employment income, in *Isu-isu Kontemporari Zakat di Malaysia. (1st Ed.)*. Melaka: UiTM pp. 137-170.
- Kanun Tanah Negara 1965
- Kearns, K. P. 1994. The strategic management of accountability in nonprofit organizations: An analytical framework. *Public Administration Review* 54(2), pp. 185-192.
- Khair, A. 2013, "The concept of time value of money: A Shari'ah viewpoint", *International Journal of Islamic Banking and Finance*, 3:2, 1-15.
- Khan. 1991, "Time value of money and discounting in Islamic perspective", *Review of Islamic Economics*, 1:2, 35-45.
- Kilby, C., 2006. Donor influence in multilateral development banks: The case of the Asian Development Bank. *The Review of International Organizations*, 1(2), pp.173-195.
- Laldin, M.A., Mahmud, M. W., dan Sawari, M. F., 2009. *Maqasid Shariah Dalam Pelaksanaan Wakaf*. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 2 (2), ms 1-24
- Laldin, M.A., Bouheraoua, S., Ansary, R., AbdulKhair, M. F., Ali, M. M., & Mustafa, M. M. (2013). *Islamic legal maxims & their applications in Islamic finance*, Kuala Lumpur: ISRA.
- Laughlin, R. C. 1990. A model of financial accountability and the Church of England *Financial Accountability & Management* 6(2), p. 93.
- Leruth Luc and Paul, E. 2007. A principal-agent theory approach to public expenditure management systems in developing countries. *OECD Journal on Budgeting* 7(3), pp. 1-29.
- Mahamood, S. M. 2006. *Wakaf in Malaysia: Legal and administrative perspectives*. First ed. Kuala Lumpur: University Malaysia Press, p. 191.
- Mahamood, S. M. 2006. *Perundangan Wakaf dan Isu-Isu Berbangkit*. *Konvensyen Wakaf Kebangsaan anjuran Jabatan Wakaf Zakat dan Haji*, 12-14 September
- Mahmud, M.W. and Haneef, S.S.S., 2010. Optimisation of philanthropic wakaf: the need for Maqasid-based legislative strategies. *Shariah Law Reports*, 2, pp.45-29.
- Marsoof, S. 2004, "Awqaf experience in Sri Lanka", *Awqaf*, Vol. 6, pp. 1-32
- Masruki, R. and Shafii, Z., 2013. The development of wakaf accounting in enhancing accountability. *Middle-East Journal of Scientific Research*, 13(13), pp.1-6.
- Mulgan, R. 2000. 'Accountability': An ever-expanding concept? *Public Administration* 78(3), pp. 555-573.

- Mushtaq A., 2005. The Institution of Wakaf and its Historical evolution: With Special Reference to The Dargah of Ajmer, in Rashid Khalid's (ed.) Protection, Maintenance & Development of Awqaf in India. New Dehli, Institute of Objective Studies.
- Nahar, H.S. and Yaacob, H., 2011. Accountability in the sacred context. *Journal of Islamic accounting and business research*, 2(2), p.87
- O'Dwyer, B. and Unerman, J., 2008. The paradox of greater NGO accountability: A case study of Amnesty Ireland. *Accounting, Organizations and Society*, 33(7), pp.801-824.
- Osman, A.Z., 2010. Accountability in wakaf management: learning from praxis of nongovernmental organization (NGO).
- Palmer, P. and Vinten, G. 1998. Accounting, auditing and regulating charities - towards a theoretical underpinning. *Managerial Auditing Journal* 13(6), pp. 346-355.
- Parker, L. and Gould, G. 1999. Changing public sector accountability: critiquing new directions. *Accounting Forum* 23(2), pp. 109-135.
- Patton, J. M. 1992. Accountability and governmental financial reporting *Financial Accountability & Management* 8(3), p. 165.
- Perlembagaan Persekutuan Malaysia
- Pirasteh, H. and Abdolmaleki, H., 2007, March. Developing awqaf properties and Islamic financial engineering: a conceptual and empirical analysis. In *Singapore International*
- Qasmi, Q., M., I., 2002. "Wakaf in Islamic Fiqh", ", in Rashid, S. Khalid (ed), *Wakaf Experience in South Asia*, New Delhi, Institute of Objective Studies.
- Rashid, S.K., 2002. Origin and Early History of Wakaf and Other Issues. *Awqaf Experience in South Asia*. New Delhi: Institute of Objective Studies.
- Roberts, J. 1991. The possibilities of accountability. *Accounting, Organizations and Society* 16(4), pp. 355-368.
- Roberts, J. and Scapens, R. 1985. Accounting systems and systems of accountability -- understanding accounting practices in their organisational contexts. 10, pp. 443-456.
- Roff, W. R. 1998. Patterns of Islamization in Malaysia, 1980s-1990s: Exemplars, institutions, and vectors. *Journal of Islamic Studies* 9(2), pp. 210-228.
- Saleem, M. Y. 2007. *A Handbook on Fiqh for Economist 2*. Gombak: International Islamic University of Malaysia.
- Sapingi, R., Obid, S.N.S. and Nelson, S.P., 2014. Towards developing a disclosure index for Malaysian Zakat Institutions. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 11(1), pp.7-31
- Shatzmiller, M. 2001. Islamic institutions and property rights: The case of the 'public good' wakaf. *Journal of the Economic and Social History of the Orient* 44(1), pp. 44-74.

- Shirbini, M. i. A. (2015). The book of endowment (kitab al-wakaf) from Mughni al-muhtaj ila ma'rifat ma'ani al-faz al-minhaj (N. M. Lock, Trans.).
- Sinclair, A. 1995. The chameleon of accountability: Forms and discourses. *Accounting, Organizations and Society* 20(2-3), pp. 219-237.
- Siraj, S.A., 2012. An empirical investigation into the accounting, accountability and effectiveness of wakaf management in the State Islamic Religious Councils (SIRCS) in Malaysia (Doctoral dissertation, Cardiff University).
- Stewart, J. D. 1984. The role of information in public accountability. In: Hopwood, A. and Tomkins, C. eds. *Issues in Public Sector Accounting*. Oxford: Philip Allan Publishers Limited, p. 247.
- Suharto, U. (2005). *Kitāb al-amwāl: Abū 'Ubayd's concept of public finance*. Kuala Lumpur, Malaysia: International Institute of Islamic Thought and Civilization.
- Sulaiman, M. *et al.* 2009. Trust me! A case study of the International Islamic University Malaysia's Wakaf Fund. *International Association for Islamic Economics* 13(1), pp. 69-88.
- Toraman, C. *et al.* 2007. Cash awqaf in the Ottomans as philanthropic foundations and their accounting practices. In: *The Fifth Accounting History International Conference*. Canada.
- Usmani, M. M. T. (2008). *An introduction to Islamic finance*. Karachi, Pakistan: Quranic Studies Publishers.
- Wahid, H. and Kader, R.A., 2010. Localization of Malaysian zakat distribution: Perceptions of amil and zakat recipients. *Bangi, Malaysia, sn*, pp.461-484.
- Walker, P. 2002. Understanding accountability: Theoretical models and their implications for social service organizations. *Social Policy and Administration* 36(1), pp. 62-75.
- Wan Ahmad, W. M., Roff, W., Newman, A., Hillenbrand, C., Shihadeh, A., & University of, E. (2012). *Zakat investment in Malaysia: a study of contemporary policy and practice in relation to Shari'a*. Wakaf Conference.
- Rashid, S.K., 2007. Issues inherent in the development of wakaf properties. In *International wakaf conference Southern Africa Cape Town, South Africa*.
- Yaacob, H.H., 2006. *Wakaf accounting in Malaysian state Islamic religious institutions: The case of Federal Territory SIRC* (Doctoral dissertation, Kulliyah of Economics and Management Sciences, International Islamic University Malaysia).
- Yusuf, A. (1990). *al-Mal fi al-Shariah al-Islamiyyah bayn al-kasb wa al-infaq wa al-tawrith*, Dar al-Thaqafah li al-Nashr wa al-Tauzi c, Kaherah
- Zain, S.R.M., 2005. *Determinants of financial reporting practices on wakaf by Malaysian state Islamic religious Council in Malaysia*. Unpublished masters' dissertation. International Islamic University Malaysia, Kuala Lumpur

- Zainon, S., Atan, R. and Bee Wah, Y., 2014. An empirical study on the determinants of information disclosure of Malaysian non-profit organizations. *Asian Review of Accounting*, 22(1), pp.35-55.
- Zakari, M. A. 2013. Performance of wakaf institutions in Malaysia. Unpublished Master's Dissertation, International Islamic University of Malaysia, Gombak, Selangor, Malaysia.
- Zaydan, A. A. K. (2009). *al-Madkhal li-dirasat al-Shariah al-Islamiyah*. Mu'assasat al-Risalah.
- Zuhaili, Muhammad, 1993, 'Al-Nazariyat Al-Fiqhiyah'. Damascus, Dar Al-Qalam Press
- Zuhaylî, W.A., 2002. *Al-Mu 'âmalât al-Mâlîyah al-Mu 'âshirah*. Damascus: Dâr al-Fikr.

LAMPIRAN 4A
MPSAS 12 – INVENTORI

NO.	HURAIAN	WAKAF	ZAKAT	BAITULMAL	CATATAN
1.	<p><u>Inventori aset:</u></p> <p>(a) Dalam bentuk bahan atau bekalan yang akan digunakan dalam proses pengeluaran;</p> <p>(b) Dalam bentuk bahan atau bekalan yang akan digunakan ataupun diagihkan semasa menyediakan perkhidmatan;</p> <p>(c) Dipegang untuk jualan atau pengagihan semasa menjalankan operasi biasa; atau</p> <p>(d) Dalam proses pengeluaran untuk jualan atau pengagihan.</p>				
